

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 11

Khamis

22 April 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

(Ruangan)

USUL:

- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

- Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 22 April 1999
Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) tidak hadir]

2. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan untuk menyediakan bekalan elektrik secara berterusan (24 jam) ke Pulau Ketam oleh Tenaga Nasional Berhad, di mana pada masa sekarang sebuah syarikat swasta (P.K. Electricity Co.) membekalkan kuasa elektrik 22 jam sehari. Dengan bekalan berterusan, industri perikanan boleh dipergiatkan dan menarik pelabur-pelabur tempatan dan dari luar negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin mengenai penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan kemudahan-kemudahan lain. Mengenai bekalan elektrik 24 jam ke Pulau Ketam, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi mengkaji kedudukan perkara ini serta memperakukan satu opsi yang paling sesuai bagi menyediakan bekalan elektrik berterusan selama 24 jam. Adalah diharapkan jawatankuasa ini akan dapat memberikan keputusan mengenai kajiannya secepat mungkin bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan selanjutnya.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membekalkan tenaga solar untuk menambahkan tenaga elektrik di Pulau Ketam dan Sungai Lima?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membekalkan bekalan elektrik ke Pulau Ketam dengan sistem solar. Sebaliknya, Tenaga Nasional telah diarah untuk mengkaji kemungkinan ataupun cara-cara yang sesuai sekali untuk membekalkan tenaga elektrik ke Pulau Ketam dan juga sebahagian Sungai Lima secara 24 jam. Tiga cara telah pun dikenal pasti seperti berikut:

- (i) bekalan melalui kabel dasar laut 33 kv daripada sistem grid di Tanah Besar;
- (ii) bekalan melalui kabel dasar laut 11 kv daripada sistem grid di Tanah Besar; dan
- (iii) dengan menaikan taraf stesen janakuasa diesel di Pulau Ketam.

Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi akan mengkaji dan cadangan akan diberikan kepada pihak kementerian saya dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Selain daripada itu, baru-baru ini saya telah mengadakan satu lawatan ke tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan saya sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji apa jua cadangan yang akan dikemukakan kepada saya, dan saya akan menjemput Yang Berhormat untuk menyertai jawatankuasa ini supaya bersama-sama kita mengkaji masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan di Dewan yang mulia ini berapa syarikat, seperti PK Electricity Company yang masih beroperasi di negara kita. Mengikut rancangan kementerian dan juga pihak TNB, bilakah TNB dapat membekalkan electricity kepada semua kawasan di negara kita ini dengan tidak perlu syarikat swasta untuk membekalkan electricity?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka mengenai bilangan syarikat swasta seperti Pulau Ketam Electric Company. Walau bagaimanapun, kebanyakan tempat di seluruh negara di mana dahulunya menikmati bekalan daripada syarikat bekalan elektrik swasta ini telah diambil alih oleh pihak TNB. Kalau sekiranya ketiga-tiga rancangan yang dicadangkan oleh TNB yang saya sebutkan tadi dapat diterima oleh kementerian saya, maka pada satu masa yang akan datang peranan yang dimainkan oleh Pulau Ketam Electric Company akan juga diambil alih oleh pihak TNB. Ini adalah rancangan kerajaan dan saya harap dalam tempoh lima sampai sepuluh tahun ini seluruh negara ini dapat menikmati bekalan elektrik daripada pihak TNB.

[Soalan No. 3 – Y.B. Puan Chua Soon Bui (Tawau) tidak hadir]

4. **Dato' Haji Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah masih terdapat bilangan yang besar pencerobohan pendatang tanpa izin ke negara ini di samping langkah-langkah ketat yang telah diambil oleh kerajaan dan apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat memastikan sebab sebenar berlaku kedatangan warganegara asing secara haram ke negara ini. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka dipercayai datang untuk mencari pekerjaan dengan andaian mendapat kerja dan juga upah yang lumayan berbanding dengan peluang pekerjaan dan gaji di negara asal mereka. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah bagi mengawal kemasukan pendatang tanpa izin ini dengan mengadakan rondaan yang bersepadu di antara agensi penguat kuasa seperti polis, imigresen, tentera dan RELA.

Masalah yang dihadapi dalam hal ini ialah kekurangan anggota untuk mengawal pantai yang panjang dan mustahil bagi agensi penguatkuasa mengawal setiap masa. Nanum demikian, sukacita saya menyatakan bahawa sepanjang tahun 1998 pihak berkuasa telah pun mengesan 949 pendaratan di kawasan-kawasan pantai di negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor dan telah menghasilkan tangkapan sebanyak 12,372 orang. Bagi tahun ini dalam tempoh dua bulan pertama, pendaratan

yang dikesan ialah 116 orang dan tangkapan sebanyak 2,268 orang. Di samping itu, kedatangan mereka ini juga dipercayai didalangi oleh sindiket yang melibatkan juga penduduk tempatan.

Kerajaan juga menerima hakikat bahawa pendatang tanpa izin tidak akan mencerooboh masuk ke negara kita kecuali mereka yakin akan mendapat pekerjaan di sini. Oleh itu, rakyat kita sendiri yang sanggup menggaji pendatang tanpa izin. Ini adalah merupakan satu masalah besar yang memburukkan lagi keadaan. Untuk itu, kerajaan telah pun meminda Akta Imigresen pada tahun 1997 di mana hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang menggaji pendatang tanpa izin. Dalam pindaan tersebut, majikan yang menggaji seorang atau lebih pendatang tanpa izin, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM50,000 bagi setiap pendatang tanpa izin tersebut. Dan jika menggaji lebih daripada lima orang, majikan tersebut jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak kurang daripada enam bulan tetapi tidak lebih dari lima tahun. Dalam keadaan tertentu, pesalah juga boleh dikenakan rotan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagi setiap orang yang ditangkap, misalnya Yang Berhormat kata lebih 12,000 ditangkap. Bagi setiap orang yang ditangkap, berapa orang lagi yang tidak diketahui masuk ke negara ini. Yang keduanya, mengenai sindiket yang disebutkan tadi, kita menghadapi masalah ini lebih satu dekad, hampir dua dekad. Mungkin sindiket-sindiket ini dikenal pasti oleh pihak kementerian. Apakah tindakan yang diambil ke atas mereka ini, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan asal pendatang-pendatang haram ini sama ada dari Bangladesh, Indonesia, Myanmar, Republik Rakyat China dan sebagainya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan Yang Berhormat itu panjang sangat, terlalu banyak, macam-macam aspek.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Menyampuk*]

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Yalah panjang sangat. Yang Berhormat kena spesifik sedikitlah. Namun demikian, saya ingin menyatakan memang kita faham, ini kebimbangan kerajaan untuk setiap tangkapan itu saya yakin bahawa ada juga orang yang berjaya menyeludup masuk. Ini adalah masalah negara, masalah kita semua. Jadi, saya rasa semua rakyat perlulah beri kerjasama termasuk

RELA, JKK dan sebagainya. Alhamdulillah, kita memang dapat banyak kerjasama dari Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung khususnya di pantai-pantai dan sebagainya. Ini adalah, dengan izin, very costly affair kepada rakyat dan juga negara.

Sejak Akta Imigresen telah dipinda, kita telah pun mengambil pelbagai tindakan misalnya, kita telah pun mengambil tindakan pada tahun 1998 dan 1999 terhadap 742 orang rakyat kita yang telah sedikit-sebanyak memainkan peranan untuk memburukkan keadaan ini.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak negara mengalami kegawatan ekonomi, proses penghantaran pendatang tanpa izin ini nampaknya telah dipertingkatkan. Lebih-lebih lagi kita difahamkan seramai 800,000 orang pendatang tanpa izin berada di negara kita, tidak termasuk 400,000 keluarga mereka. Jadi, soalan saya ialah setakat ini bilangan yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan siapakah yang sebenarnya yang menanggung kos penghantaran ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah pun buat keputusan sejak beberapa tahun, pertamanya kita hendak mengurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing. Keduanya, pekerja yang ada dalam negara ini pun kita hendak kurangkan sedaya mungkin. Alhamdulillah, oleh sebab hasil daripada pelbagai tindakan yang telah diambil, pekerja asing yang sah di negara kita yang lebih kurang 1.2 juta dua tahun sudah, sekarang telah pun dikurangkan kepada lebih kurang 700,000 sahaja. Tetapi kita masih menghadapi pendatang secara haram ini dan memanglah kosnya terlalu tinggi, apabila kita tangkap mereka kita terpaksa tahan mereka di kem-kem tahanan. Misalnya, pada tahun 1998 dan 1999 lebih kurang 12,000 dan selepas itu kita terpaksa pula cari jalan untuk menghantar mereka pulang. Ini semua memakan belanja yang banyak. Jadi, oleh sebab itu, kerajaan mengharapkan rakyat akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam segala usaha kita untuk membanteras masalah pendatang tanpa izin.

5. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) jumlah pendapatan (hasil) JPJ mengikut bahagian/sector tahun 1998 dan adakah rancangan menswastakan bahagian pendaftaran dan perlesenan kereta motor akan diteruskan dan bila; dan
- (b) jumlah kakitangan JPJ dan PUSPAKOM yang diambil tindakan tatatertib, diberhentikan, dan didakwa di mahkamah pada tahun 1998 dan apakah langkah mengatasinya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada tahun 1998 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah berjaya memungut hasil sebanyak RM2.18 bilion daripada aktiviti yang dijalankan seperti berikut:

Aktiviti	Kutipan (RM/Juta)
Lesen memandu	216.0
Pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor	1.9
Penguatkuasaan	40.0
Lain-lain	7.4

Bagi rancangan menswastakan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kereta/Motor JPJ adalah dimaklumkan bahawa perkara ini masih dalam pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

- (b) Bilangan kakitangan JPJ yang telah dikenakan tindakan tatatertib, buang kerja dan didakwa di mahkamah sepanjang tahun 1998 adalah seperti berikut: tindakan tatatertib, hukuman selain buang kerja atau turun pangkat – 37 orang; buang kerja – 11 orang; didakwa di mahkamah – 11 orang.

Bagi mengatasi masalah kakitangan JPJ daripada terlibat dengan gejala-gejala yang tidak diingini seperti rasuah, langkah-langkah telah diambil secara berterusan seperti berikut:

- (i) menyemak dari masa ke semasa dan mempertimbangkan kecekapan urusan dalam semua aktiviti yang melibatkan orang awam mengatasi kelemahan masih ada dan menutup ruang yang menjurus kepada perlakuan rasuah;
- (ii) perisytiharan harta bagi semua pegawai anggota JPJ;
- (iii) meningkatkan kesedaran kepada pegawai, kakitangan melalui pengedaran risalah dan tayangan video dan nasihat di majlis perhimpunan rasmi jabatan seperti Perhimpunan Setia, mesyuarat pengurusan, mesyuarat pagi dan perjumpaan pegawai-pegawai dan kakitangan;
- (iv) kursus keutuhan dan motivasi bagi memantapkan kecekapan dan menyedarkan mereka tentang tugas dan tanggungjawab; dan
- (v) memperketatkan prosedur dan tatacara permohonan untuk membeli kenderaan bermotor seperti Arahan Jabatan Bil. 13/1998.

Bagi kakitangan yang diambil tindakan tatatertib dan dibuang kerja di PUSPAKOM sepanjang tahun 1998 pula ialah seramai 10 orang, di mana lapan orang kakitangan dikenakan tindakan tatatertib, sementara dua lagi telah dibuang kerja.

Bagi mengatasi masalah kakitangan yang terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat di PUSPAKOM, pihak pengurusan PUSPAKOM telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) mengadakan kursus dan dialog bagi mempertingkatkan kemahiran pekerja, kesedaran profesionalisme di dalam menjalankan tugas, nilai kerohanian dan kesedaran berhubungan dengan pelanggan;
- (ii) membuat penguatkuasaan dari masa ke semasa melalui cara memperkemas prosedur dan tatacara kerja dan membuat audit bagi menjamin kualiti dan aktiviti; dan

- (iii) mengadakan taklimat harian di pusat-pusat seluruh negara bagi mempertingkatkan imej diri, kakitangan dan syarikat dan memperkemaskan dengan lebih berkesan, melayani pelanggan serta memberi motivasi kepada pekerja bagi mengelakkan gejala negatif seperti rasuah dan kepentingan diri.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di negara-negara maju seperti di Australia dan New Zealand, seorang pemandu hanya perlu mendapat lesen sekali sahaja dan tidak perlu membaruinya. Rasional mereka adalah kerana bila membarui lesen terdapat banyak administrative fees. Pelan ini telah diimplimentasikan di seluruh negara Barat. Apakah sebab ia tidak diimplimentasikan di negara kita dan apakah justifikasinya?

Mengenai PUSPAKOM, siapakah yang mengawal selia mereka dalam aktiviti-aktiviti mereka, terutama sekali adakah kerajaan berniat kereta-kereta persendirian bila diperiksa pada satu jangka masa enam bulan atau 12 bulan supaya ia adalah fit to be on the road tetapi undang-undang yang sedia ada hanya untuk commercial vehicle sahaja.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ada tiga soalan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, ialah berkenaan dengan lesen memandu. Kita tidak adakan sekali, tidak ada pembaharuan sebab kita gunakan tiap-tiap tahun, dua tahun ataupun lima tahun. Oleh kerana kita hendak menjaga supaya pemandu kita ini kalau ada apa-apa masalah kita boleh melihatnya atau menyekatnya semasa dia datang hendak memandu. Pemandu kita kadang-kadang ini dia ada kesalahan, dia tidak ada buat laporan. Jadi bila kita hantar saman dan sebagainya maka alamat dia bertukar dan sebagainya. Jadi benda ini dimasukkan ke dalam komputer apabila mereka datang untuk membaruinya kita tahulah dia di mana. Sebab itu kita lebih suka buat masa ini untuk membarui lesen tiap-tiap tahun seperti juga dengan road tax dan cukai jalan.

Perkara yang kedua ialah berkenaan dengan PUSPAKOM. Memang dikawalselia itu, kementerianlah kawalselia. Tetapi untuk kereta persendirian pada

ketika ini kita tidak bercadang untuk membawa kereta persendirian untuk disemak ataupun diperiksa enam bulan sekali seperti kereta-kereta yang komersial. Kalau kita buat macam itu saya ingat, satu mungkin lebih baik tetapi cuba fikirkan berapa juta kereta kita kena periksalah. Saya berpendapat administratively itu akan memakan masa dan melambatkan lagilah. Tetapi ada cadangan untuk membuat pemeriksaan kereta-kereta second hand yang hendak dibeli. Kalau kita membeli kereta yang second hand - yang sudah terpakai ada dicadangkan supaya PUSPAKOM menyemak kereta ini ataupun memeriksa kereta ini sama ada di dalam keadaan yang baik sebelum dapat dijual kembali. Itu adalah cadangan yang baik dan itu belum dilaksanakan lagi. Tetapi untuk menyemak semua kereta itu tidak mungkinlah buat ketika itu. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana berjaya memungut sebanyak RM21 bilion dalam tempoh satu

tahun yang lepas ini. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, dari RM21 bilion ini yang dipungut itu negeri manakah yang dapat pungutan yang terbanyak dan di manakah yang mendapat pungutan yang paling sedikit dan di Kelantan hasil daripada Kelantan berapa banyak? Ini yang terakhir itu yang penting, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Sebenarnya saya hendak buat pembetulan bukan RM21 bilion, RM2.1 bilion. Kalau RM21 bilion itu lain cerita. Yang banyak sekali aktiviti pendaftaran dan plesenan kenderaan RM1.9 bilion perpuluhanlah, sebab kata perpuluhan tadi tidak berapa faham. Jadi saya kata pointlah. Jadi negeri mana saya tidak ada angka di sini, saya boleh beri kepada Yang Berhormatlah besok ataupun hari Isnin. Di Kelantan, saya ingat di Kelantan pun saya tidak adalah. Tidak ada angkalah, saya bagilah nanti..... [*Ketawa*].

[**Soalan No. 6** - *Y.B Puan Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir*]

7. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah sumbangan dan bantuan yang diberi kepada Indonesia sejak krisis ekonomi di rantau Asia. Adakah Malaysia menerima apa-apa bantuan sedemikian dari mana-mana negara untuk tujuan yang sama?

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan semangat setia kawan dalam ASEAN Kerajaan Malaysia pada bulan Oktober 1997 telah mengumumkan pinjaman kewangan kepada Indonesia dan perkara ini telah dimaklumkan pada bulan Mac 1998 iaitu tahun lalu, pinjaman sebanyak US\$1 bilion. Tetapi memandangkan keadaan ekonomi Malaysia yang juga turut terjejas akibat daripada kemelesetan ekonomi pada bulan September 1998, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan rancangan kita bagi memberi bantuan sebanyak US\$1 bilion kepada negara Indonesia.

Bahagian kedua soalan, sama ada Malaysia pernah menerima bantuan seperti negara-negara lain, Malaysia tidak ada menerima bantuan daripada IMF yang ada ialah pinjaman yang kita perolehi daripada pada negara Jepun khususnya dan juga pinjaman yang kita perolehi daripada beberapa institusi pelbagai hala termasuklah Bank Dunia. Seperti yang pernah kita jelaskan dalam Dewan ini, sejak krisis ini bermula di negara kita, Kerajaan Malaysia telah berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM17.61 bilion dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM9.55 bilion adalah daripada negara Jepun iaitu kira-kira 60% daripada pinjaman yang kita perolehi sejak tahun lalu adalah daripada Jepun.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mencadangkan supaya ASEAN menubuhkan sebuah tabung pemulihan ekonomi ASEAN untuk membantu negara-negara anggota yang

teruk dilanda oleh kegawatan ekonomi kerana ini lebih baik daripada bantuan secara bersendirian seperti sekarang dan ini juga boleh mempercepatkan pemulihan ekonomi rantau ini dan juga sebagai bukti setia kawan anggota negara ASEAN. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada rancangan untuk mengusulkan supaya ditubuhkan satu tabung pemulihan ekonomi ASEAN kerana negara-negara ASEAN kebanyakannya kecuali satu, dua menghadapi masalah yang serius. Kalau kita hendak tubuhkan tabung ini sudah pasti sumbangannya perlu datang daripada negara-negara rantau ini dan oleh kerana kita tidak mampu sudah pasti ini merupakan satu cadangan yang tidak dapat dilaksanakan. Dalam hal ini ingin dimaklumkan bahawa negara-negara ASEAN berterima kasih kepada Jepun umpamanya telah mengumumkan bantuan US\$30 bilion di bawah Perancangan Miyazawa. Ini dijangka akan membantu memulihkan ekonomi-ekonomi negara ASEAN. Hari ini ada kenyataan daripada Jepun yang menyatakan bahawa Menteri Kewangannya, Encik Miyazawa mungkin - mengikut laporan akhbar sedang menimbangakan bantuan tambahan selain daripada Pelan Miyazawa sebanyak US\$30 bilion yang telah diumumkan dan sedang dilaksanakan di mana Malaysia pun menerima sedikit sebanyak faedah daripada Rancangan Miyazawa ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada luar negara itu terutama sekali Jepun, boleh tidak Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapakah faedah yang dikenakan terhadap pinjaman tersebut dan bagaimanakah program jangka masa bayaran balik pinjaman tersebut dan memakan masa berapa lama untuk menjelaskan pinjaman tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terma untuk pinjaman yang kita perolehi daripada negara Jepun adalah amat menggalakkan sekali. Boleh kita bahagikan kepada

dua kumpulan. Yang pertama, di mana termanya amatlah rendah dan tempoh pembayarannya adalah amat panjang.

Yang kedua, pinjaman kadarnya rendah tetapi tempoh bayaran baliknya adalah pendek sedikit. Umpamanya pinjaman yang kita perolehi untuk lima projek di bawah OECF di mana kadar faedahnya cuma 0.75 % iaitu yang paling murah dalam dunialah dan tempoh bayarannya, bayaran balik 40 tahun. Kita cuma bayar balik dalam tempoh 40 tahun. Ini merupakan terma yang terbaik yang pernah kita dapati daripada mana-mana pihak.

Selain itu kita juga ada pinjaman yang mana satu contoh yang di guarantee oleh pihak MITI-Jepun di mana kadar faedahnya ialah kira-kira 1.5% dan bayaran baliknya 5 tahun. Jadi kita ada daripada Jepun ini ada empat jenis pinjaman semuanya. Satu, bentuk pinjaman kadar faedah amat rendah, bayaran balik amat panjang dan satu lagi tempohnya pendek tetapi kadar faedahnya juga rendah. Boleh kita katakan bahawa kadar faedah yang kita perolehi ini merupakan kadar faedah yang terbaik yang pernah kita perolehi daripada mana-mana negara.

[Soalan No. 8 - Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] tidak hadir]

[Soalan No. 9 - Tuan Radin Malleh [Tenom] tidak hadir]

10. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapakah kerajaan begitu lembut dengan PLUS dan lain-lain syarikat konsesi lebuh raya, apakah tindakan diambil untuk memastikan terdapat ketelusan dalam perundingan semula dengan syarikat-syarikat tersebut untuk mendapatkan kadar tol yang munasabah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang mengatakan kerajaan berlembut dengan syarikat-syarikat konsesi termasuk PLUS seperti yang didakwa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak timbul sama sekali kerana dalam melaksanakan pembinaan lebuh raya dan kutipan tol, syarikat-syarikat adalah terikat dengan peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara kerajaan dan syarikat. Sebarang tindakan

semasa dan selepas pembinaan projek adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengamalkan sikap ketelusan di dalam melaksanakan program pembangunan untuk rakyat

Setiap aspek kepentingan pengguna diambil kira di dalam setiap perundingan yang diadakan di antara kerajaan dan syarikat konsesi. Pada masa yang sama kerajaan juga tidak menyetepikan hak syarikat konsesi memandangkan pelaburan yang besar oleh mereka di dalam sektor berkenaan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar tentang kritikan-kritikan terhadap kementerian Yang Berhormat bahawa kementerian Yang Berhormat amatlah tidak peka kepada rungutan-rungutan orang awam bersabit dengan masalah-masalah mengenai ketelusan ketika melaksanakan perjanjian di antara pihak kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang positif telah dan sedang ataupun akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah rungutan orang awam yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa sehingga rakyat bersetuju dengan bayaran kadar-kadar tol yang dikenakan. Jika tidak, kerajaan tidak akan menimbang untuk membina apa pun lebuhraya untuk negara ini. Adakah ini benar, kalau benar itu satu sikap yang kurang bertanggungjawab, saya fikir ini patut di 'rectify'kan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dakwaan Yang Berhormat seperti yang saya jawab dari awal tadi tidak benar kerana kita sentiasa peka atas semua aspek aduan rakyat berhubung dengan masalah bayaran tol, keadaan jalan dan sebagainya. Umpamanya baru-baru ini Kabinet telah memutuskan ada enam buah jalan yang telah ditandatangani untuk diswastakan pembinaannya telah ditangguhkan ekoran daripada aduan rakyat yang tidak bersetuju jalan-jalan berkenaan dibina dan kerajaan telah mengarahkan syarikat-syarikat konsesi yang menandatangani perjanjian

dengan kerajaan supaya balik kepada rakyat mendapatkan feedback daripada mereka berkenaan dengan keadaan yang sebenar.

Perkara yang lain – soal tol umpamanya. Walaupun kadar-kadar tol telah termaktub di dalam perjanjian yang sepatutnya diikuti tetapi ianya tidak automatik naik apabila sampai tarikhnya kerana kerajaan masih boleh merundingkan dengan syarikat konsesi yang berkenaan supaya dikurangkan ataupun dijadualkan semula seperti yang diberikan kepada pihak PLUS. Saya fikir jawapan ini telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pada 8 April yang lalu di mana satu contoh iaitu pihak PLUS telah memanjangkan tempoh konsesinya daripada tahun 2018 kepada tahun 2030 yang mana penjadualan semula pembayaran tol rendah tetapi jangkanya lebih panjang. Jadi, maknanya kerajaan tidak perlu membayar ganti rugi apabila dipanjangkan kompeni tidak rugi dan rakyat pun senang hati. Jadi, dalam erti kata yang sebenar ianya lebih kurang win-win situation, dengan izin, kepada semua pihak. Itu dua contoh yang boleh saya berikan kepada Dewan ini, terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa syarikat konsesi mempunyai asas mereka meletakkan kadar yang pada fikiran mereka adalah munasabah dan pada masa yang sama kita juga sedar bahawa rakyat membantah terhadap kadar-kadar yang telah ditetapkan itu. Bagi mengimbangi perkara tersebut, adakah kerajaan akan balik kepada jaminan pada mulanya dahulu apabila soal lebuhraya ini hendak dibuat iaitu jalan alternatif tetap disediakan kepada rakyat iaitu bagi mereka yang hendak menggunakan lebuhraya, hendak keselamatan dan juga cepat gunakan lebuhraya dan bagi mereka yang tidak mahu bayar tol boleh gunakan jalan alternatif. Jadi, adakah kerajaan melihat kepada usaha meningkatkan taraf jalan alternatif?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada soalnya memang telah saya jawab tadi. Kalau rakyat tidak mahu jalan tol maknanya, pertama, kerajaan tidak perlu membuat jalan tol, gunakan jalan yang sedia ada yang mana disenggarakan oleh kerajaan pembaikannya. Yang kedua, memang dikenakan syarat supaya jalan alternatif mesti ada, boleh jadi tidak begitu selesa di seluruh

penswastaaan lebu-lebu raya. Ada jalan alternatif yang elok dan ada yang tidak elok tetapi masih menjadi tanggungjawab kerajaan. Jadi, maknanya berbalik kepada soalan asal tadi, sama ada masa yang lalu ataupun masa depan jika sekiranya kerajaan meneruskan kepada satu-satu jalan penswastaaan yang hendak dibina, mesti ada jalan alternatif untuk rakyat . Terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] tidak hadir]

12. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah pihaknya bercadang untuk menganjurkan lebih banyak acara sukan ataupun lain-lain temasya bertaraf antarabangsa seperti Sukan Olimpik dan Sukan Asia di Komplek Sukan Negara Bukit Jalil memandangkan kemudahan yang ada di kompleks ini bertaraf dunia dan sekiranya lebih banyak penganjuran dibuat, ini akan menggalakkan kedatangan lebih banyak pelancong asing.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya berusaha untuk menjadikan Kompleks Sukan Negara sebagai pusat aktiviti sukan samada peringkat antarabangsa ataupun kebangsaan di negara ini. Sebarang penganjuran sukan yang besar akan diadakan di sini bergantung kepada kesesuaian acara berkenaan, umpamanya Kejohanan Hoki Dunia 2002 yang akan diadakan di Malaysia. Begitu juga sekiranya Malaysia berjaya menjadi 'host' Sukan Asia dan Sukan Olimpik, pastinya Kompleks Sukan Negara ini akan menjadi venue utama. Selain daripada itu, banyak lagi aktiviti lain yang diadakan di Kompleks Sukan Negara yang dirancangkan oleh Perbadanan Stadium Merdeka. Pertunjukan seperti Disney On Ice, konsert-konsert, pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti yang berbentuk sosial turut diadakan. Semua kegiatan ini telah menarik ramai pelancong sama ada dari dalam ataupun luar negara berkunjung ke Kompleks Sukan Negara ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah persiapan ataupun persediaan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan supaya[Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masuk ke Dewan][Tepuk] dapat kita menjadi tuan rumah untuk Sukan Olimpik dan apakah strategi yang digunakan tanpa memberi

hadiah-hadiah atau cenderahati yang mahal kepada ahli-ahli jawatankuasa Olimpik antarabangsa.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini ada sedikit terkeluar daripada soalan asal tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membuat bidding for the Olympic Game dan kertas ini telah dibentangkan kepada Kabinet untuk diluluskan kerana beberapa juta ringgit akan dibelanjakan untuk aktiviti, untuk bidding of the complex of the Olympic Game.

Walau bagaimanapun, berkenaan dengan hadiah atau cenderahati yang mahal yang dikatakan bahawa kita memberikan kepada pihak-pihak berkenaan supaya kita dapat berjaya, diberikan hak mengadakan Commonwealth Game, itu tidak benar. Kita tidak beri hadiah-hadiah atau cenderahati yang mahal. Jadi ini bukan tradisi kita. Untuk mendapat hak mengadakan Olympic Game kita tidak akan memberikan hadiah-hadiah atau cenderahati yang mahal. Itu adalah tidak benar dan Yang Berhormat tidak perlu bimbang.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil ini jarang dipakai oleh pasukan-pasukan atau kegiatan-kegiatan sukan, adakah kerajaan bersedia untuk membenarkan stadium sukan ini disewa oleh parti-parti politik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti politik kerana negara kita telah mengharamkan rapat umum dan juga boleh dipakai oleh mereka yang ingin membuat tunjuk perasaan supaya mereka ada ruang untuk tunjuk perasaan dan tidak pergi ke jalan-jalan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini.
[Sorak]

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kompleks Sukan Negara yang kita bina ini adalah untuk aktiviti-aktiviti sukan ataupun aktiviti-aktiviti bukan sukan seperti aktiviti sosial dan ada kaitan dengan perdagangan. Jadi, pada amnya Kompleks Sukan Negara ini tidak dibenarkan untuk parti politik khususnya untuk parti politik yang hendak buat tunjuk perasaan. Sebenarnya tunjuk perasaan itu dibuat oleh parti politik yang tidak bertanggungjawab, bukan oleh parti politik yang bertanggungjawab seperti

apa yang telah berlaku baru-baru ini. Jadi, pihak polis berhak untuk menentukan Kompleks Sukan Negara ini adakah dibenarkan untuk dipakai oleh pihak tertentu.

13. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk melantik pemegang-pemegang Jaksa Pengaman (JP) yang berkelayakan menjadi majistret kelas kedua bagi membantu majistret menyelesaikan kes-kes yang boleh dibicarakan di hadapan majistret kelas kedua dan membantu menyelesaikan kes-kes kecil yang banyak tertunggak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melantik Jaksa Pendamai bagi menjalankan tugas-tugas majistret kelas kedua atas sebab-sebab berikut:

- (i) Bilangan majistret yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk mengendalikan kes-kes di mahkamah majistret termasuk kes-kes kecil.
- (ii) Tambahan kepada jumlah majistret yang ada tidak menjamin perjalanan perbicaraan kes-kes kerana kekurangan bilik bicara di mahkamah-mahkamah yang ada.
- (iii) Kes-kes kecil di mahkamah majistret dapat diselesaikan dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas didaftarkan.
- (iv) Tiada undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Jaksa Pendamai (JP) untuk menjalankan kuasa-kuasa majistret kelas kedua.

Seksyen 99(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92) yang menyatakan bahawa, dengan izin,

“justice of piece in West Malaysia shall have and may exercise within the state for which they are appointed such powers not exceeding the powers of a second-class magistrate as may be conferred upon them by any written law.”

Kedudukan yang sama juga terdapat bagi Jaksa Pendamai di Sabah dan Sarawak seperti di bawah seksyen 99(2) akta yang sama. Jelasnya perlulah diwujudkan satu undang-undang bertulis (written law) terlebih dahulu sebelum Jaksa Pendamai dapat menjalankan tugas sebagai majistret kelas kedua.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dilantik ke jawatan yang baru dan jawapan sulong di Parlimen. Saya amat berpuas hati dengan jawapan yang diberi.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, walaupun pihak kerajaan telah menambah bilangan majistret tetapi masih lagi didapati di kawasan luar bandar, sebagai contoh, di Sabak Bernam dan Kuala Selangor, dua daerah hanya ada satu majistret dan kita dapati daerah Sabak Bernam seminggu sekali sahaja majistret ini bersidang. Jadi, apakah langkah kerajaan supaya kes-kes kecil terutamanya di luar bandar ini dapat dibicarakan dengan segera dan tidak tertunggak.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar terdapat kes-kes tertanggung di luar daerah terutamanya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat tetapi kawasan Yang Berhormat saya dapat tahu kawasan yang aman. Walaupun begitu memang dalam perhatian pihak kerajaan untuk kita menambah majistret-majistret di mana yang tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana baru dilantik sebagai Jaksa Pendamai oleh Sultan Selangor. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, patutlah kawan hendak minta dilantik jadi majistret kelas kedua. *[Ketawa]* Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perlantikan yang dibuat. Saya memang menerima hakikat bahawa banyak negeri yang mana kamar majistret dan pejabat-pejabat untuk jabatan ini tidak mencukupi tetapi insya-Allah, macam di Kuching, saya ingat pada tahun 2000 kita akan mempunyai satu bangunan yang indah dan cukup besar dan saya percaya tidak berkemungkinan ada masalah kamar dan pejabat lagi untuk majistret dan hakim-hakim di Kuching terutamanya.

Jadi, soalan saya pada masa sekarang majistret ini dilantik, umpamanya tidak ada peluang untuk mereka pergi bercuti. Saya pernah mencadangkan agar dua, tiga orang majistret dilantik sebagai floating majistret menggantikan orang yang pergi

bercuti agar kes-kes tidak ditunda kepada hari yang lain yang mana akan mendatangkan satu backlog yang besar di peringkat majistret juga hakim. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai persoalan ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan di mana floating majistret sudah pun dilaksanakan apabila terdapat majistret-majistret yang berkenaan mengambil cuti dan untuk makluman Yang Berhormat, walaupun ada banyak kes yang ditunda, ianya disebabkan banyak peguam yang meminta kes-kes tersebut ditunda tetapi apabila diberi maklum kepada pihak client, dengan izin, ianya meletakkan kesalahan tersebut kepada pihak hakim ataupun majistret. Perkara ini perlu diperjelaskan walaupun memang ada juga waktunya hakim-hakim menagguhkan.....

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini tidak benar kerana sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dari.....[*Pembesar suara dimatikan*][*Disorak*]

Tuan Yunus bin Rahmat: Hei Tambi, ikut peraturanlah.

Tuan M. Kulasegaran: Ini soalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Chenderoh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dulu pun saya jawab sama jugalah.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak, tidak, you ada kata hakim-hakim dan lain orang, bukan peguam sahaja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab sama juga, you mana tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan...

Tuan M. Kulasegaran: Bukan peguam sahaja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada beza jawapan saya dahulu pun, serupa sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Kekurangan interpreter, kekurangan hakim dan sebagainya, ini tidak benar.

Seorang ahli: Duduklah oi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Hei Tambi, duduklah, ada peraturanlah.

Tuan M. Kulasegaran: Mungkin dia tidak tahu.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sama ada jawapan benar atau tidak benar, Yang Berhormat tidak boleh mencelah.

Tuan M. Kulasegaran: Ini tidak benar, mana boleh macam ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kulasegaran: I think he is misleading the House.

Seorang Ahli: Publisiti murah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan M. Kulasegaran: Actually Yang Berhormat Timbalan.....*[Disampuk]*
Kita boleh check *Hansard*.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini bukan persoalan.....*[Disampuk]* Yalah, saya soal Sarawak tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Batang Lupar minta duduk.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini jawapan Sarawaklah, apa you kacau, ini soalan....*[Pembesar suara dimatikan]*.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan itu hendak cari publisiti sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau tidak benar jangan cakap.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sememangnya saya mengakui, saya menyatakan tadi ada kes-kes yang ditangguh kerana peguam-peguam memohon minta kes ditangguh dan saya tidak juga menafikan di mana kes-kes tertangguh akibat daripada

kekurangan interpreter dan sebagainya. Tunggulah orang jawab beri habis. *[Disampuk]* Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, dia baru belajar hendak cari publisiti, beri chancelah. *[Sorak]*

Tuan M. Kulasegaran: Kamu ini sudah fasihkah, kamu fasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah menjelaskan perkara ini dan tadi Yang Berhormat ada menyebut Ahli Parlimen dari Tanjong Karang bertanya soalan ini kerana baru mendapat JP, saya rasa tidak ada kena mengena sebab beliau juga adalah seorang peguam. Terima kasih.

[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran] tidak hadir.]

15. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan: -

- (a) jumlah majikan ladang yang telah pun mengimplimentasikan skim bayaran gaji bulanan untuk pekerja-pekerja estet. Adakah kementerian telah menjalan sebarang kajian mengenai kesannya sitem ini; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk memastikan majikan ladang lain untuk mengimplimentasikan bayaran gaji bulanan kepada pekerja mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 15 buah ladang telah mengimplimentasikan bayaran gaji bulanan untuk pekerja-pekerja ladang. Skim gaji bulanan ini masih baru pelaksanaannya iaitu baru bermula pada Januari tahun ini. Kementerian berpendapat adalah terlalu awal untuk mengkaji kesan pelaksanaan sebelum ini. Setakat ini kementerian belum bercadang untuk menasihatkan majikan ladang lain mengimplimentasikan bayaran gaji bulanan kepada pekerja-pekerja mereka.

Di bawah peruntukan Undang-undang Buruh sekarang, Kementerian Sumber Manusia tiada kuasa untuk menetapkan gaji dan upah pekerja-pekerja. Perkara-perkara mengenai gaji dan upah adalah ditentukan melalui proses perundingan bersama antara majikan dan kesatuan sekerja ataupun antara majikan dan individu. Perundingan ini juga akan menentukan kadar gaji dan upah mengikut pasaran buruh.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa pendapatan yang dapat diperolehi oleh pekerja-pekerja estet, lebih-lebih bagi mereka yang menjalankan kerja penorehan getah lebih kurang RM400 sebulan adalah amat rendah. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu golongan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan, di dalam perbahasan petang semalam, kerajaan akan melakukan apa sahaja untuk memastikan bahawa quality of life di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah di tahap yang baik. Jadi, di sini sepertimana yang saya katakan iaitu perundingan mengenai dengan gaji ataupun pendapatan serta manfaat-manfaat yang lain kita serahkan kepada pihak UNION ataupun kesatuan sekerja, yang pada setakat ini pekerja ladang diwakili oleh NUPW dan NUPW telahpun menandatangani satu perjanjian dengan MAPA iaitu mewakili pihak majikan menentukan gaji yang dibayar adalah gaji mengikut hari dan segala pendapatan sampingan ditentukan dan ini memastikan bahawa pendapatan mereka melebihi RM500 dan juga segala kemudahan-kemudahan lain.

Inilah pendirian kerajaan iaitu kita, dengan izin, recognised NUPW sebagai badan yang mengatikaliskan nasib pekerja ladang dan mereka telah bersetuju untuk menentukan gaji adalah gaji bulanan, kerajaan hanya melihat dan memberi nasihat. Kerajaan tidak ada kuasa untuk menentukan setakat ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar pada hari Isnin, tiga hari dulu, lebih kurang 2,000 pekerja dari seluruh Malaysia. [*Sorak*] Jadi, kita hendak sabar.

Tuan Haji Noh bin Omar: Bohonglah you.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Jangan beritahu Perdana Menteri, you boleh kacau sekarang, bukan? Dia tahu semua, tak perlu perhatian, you nak jadi Timbalan Menteri, tak layak lagilah, tunggu.

Seorang Ahli: Soalan-soalan.

Tuan M. Kulasegaran: Tunggu masa.

Seorang Ahli: 15 orang.

Tuan M. Kulasegaran: Hari ini baru dia cakap. Baru dengar suara dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Jangan layan mereka, sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Jadi, hari Isnin itu lebih 2,000 orang sudah datang memberi satu memorandum.

Tuan Yunus bin Rahmat: Itu you punya oranglah, you suruh mari.

Tuan M. Kulasegaran: Memorandum ini kepada Tuan Speaker dan juga satu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga satu kepada Ketua Pembangkang, di antaranya adalah asas-asas justifikasi supaya gaji bulanan diberi dengan segera. Apakah sebab ia tidak diimplimentasikan walaupun sudah lebih 100 tahun pekerja-pekerja ini bekerja, kerja harian. Gaji harian tertakluk kepada beberapa faktor seperti kalau tidak ada hujan, tidak ada sistem penorehan getah, harga getah pasaran dunia dan sebagainya.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berkata bahawa kajian sedang dalam proses. Adakah kajian ini telah habis? Kalau tidak setakat apakah perkara ini? Baru-baru ini Yang Berhormat dari Sungai Siput pun telah berkata kepada ramai orang-orang India mengenai perkara ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan bilakah kerajaan akan menggubal undang-undang supaya orang-orang estet akan mendapat manfaat-manfaat yang tertentu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, semalam dekat satu jam saya menerangkan kepada dia dan dia tanya soalan ini sekali lagi, dia tak faham. Pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa kementerian tidak ada kuasa untuk menentukan mana-mana gaji, diserahkan kepada pihak union dan pekerja dan perjanjian antara union dan pekerja boleh ditukar mengikut pasaran. Pada keadaan pasaran barangan komoditi sekarang ini, pihak union dan pihak MAPA telah melihat bahawa gaji hari lebih berkesan ataupun lebih manfaat daripada gaji bulan.

Perjanjian ini boleh diperbaharui dari masa ke semasa. Jadi, Yang Berhormat meminta kerajaan masuk campur di dalam satu bidang yang mana pihak pekerja dan pihak majikan telah mempersetujui, mereka sendiri menentukan keadaannya. Mengenai dengan tunjuk perasaan dua hari yang lalu, 1,000 orang sahaja bukan 2,000, jadi dia tambah dan dia bawa dari Teluk Intan, orang-orang dia semua.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Belit juga.

Dr. Affifudin bin Haji Omar: Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan semalam bahawa mereka datang ke tempat yang salah. Mereka sepatutnya kalau hendak meminda gaji bulan perlu pergi demonstrasi di Ibu Pejabat NUPW ataupun MAPA. Mengapa datang ke Parlimen, Tuan Yang di-Pertua mana ada kuasa hendak menentukan. Kerajaan sendiri tidak ada kuasa untuk menentukan gaji ini. Ini datang kepada Speaker Parlimen nak buat apa. Jadi, Yang Berhormat patut mengetahui di mana tempat yang appropriate untuk mengartikulasikan ahli-ahli constituency Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat dua hari tak faham, Tuan Yang di-Pertua, saya harap hari ini dia faham habis.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tak faham juga tu.

[Soalan No. 16 – Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar) tidak hadir]

17. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan jangka panjang untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam sektor perindustrian tanpa bergantung kepada pekerja asing. Berapakah bilangan pekerja asing mahir dan separa mahir sehingga kini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan di sektor-sektor perindustrian tanpa bergantung kepada pekerja asing pada masa hadapan. Selain daripada Kementerian Sumber Manusia, kementerian ataupun agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA dan institusi-institusi latihan kemahiran swasta juga terlibat dalam perancangan menyediakan latihan-latihan

kemahiran bagi melahirkan bakal-bakal pekerja mahir dan separa mahir dalam bidang-bidang tertentu.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat pada masa ini mempunyai 9 buah Insitut Latihan Perindustrian (ILP), sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di Shah Alam. Pelbagai kursus kemahiran mengikut keperluan negara disediakan untuk mengeluarkan pekerja mahir dan separa mahir dalam bidang-bidang yang diperlukan bagi keperluan sektor-sektor perindustrian dengan kemampuan mengeluarkan 6,500 orang pelatih satu tahun.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula, kerajaan telah meluluskan projek-projek pembinaan 5 Institut Latihan Perindustrian (ILP) baru, sebuah institut teknologi Jepun-Malaysia, sebuah projek program latihan pengajar kebangsaan dan 4 buah pusat latihan teknologi tinggi menjelang tahun 2000 bila mana semua projek ini dijangka siap.

Institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia ini akan mempunyai kapasiti 17,000 pelatih pada satu-satu masa. Dengan ini adalah dijangkakan negara akan mempunyai bekalan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang mencukupi pada masa itu tanpa bergantung lagi kepada pekerja asing. Kalaupun pekerja asing masih diperlukan ia adalah dijangkakan pada bilangan kecil sahaja iaitu bagi bidang-bidang kemahiran yang masih tidak terdapat dalam negara ini.

18. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah ahli dan simpanan caruman dalam KWSP pada tahun 1997 dan 1998 dan dimanakah wang dilabur, kerugian yang ditanggung serta sebab-sebab kerugian.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Wong See Wah [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, pada 31.12.1997 jumlah ahli Kumpulan Simpanan Pekerja ialah 8.27 juta orang dan jumlah caruman yang terkumpulan ialah RM130.9 bilion. Manakala pada 31.12.1998 bilangan ahli ialah 8.51 juta dan jumlah caruman terkumpul ialah RM145.9 bilion. Setakat 31.12.1998 wang KWSP berjumlah RM145.8 bilion ringgit dilabur di dalam 5 bentuk pelaburan iaitu sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman

dan bon, ekuiti, instrumen pasaran wang dan hartanah. Tiada kerugian dilaporkan dan pendapatan pelaburan bagi tahun 1997 adalah RM8.72 bilion dan bagi tahun 1998 ialah RM10.07 bilion.

Dato' Yap Pian Hoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh parti pembangkang dan NGOs tertentu terhadap pencarum-pencarum maka apa tindakan oleh kementerian Yang Berhormat supaya menghapuskan dakyah-dakyah yang begitu negatif terhadap pencarum-pencarum tersebut supaya dapat menjamin pencarum-pencarum tersebut tidak dipengaruhi oleh kenyataan-kenyataan yang negatif itu.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingat mungkin ahli-ahli pembangkang perlu faham iaitu kedudukan kewangan KWSP adalah teguh seperti biasa dan tidak pernah terjejas.

Ini dapat kita lihat daripada jumlah caruman yang dikutip dan jumlah wang yang dikeluarkan pada tahun 1998, iaitu yang dapat dikutip ialah RM14,737.2 milion dan yang dikeluarkan itu ialah RM8,708.7 milion iaitu kita dapat jelaslah caruman yang bersih ialah RM6,028.5 milion dan perlulah Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang itu faham, kita mempunyai jumlah bersih yang begitu banyak sekali. Kalau Ahli Yang Berhormat sudah faham dengan hal ini memanglah dapat membantu pihak KWSP untuk menjelaskan perkara ini iaitu mereka tidak payah bimbang, oleh kerana semua pelaburan yang dilaburkan itu adalah seperti dalam sekuriti kerajaan, di mana ini adalah terjamin dan tidak pernah pelaburan daripada KWSP dalam SKM kerajaan itu tidak ditunaikan jaminannya. Begitu juga dalam pertimbangan memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat tertentu itu, panel pelaburan itu sentiasa mengkaji sama ada pinjaman itu adalah feasible atau viable supaya ini akan mendatangkan faedah yang baik kepada KWSP dengan juga jaminan daripada pihak kerajaan ataupun pihak-pihak bank tertentu.

Begitu juga dalam pelaburan KWSP dalam pasaran ekuiti di mana semua yang telah disenaraikan dalam BSKL itu. Ini merupakan satu pelaburan jangka panjang dan juga dalam syarikat-syarikat yang baik dan juga dalam pasaran wang, ini adalah

bergantung kepada kaedah kadar faedah simpanan tetap bank-bank perdagangan dan hanya sedikit sahaja pelaburan di dalam hartanah di mana, jelas sekali iaitu semua pelaburan adalah terjamin dan pulangan yang akan dikutip oleh KWSP itu adalah terjamin.

Jadi dengan itu janganlah bimbang dan diharap ahli-ahli pembangkang itu dapat menggunakan bahan-bahan seperti ini dan dijelaskan kepada semua ahli pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,6,8,9,11,14,16 dan 19 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 untuk tujuan menubuhkan Unit Maklumat Harta Tanah Negara; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

11.04 pagi

Perdana Menteri [Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosio-ekonomi secara keseluruhan adalah baik dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh, walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan yang seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 tahun 1999;

Bahawa semasa meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru rakyat Malaysia berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman ke arah membina satu bangsa yang bersatu padu, adil, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020”.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya bentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh untuk dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira tiga tahun lalu, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh. Rancangan tersebut yang merupakan fasa kedua dalam pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1990-2000) mengandungi agenda pembangunan negara bagi tempoh 1996-2000. Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat, harapan untuk pembangunan pesat amat cerah ketika itu kerana keadaan ekonomi yang baik dan terdapat asas yang kukuh untuk pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan dan berkekalan. Semasa itu, cabaran utama yang dihadapi adalah ‘managing success’,

dengan izin, untuk menentukan Malaysia terus mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi dan rakyatnya terus menikmati kemakmuran yang meningkat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Hari ini, apabila saya bentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang meliputi tempoh 1996-1998, keadaan ekonomi telah berubah. Cabaran sekarang ialah untuk merangsangkan semula ekonomi, yang telah menguncup sebanyak 67% tahun lepas. Begitulah perbezaannya di dalam tempoh dua tahun. Perubahan daripada satu ekonomi yang pesat berkembang dengan asas yang kuat kepada satu ekonomi yang mencatat pertumbuhan negatif, adalah suatu yang mengejutkan dan boleh mematikan keyakinan nasional.

Namun, seperti yang lepas kajian ini akan menilai sejauh mana kita telah mencapai objektif dan sasaran kita, mengenal pasti dan menghitung halangan yang dihadapi serta menilai prospek, dasar dan keutamaan di dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Kita tidak akan membenarkan apa juga krisis untuk menghentikan kemajuan Malaysia. Jika perlu, kita akan menggunakan krisis ini untuk membuat perubahan pendekatan yang tidak konvensional untuk mengatasi halangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengimbas kembali prestasi ekonomi Malaysia semenjak tiga tahun lepas. Prestasi ekonomi makro bagi tempoh dua tahun pertama rancangan ini adalah amat memberangsangkan dengan kebanyakan petunjuk ekonomi mencatatkan prestasi yang melebihi sasaran rancangan. Kadar pertumbuhan purata KDNK ialah 8.2% setahun bagi tempoh 1996 hingga 1997 sementara kadar inflasi adalah rendah pada 2.7% dan

kadar pengangguran hanya 2.6% pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1998 berikutan krisis kewangan, ekonomi negara telah mencatat kadar pertumbuhan yang negatif. Sasaran untuk pertumbuhan KDNK sebenar ialah 8% setahun tetapi ekonomi hanya mencatat pertumbuhan purata 3% antara 1996 hingga 1998 yang memerlukan pengubahsuaian sasaran pertumbuhan kepada 3% bagi keseluruhan tempoh rancangan Malaysia Ketujuh. Pada dasarnya, kesan krisis ini telah menyebabkan pembangunan negara merosot beberapa tahun ke belakang. Petunjuk-petunjuk ekonomi utama jelas menunjukkan bahawa apabila pendapatan per kapita telah berkurangan daripada RM12,051 pada tahun 1997 kepada RM11,835 pada tahun 1998, kurang daripada sasaran rancangan iaitu RM14,788; inflasi meningkat daripada 2.7% pada tahun 1997 kepada 5.3% pada tahun 1998 dan pengangguran meningkat sedikit daripada 2.6% pada tahun 1997 kepada 3.9% pada tahun 1998.

Pertumbuhan ekonomi di dalam tempoh kajian adalah sebahagian besarnya berikutan permintaan luaran yang kuat. Walaupun permintaan dalam negeri merupakan penyumbang utama kepada pembangunan pada tahun 1996 dan awal tahun 1997, eksport meningkat pada pertengahan tahun 1997 dan terus kukuh berikutan penurunan nilai Ringgit. Eksport sebenar meningkat 5.6 peratus setahun pada tempoh 1996-1998 tetapi ini adalah lebih rendah daripada sasaran Rancangan sebanyak 10.9 peratus. Walau bagaimanapun, disebabkan pertumbuhan eksport berkurangan dan kesan hasil kejatuhan nilai Ringgit, import sebenar jatuh 2.1 peratus setahun dalam tempoh kajian.

Namun, satu aspek positif daripada krisis ekonomi ini ialah kedudukan imbalan pembayaran telah meningkat dengan ketara berbanding dengan matlamat rancangan. Akaun semasa mencatatkan lebih sebanyak 13.7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1998 berbanding dengan defisit 5.1

peratus pada tahun 1996. Kedudukan positif ini adalah hasil daripada lebih dalam akaun perdagangan akibat daripada pertumbuhan tinggi dalam eksport barangan sebanyak 28.9 peratus pada tahun 1998 dan pertumbuhan yang lebih rendah bagi import barangan pada kadar 2.6 peratus. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam lebih dagangan ini dikurangkan oleh defisit yang besar dalam akaun perkhidmatan dan aliran keluar dalam akaun pindahan. Dalam akaun modal, modal jangka pendek mencatatkan aliran keluar bersih yang besar disebabkan oleh krisis kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat aliran masuk bersih modal jangka panjang hasil usaha kerajaan untuk membiayai perbelanjaan 'counters-cyclical', dengan izin. Dengan itu,imbangan keseluruhan menjadi bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tanda-tanda pemulihan ekonomi semakin jelas, terdapat beberapa isu yang perlu ditangani bagi memastikan pemulihan ekonomi yang mapan dan mengembalikan momentum pertumbuhan. Satu pra-syarat penting ialah untuk terus meningkatkan keyakinan para pelabur dan orang awam. Pada asasnya, Kajian Separuh Penggal mengutarakan enam cabaran utama.

Cabaran pertama ialah pengekal asas-asas ekonomi makro yang kukuh. Sebelum berlakunya krisis kewangan, negara telah menikmati kadar pertumbuhan yang pesat iaitu purata 8.5 peratus setahun semenjak tahun 1990. Kadar pertumbuhan tinggi ini disertai juga dengan inflasi yang rendah dan guna tenaga yang penuh. Pelaburan swasta dan eksport memainkan peranan utama dalam menerajui pertumbuhan manakala kedudukan fiskal adalah memuaskan. Rizab luar negara adalah tinggi dan mampu membiayai import tertanggung secara purata selama empat bulan. Di samping itu, hutang luar negara adalah rendah dengan nisbah khidmat-hutang luar yang sihat sebanyak 6.2 peratus. Kadar tabungan kita di tahap 39.4 peratus daripada KNK adalah setanding, jika tidak lebih baik, berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai kadar simpanan yang tinggi. Sistem perbankan juga kukuh di mana nisbah bersih pinjaman belum berbayar ataupun NPL mencatatkan 3.6 peratus dan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 12 peratus pada akhir Jun 1997, melebihi

standard minimum sebanyak lapan peratus yang ditetapkan oleh Bank for International Settlement ataupun BIS.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dengan bermulanya krisis ini, terdapat pengaliran keluar modal jangka pendek yang besar dan cepat serta kejatuhan mendadak dalam harga saham. Apabila krisis ini menjadi semakin buruk, sektor sebenar ekonomi juga telah mengalami tekanan. Kejatuhan dalam produktiviti amatlah jelas bagi semua sektor utama. Ini disebabkan oleh permintaan lemah dari pasaran domestik dan luar negara. Di samping itu, kadar inflasi meningkat kepada 5.3 peratus disebabkan sebahagian besarnya oleh penurunan nilai Ringgit serta kos input yang lebih tinggi. Sementara itu, kadar pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus. Berikutan kemerosotan kutipan hasil dan pakej rangsangan fiskal, akaun Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit buat pertama kali sejak tahun 1993. Oleh itu, amat jelas bahawa asas-asas ekonomi makro perlu diperkukuhkan bukan sahaja untuk menyokong proses pemulihan tetapi juga untuk mengekalkan momentum pertumbuhan bagi memastikan pencapaian objektif negara.

Cabaran kedua adalah untuk meningkatkan tahap produktiviti. Salah satu teras penting Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan ataupun total factor productivity (TFP), dengan izin, kepada KDNK. Walau bagaimanapun, dalam tempoh kajian semula ini, ekonomi kita terus bergantung kepada input-driven dengan izin, dengan pertumbuhan tinggi dalam pengumpulan modal atau capital accumulation, dengan izin. Produktiviti, jika diukur dari segi sumbangan TFP kepada pertumbuhan KDNK, adalah lebih rendah dalam tempoh 1996-1997 iaitu 19.5 peratus berbanding dengan 28.7 peratus semasa tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Arah aliran yang menurun ini perlu diubah dan langkah-langkah bersesuaian diambil jika kita mahu mengekalkan daya saing dan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Keadaan ini amat kritikal kerana dalam tempoh krisis ini, ekonomi dunia turut berubah. Oleh itu, tumpuan kepada kecekapan, keberkesanan dan produktiviti yang tinggi untuk mengekalkan

pertumbuhan dan pembangunan yang berterusan tidak boleh dipandang ringan ataupun diabaikan.

Cabaran ketiga ialah untuk memulihkan kembali sektor swasta. Prestasi sektor swasta dalam tempoh 1996-1997 adalah memberangsangkan tetapi dengan penguncupan ekonomi yang berlaku pada tahun 1998, prestasi sektor swasta telah terjejas teruk. Pada masa yang sama, krisis tersebut juga telah mendedahkan kelemahan yang ada dalam sektor korporat termasuk sektor perbankan. Apabila krisis ini bertambah teruk, sektor korporat telah mengambil sikap amat berhati-hati dan konservatif terhadap pelaburan, disebabkan oleh risiko yang meningkat dan ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi akibat daripada ketidakstabilan kadar pertukaran, kenaikan kadar faedah, ketidakupayaan memastikan sejauh mana dan betapa buruknya krisis serta masalah-masalah yang akan menjejaskan ekonomi serantau. Kesannya ialah kekurangan besar dalam pelaburan swasta. Pemulihan ekonomi negara tidak akan dapat dijayakan tanpa pemulihan pelaburan dan aktiviti sektor swasta. Justeru itu, tumpuan kepada pemulihan sektor swasta amatlah penting.

Cabaran keempat ialah mengatasi rintangan yang dihadapi oleh sektor-sektor produktif. Walaupun ekonomi pada keseluruhannya, dan sektor produktif khususnya, mengalami perubahan struktur ke arah pertumbuhan yang mampan, perubahan struktur dalam beberapa sektor tertentu perlu dipercepatkan lagi. Kegawatan ekonomi tidak sepatutnya melemahkan usaha kita untuk mencapai matlamat ke arah pembangunan perindustrian yang lebih tinggi. Walaupun kita menghadapi masa depan yang lebih mencabar, negara mesti melengkapkan diri dengan teknologi dan kemahiran yang lebih tinggi, melaksanakan aktiviti berintensifkan ilmu dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi demi untuk menyediakan peluang-peluang yang boleh menghasilkan pendapatan dan kekayaan yang lebih tinggi.

Cabaran kelima ialah memastikan pencapaian objektif pengagihan yang berterusan. Kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang mampan terutamanya dalam tempoh 1996-1997, dan pelaksanaan pelbagai

program dan projek kerajaan bagi golongan miskin dan bumiputera. Walaupun kelembapan ekonomi ini telah mengakibatkan kesan yang mendalam ke atas golongan miskin dan menyekat potensi untuk menyusun semula guna tenaga dengan lebih cepat, program-program sedia ada yang memberi faedah kepada golongan miskin serta langkah-langkah untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang kompetitif dan mempunyai ketahanan akan diterus dan diperkukuhkan lagi. Justeru itu, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada objektif pengagihan berdasarkan kekayaan baru yang diwujudkan melalui dasar-dasar pertumbuhan ekonomi yang dirancang dengan baik.

Cabaran terakhir, cabaran keenam ialah meningkatkan kualiti hidup masyarakat Malaysia. Pembangunan negara hendaklah pada akhirnya menghasilkan peningkatan dalam taraf dan kualiti hidup rakyat. Kualiti hidup rakyat mesti meningkat selaras dengan pertumbuhan dan pertambahan pendapatan serta meningkatnya kualiti pendidikan, kesihatan, pengangkutan, komunikasi, guna tenaga dan kehidupan kekeluargaan. Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi telah menghalang proses dan perkembangan yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan ini sudah tentu menjejaskan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat. Oleh itu, cabarannya adalah untuk mengatasi halangan berkenaan supaya semua lapisan masyarakat Malaysia akan dapat memasuki alaf baru dengan penuh bangga dan keyakinan akan kemajuan yang akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi dan melaksanakan usaha ke arah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang teguh dan berterusan. Oleh itu, kita perlu menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang saya nyatakan sebelum ini. Kita sentiasa bersikap pragmatik terhadap pembangunan. Jika perlu kita akan mengubah suai rancangan, menyusun semula keutamaan dan menukar arah haluan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah mengenal pasti 11 teras pembangunan utama bagi tempoh akhir Rancangan Malaysia Ketujuh.

Memperkukuhkan asas-asas ekonomi makro. Daripada segi pengurusan ekonomi makro, kita akan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan

pertumbuhan ekonomi, membendung tekanan inflasi, memperbaiki lagi kedudukan imbangan luar negara, menghapuskan jurang sumber dan mengekalkan imbangan fiskal yang berhemat. Berhubung dengan pengurusan inflasi, dasar kewangan dan fiskal akan dirangka bagi mengelak munculnya semula tekanan harga di samping memastikan pertumbuhan terus digalakkan. Usaha memperkukuhkan kedudukan luar negara akan dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap peningkatan eksport dan mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan dengan memajukan secara agresif sub sektor seperti pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan pelabuhan.

Bagi tempoh akhir rancangan, sektor awam akan memainkan peranan merangsang pertumbuhan di samping terus mengekalkan dasar fiskal berhemat berserta 'corporate governance', dengan izin. Kita akan terus mengekalkan belanjawan defisit pada paras yang terurus dan akan kembali kepada kedudukan belanjawan lebih baik ekonomi kembali kukuh. Perbelanjaan sektor awam akan ditumpukan kepada projek yang memakan masa pendek untuk disiapkan, menyumbang kepada peningkatan eksport dan pengurangan import, menjana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan domestik di samping projek-projek yang sasarannya adalah golongan berpendapatan rendah dan isi rumah miskin.

Dalam hubungan ini, peruntukan asal pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi rancangan ini akan ditambah sebanyak RM22 bilion daripada RM67.5 bilion kepada RM89.5 bilion. Peruntukan ini akan diagihkan kepada sektor ekonomi sebanyak 48.2 %, sosial 30.9%, keselamatan 12.8% dan pentadbiran am 8.1%. Pada keseluruhannya, peruntukan pembangunan yang dicadangkan kekal sebanyak 16.3% daripada KNK mengikut nilai semasa dan 17.6% daripada KNK mengikut nilai sebenar iaitu lebih rendah daripada Rancangan Malaysia Keenam. Ini menunjukkan komitmen kita untuk terus mengecilkan saiz sektor awam.

Program penswastaaan yang dlancarkan sejak tahun 1983 dan ditingkatkan pelaksanaannya dalam tempoh 1996-1997 merupakan satu komponen penting dalam usaha untuk terus merasionalisasikan sektor awam. Walaupun masalah dihadapi di

peringkat awal daripada segi penerimaan oleh pihak pekerja dan awam yang terlibat, tidak siapa dapat menafikan bahawa penswastaan telah membantu negara menghasilkan pertumbuhan yang tinggi. Ia juga membolehkan negara memenuhi permintaan untuk kemudahan infrastruktur berikutan proses perindustrian yang pesat serta memenuhi keperluan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sejak pelaksanaan program penswastaan dalam tahun 1983, sebanyak 434 projek telah diswastakan, yang mana 68 diswastakan dalam tempoh kajian semula.

Negara kita telah memperolehi faedah besar daripada program penswastaan. Melalui penswastaan, kerajaan telah menjimatkan perbelanjaan modal sebanyak RM129.1 bilion, di samping mendapat hasil daripada jualan aset dan ekuiti berjumlah RM21.5 bilion. Selain daripada itu, lebih daripada 105,000 pekerja sektor awam telah dipindahkan kepada sektor swasta. Kumpulan pekerja ini telah mendapat faedah secara langsung daripada segi peningkatan upah dan pendapatan. Syarikat-syarikat yang muncul hasil penswastaan kini memegang 29.3% daripada modal pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur. Beberapa faedah daripada program penswastaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, telah dinikmati oleh rakyat melalui rantaian dalam ekonomi. Misalnya, TNB dan Telekom sejak diswastakan telah menyumbang RM4.7 bilion daripada segi cukai korporat. Ini telah membolehkan kerajaan membiayai projek-projek pembangunan yang lain. Penswastaan juga telah menambahkan penyertaan bumiputera dan meningkatkan program pembangunan vendor, pemindahan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan. Pada amnya, pengguna telah memperolehi faedah daripada kewujudan kemudahan awam yang lebih cekap dan berkualiti dengan peningkatan kos yang minimum.

Meningkatkan Bilangan Tenaga Manusia Mahir dan Berpengetahuan.

Teras strategik pembangunan sumber manusia akan ditumpukan kepada peningkatan penawaran tenaga manusia mahir bagi menyokong penyusunan semula ekonomi negara ke arah intensif modal dan berasaskan pengetahuan. Penekanan akan

diberi terhadap meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti untuk memperbaiki tahap pendidikan dan kemahiran tenaga kerja dan juga pengukuhan sistem penyampaian. Dalam hubungan ini, pelaburan berterusan akan dibuat untuk meningkatkan keupayaan institusi dan latihan dalam negeri. Penyertaan sektor swasta secara lebih luas juga akan digalakkan dalam bidang pendidikan dan latihan kemahiran ini. Bagi meningkatkan mobiliti buruh di antara negeri, pekerjaan dan jenis kemahiran, prasarana maklumat pasaran buruh akan diperkukuhkan melalui penubuhan satu sistem pertukaran maklumat buruh elektronik yang dapat memastikan penggunaan buruh yang optimum dan penyesuaian di antara permintaan dengan penawaran buruh.

Mengurangkan Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat.

Dari dimensi sosial, kerajaan akan meneruskan usaha membasmi kemiskinan dengan memberi tumpuan kepada kawasan dan golongan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk memperluas dan mempertingkatkan program-program yang bertujuan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan asas kepada mereka yang berpendapatan rendah dan miskin. Ini ialah bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi ke atas golongan tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan taraf hidup golongan termiskin, program untuk menyediakan rumah baru atau membaik pulih rumah akan terus dilaksanakan.

Usaha juga akan ditumpukan bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi ke atas program penyusunan semula masyarakat. Beberapa program akan diubahsuai bagi memperluaskan liputannya dan meningkatkan keberkesannya. Ini akan dilakukan melalui pelaksanaan program-program yang sedia ada dengan lebih gigih, termasuk memperluas beberapa program ke kawasan di luar Lembah Klang. Dalam masa yang sama, bantuan dan peluang akan terus diberikan kepada bumiputera bagi membolehkan mereka memperolehi kelayakan pendidikan di peringkat tinggi sejajar

dengan matlamat meningkatkan bilangan profesional dan kakitangan teknikal bumiputera.

Untuk mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan, usaha-usaha akan diambil untuk mewujudkan lebih ramai golongan berpendapatan menengah yang lebih mewah. Sehubungan ini, usaha untuk meningkatkan bilangan bumiputera berpendapatan menengah, menerusi pembangunan lebih ramai usahawan, profesional dan pengurusan bumiputera akan terus diberi penekanan bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan pendapatan di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Memperkukuhkan Sektor Kewangan.

Sektor kewangan kita telah mengalami penyusunan semula secara beransur-ansur dalam tempoh beberapa tahun yang lepas selaras dengan perubahan dalam suasana ekonomi dan kewangan. Usaha untuk memperkukuhkan pengawasan dan kawal selia sistem perbankan akan diteruskan. Bank Negara Malaysia akan terus mengukuhkan keupayaannya untuk mengawal dan mengesan risiko yang muncul dalam sistem kewangan. Untuk tujuan ini, satu sistem amaran awal akan dibentuk bagi membolehkan amaran awal diberi ke atas status institusi kewangan berkenaan supaya langkah pencegahan boleh diambil bagi mengelakkan keruntuhan sistem perbankan dan mengawal risiko sistemik yang bersangkutan.

Untuk menyokong pemulihan ekonomi, institusi perbankan perlu memainkan peranan perantaraan dengan lebih cekap dan berkesan. Rancangan yang lebih komprehensif untuk perbankan Islam juga sedang dirangka termasuk membentuk strategi baru bagi alaf yang akan datang. Garis panduan dan sasaran baru untuk perbankan Islam akan diperkenalkan, termasuk mengembangkan lagi unit perbankan Islam dalam institusi perbankan yang sedia ada.

Langkah-langkah juga akan diambil untuk terus memperluas dan mempelbagaikan pasaran kewangan bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan. Antara langkah-langkah ini ialah pembangunan pasaran bon sebagai sumber pelaburan

tambahan bagi membiayai pelaburan di samping mengurangkan tumpuan risiko dalam sistem perbankan. Usaha juga akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan pasaran modal Islam, terutamanya dalam ekuiti Islam, sekuriti hutang swasta dan aktiviti pengurusan dana.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah menubuhkan dua institusi iaitu syarikat pengurusan aset nasional dikenali sebagai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ataupun ringkasnya Danaharta dan sebuah syarikat khas iaitu Danamodal Nasional Berhad atau Danamodal. Penubuhan institusi-institusi ini bertujuan mengatasi masalah perbankan akibat daripada penurunan nilai mata wang serta keruntuhan harga saham. Sehingga 20 April 1999, Danaharta telah mengambil alih pinjaman belum bayar (NPL) berjumlah RM12.6 bilion serta menguruskan NPL termasuk kadar faedah tertangguh berjumlah RM11.6 bilion bagi pihak Bank Negara. Manakala, Danamodal telah membuat suntikan kewangan sebanyak RM6.4 bilion untuk recapitalize, dengan izin, sepuluh institusi perbankan dalam bentuk pinjaman modal boleh tukar bersubordinat atau dengan izin, exchangeable subordinated capital loans (ESCL).

Memulihkan sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, satu rangka kerja yang menyeluruh telah digubal bagi membantu sektor korporat menangani masalah kekangan kewangan termasuk menyusun semula hutang. Dalam hubungan ini, penubuhan satu jawatankuasa bersama di antara sektor awam dan swasta, iaitu Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat atau dengan izin, Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC) akan menyediakan satu rangka kerja penyelesaian hutang antara siberhutang dan siputang secara sukarela tanpa melalui proses perundangan.

Sementara itu, corporate governance, dengan izin, yang diasaskan kepada amalan pasaran, akan dilaksanakan dengan tujuan untuk meraih nilai pemegang saham jangka panjang di samping mengambil kira kepentingan pemegang-pemegang saham lain. Dalam hubungan ini, Suruhanjaya Sekuriti (SC) misalnya, akan meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan rangka kerja kawal selia dan menggalakkan pembangunan frontline regulation, dengan izin. Langkah ini diambil untuk membolehkan institusi pasaran mengawalselia sendiri. BSKL juga telah memperkenalkan langkah-langkah untuk mengembalikan keyakinan dengan menjamin

pasaran yang teratur dan adil serta meningkatkan ketelusan dalam pasaran saham. Pelaksanaan langkah-langkah ini meliputi memperkukuhkan peraturan, undang-undang sekuriti serta prosedur BSKL dan depository pusat. Salah satu objektif langkah-langkah tersebut ialah untuk melindungi pasaran saham tempatan daripada kesan buruk perdagangan saham Malaysia di pasaran yang tidak diiktiraf. Semua langkah-langkah ini dilaksanakan bagi memastikan kestabilan sistemik, mengembalikan keyakinan pasaran, memperbaiki ketelusan dan corporate governance, dengan izin, serta memudahkan usaha untuk mendapatkan dana.

Menggiatkan semula sektor pertanian dan luar bandar.

Sejajar dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga, kita akan memberi keutamaan kepada usaha untuk menggiatkan semula sektor pertanian dalam tempoh akhir rancangan. Ini termasuklah meningkatkan keluaran makanan domestik bagi mengurangkan pergantungan kepada import dan mempercepatkan usaha untuk memodenkan sektor pertanian dan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar hasil pertanian yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Kita akan menggalakkan penggunaan teknologi dan pengurusan moden, menggalakkan pertanian berskala besar dan teratur melalui pengeluaran makanan secara estatization. Sebagai khidmat sokongan, kerajaan akan terus menyediakan kredit pertanian, latihan serta khidmat nasihat dalam proses memodenkan sektor pertanian terutamanya kepada pekebun kecil. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menambahkan peruntukan bagi tabung makanan kepada RM1 bilion.

Sebagai satu strategi kerajaan akan memberi penekanan kepada penggunaan sumber pertanian secara intensif terutamanya sumber tanah dan buruh yang berkurangan sekarang ini. Kita juga akan memberi tekanan kepada pengukuhan sektor eksport dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta, terutamanya dalam usaha komersial secara besar-besaran. Di samping itu, kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih bagi menggalakkan inovasi dalam penggunaan teknologi moden dalam pertanian, seperti pemeliharaan ikan laut dalam sangkar dan penggunaan teknologi yang menjimatkan tenaga kerja. Untuk mencapai objektif ini, peruntukan pembangunan sebanyak RM8.3 bilion akan disediakan untuk sektor pertanian dan pembangunan luar bandar.

Menggiatkan semula pertumbuhan sektor pembuatan.

Memandangkan pertumbuhan perindustrian yang kukuh merupakan prasyarat bagi pemulihan ekonomi yang berkekalan, tumpuan lebih besar akan diberi kepada aktiviti pembuatan. Bagi mengekalkan tahap pelaburan dalam sektor pembuatan, kerajaan akan memperkenalkan beberapa langkah dan insentif yang akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur, menggalak pelaburan semula dan menggalak kepelbagaian eksport. Pengembangan dan kepelbagaian industri secara besar-besaran akan memainkan peranan yang penting bukan sahaja untuk mengimbangkan pembangunan negatif KDNK dan pembentukan modal atau capital formation, dengan izin, dalam negeri yang rendah pada tahun 1998, tetapi lebih penting sebagai punca untuk mewujudkan kekayaan baru menerusi pembangunan industri baru dan teknologi termaju.

Teras penting dalam dasar perindustrian negara ialah mengembangkan industri berasaskan sumber dan berorientasikan eksport. Bidang ini mempunyai potensi dalam memperbesarkan aktiviti nilai ditambah dalam negeri dan boleh meningkatkanimbangan perdagangan dan rantaian perindustrian. Tumpuan khas juga akan diberikan kepada usaha meningkatkan produktiviti dan mempergiatkan aktiviti hiliran terutamanya dalam pengeluaran produk baru dan yang lebih baik dalam industri berasaskan sumber. Kedua-dua kategori industri ini akan digalakkan sebagai sumber pertumbuhan baru untuk sektor perindustrian. Pada masa yang sama, usaha akan diteruskan bagi mempercepatkan anjakan strategik ke arah industri berasaskan teknologi tinggi dan pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berpotensi untuk eksport.

Usaha-usaha meningkatkan produktiviti adalah kunci bagi meningkatkan daya saing negara di pasaran antarabangsa untuk menggalakkan eksport. Industri baru dan yang sedia ada akan digalakkan supaya lebih cekap dari segi meningkatkan teknologi serta proses pengeluaran barangan bermutu tinggi, alatan dan komponen yang berkualiti serta memperbaiki reliability bekalan. Dalam hubungan ini, industri digalakkan memperolehi pengiktirafan ISO9000 dan Standard Pengurusan Alam Sekitar atau siri ISO14001. Kerajaan akan terus membantu sektor swasta dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan bagi membolehkan pengilang-pengilang tempatan menghadapi persaingan pasaran eksport yang semakin sengit. Bank Eksport-Import Malaysia atau Exim Bank yang mempunyai kemudahan dana sebanyak RM4 bilion akan memainkan peranan utama dalam menyediakan pembiayaan perdagangan bagi sektor pembuatan.

Satu lagi teras utama program perindustrian ialah pembangunan sektor industri kecil dan sederhana atau IKS yang moden, berdaya saing dan inovatif daripada segi teknologi. Untuk mengukuhkan lagi sektor ini, IKS adalah digalakkan untuk bersatu atau menggabungkan aktiviti masing-masing bagi mencapai, dengan dengan izin, economic of scale, mempelbagaikan asas pasaran mereka dan seterusnya menembusi pasaran dunia. Beberapa tabung telah ditubuhkan untuk IKS seperti Tabung IKS sebanyak RM1.5 bilion dan Tabung Pemulihan IKS bernilai RM750 juta. Kerajaan juga akan terus memudah dan mempercepatkan penyertaan IKS yang lebih besar dalam pasaran eksport melalui MATRADE dan SMIDEC.

Mempertingkatkan Pembangunan Sektor Perkhidmatan -

Kerajaan akan memperhebatkan usaha bagi mencapai matlamat mewujudkan sektor perkhidmatan yang moden dan berorientasi luaran bagi tujuan memperkukuh dan memperluaskan asas ekonomi negara. Ini akan menyumbang kepada pemulihan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran. Dorongan utama bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan ini adalah daripada sub sektor pengangkutan udara dan laut, pelaburan, insurans, kewangan, pelancongan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan perundingan.

Malaysia akan dibangunkan sebagai hub pengangkutan serantau. Pelabuhan Klang akan dimajukan sebagai pusat pemindahan kargo dan muatan, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dilengkapi dengan state-of-the-art technology, dengan izin, akan dijadikan hub penerbangan serantau. Malaysia juga akan berusaha menjadikan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini untuk membuka peluang bagi penuntut-penuntut kita serta mengurangkan perbelanjaan pendidikan di luar negara, di samping menggalakkan penuntut asing belajar di institusi pendidikan di negara ini. Dengan lebih ramai pelajar asing mendaftar di institusi pendidikan di Malaysia, lebih ramailah ibu bapa pelajar yang akan melawat Malaysia dan ini akan menyumbang kepada aliran masuk perolehan daripada pelancongan. Pada masa yang sama, kita juga sedang berusaha mempromosi pelancongan berasaskan perkhidmatan kesihatan melalui pusat-pusat perubatan swasta

yang berupaya menyediakan kemudahan canggih dan perkhidmatan kepakaran yang bertaraf dunia.

Malaysia akan terus dimajukan sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan berdaya saing di rantau ini. Usaha yang diselaraskan di kalangan peserta-peserta industri pelancongan seperti hotel, syarikat penerbangan dan agen pelancongan serta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia adalah perlu bagi mengembangkan industri pelancongan di negara ini. Kita akan menggalakkan pelaburan dalam produk pelancongan yang istimewa seperti eco-tourism, sukan dan adventure tourism. Malaysia juga akan dimajukan sebagai pusat persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa serta pusat sukan antarabangsa dengan adanya kemudahan Kompleks Sukan Bukit Jalil, kemudahan sukan golf serta litar Formula-1, Sepang. Langkah juga akan diambil bagi meningkatkan pelancongan domestik khususnya melalui pakej cuti dengan harga yang berpatutan. Bagi menyokong usaha swasta, pembangunan dan penyelenggaraan prasarana pelancongan seperti kemudahan pengangkutan dan rekreasi akan terus diberi sokongan.

Mengembangkan Teknologi Maklumat -

Teknologi maklumat adalah penting dalam pembangunan ekonomi daripada segi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing. Oleh itu, usaha untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan maklumat atau menuju ke arah ekonomi 'Third Wave', dengan izin, akan dilaksanakan. Negara kita sedang menuju ke arah dunia bermaklumat di mana IT dan multimedia akan menjadi alat strategik untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan. Kita akan membangun dan mengembangkan infrastruktur IT yang diperlukan yang akan menyumbang kepada kewujudan industri berasaskan teknologi serta menanam budaya IT di kalangan orang ramai supaya lebih mudah menerima cara hidup baru dan budaya kerja yang lahir daripada masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Kerajaan telah menggubal Agenda Teknologi Maklumat Negara (NITA) yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan seimbang yang merangkumi tiga unsur strategi iaitu sumber manusia infrastruktur dan aplikasi berasaskan IT. Satu agenda

strategik meliputi lima bidang utama iaitu E-Ekonomi, E-Perkhidmatan Awam, E-Pembelajaran, E-Komuniti, dan E-Kedaulatan akan dikaji untuk menyediakan Malaysia menghadapi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Koridor Raya Multimedia (MSC), akan terus menerajui pembangunan IT. Dalam hubungan ini, saya suka menyatakan kepada Dewan ini, bahawa pembangunan Cyberjaya sedang berjalan dengan pesat dan ianya akan menjadi 'bandar pintar' yang pertama di Malaysia. Sejajar dengan pembangunan MSC, pelaksanaan aplikasi perdana seperti kerajaan elektronik, kad pelbagai guna, teleperubatan, sekolah bistari, kelompok penyelidikan dan pembangunan atau R&D, jaringan pengilangan sedunia dan pemasaran tanpa sempadan, akan menjadi pemangkin kepada kemunculan industri dan perkhidmatan IT yang baru. Usaha juga dilaksanakan bagi menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana bergabung dengan syarikat yang lebih besar dalam mengembangkan rantai nilai IT dan industri multimedia. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan IT dalam bidang yang diutamakan akan dipergiatkan bagi menyokong pembangunan industri tersebut.

Pertumbuhan yang pesat dalam rangkaian telekomunikasi terutamanya penggunaan Internet di seluruh dunia, akan mempercepatkan aplikasi perdagangan elektronik atau '*e-commerce*', dengan izin, dalam pasaran yang lebih luas. Saya gembira untuk menyatakan bahawa dalam tempoh tiga tahun akan datang, kita akan mempunyai asas pengguna yang kukuh bagi perdagangan elektronik apabila kita mencapai matlamat satu juta pengguna Internet. Dengan perubahan teknologi IT dan multimedia yang pantas, perdagangan elektronik akan menghasilkan pelbagai inovasi amalan perniagaan dalam pengeluaran serta penghantaran barangan dan perkhidmatan. Di samping mewujudkan peluang perniagaan baru, perdagangan elektronik juga memberi cabaran kepada perniagaan domestik, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan menggubal satu pelan induk bagi memastikan pembangunan perdagangan elektronik berjalan secara teratur.

Sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk membangunkan tenaga kerja yang celik IT, kurikulum pendidikan dan latihan akan sentiasa diubahsuai sejajar dengan

permintaan industri IT. Kerajaan juga akan melancarkan satu kajian bagi menyediakan satu rangka kerja untuk mengimbangkan permintaan dan bekalan bagi tenaga kerja IT dalam ekonomi.

[Datuk Ong Tee Keat *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam membangunkan IT, usaha akan ditumpukan kepada menyediakan persekitaran undang-undang yang sesuai bagi meningkatkan penggunaan IT dan multimedia. Ke arah ini, peraturan dan undang-undang berkaitan IT akan dikaji semula supaya selaras dengan perkembangan pesat dalam teknologi IT dan multimedia. Di bawah Kajian Separuh Penggal, kerajaan telah menambah peruntukan bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam program dan projek IT kepada RM4 bilion.

Memperkukuhkan Sains dan Teknologi –

Peranan sains dan teknologi (S&T) adalah penting bagi pembangunan, terutama memandangkan tumpuan sekarang adalah ke arah kewujudan ekonomi berteknologi dan berpengetahuan tinggi. Kelembapan ekonomi telah menekankan lagi betapa perlunya ditingkatkan daya saing eksport dan ini memerlukan peranan S&T yang lebih besar terutamanya dalam bidang R&D yang akan membantu menggiatkan semula sektor industri dan pertanian serta memajukan lagi sektor perkhidmatan. Kita juga akan meningkatkan keupayaan serta kebolehan tempatan dalam bidang inovasi saintifik dan teknologi. Kerajaan telah menambahkan peruntukan untuk R&D kepada RM1.1 bilion. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian sektor swasta bahawa penyertaan dan pelaburan mereka dalam R&D akan menjadi lebih penting kerana mereka perlu memastikan penyediaan teknologi yang sesuai dan berdaya maju untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang.

Meningkatkan Kualiti Hidup –

Kerajaan sedang menghadapi cabaran yang hebat bagi tempoh akhir rancangan untuk meneruskan tumpuan kepada pembangunan sosial serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan berdaya tahan dengan mempunyai nilai-nilai yang kukuh, disiplin diri yang tinggi yang sentiasa bersyukur dan berterima kasih. Dalam

hubungan ini, tumpuan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dalam pendidikan dan latihan, perumahan, kesihatan, belia, kaum wanita, keluarga dan pembangunan masyarakat, akan dipertingkatkan.

Akses kepada pendidikan asas khususnya di kawasan luar bandar dan kualiti pendidikan juga akan dipertingkatkan, sementara pendidikan peringkat tinggi dikembangkan bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menambah peruntukan untuk pendidikan dan latihan kepada RM16 bilion daripada peruntukan asal sebanyak RM10 bilion. Kerajaan juga telah menambah peruntukan bagi Tabung Pendidikan Tinggi Negara daripada RM605 juta kepada RM1.5 bilion. Tabung ini akan memberi faedah kepada 40,000 lagi pelajar di peringkat pengajian tinggi terutamanya dalam menyediakan bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah, dengan demikian memudahkan akses ke institusi pendidikan awam dan swasta. Di samping itu, kerajaan akan menyediakan Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran dengan peruntukan awal sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan penyertaan terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk mendapat latihan kemahiran di semua peringkat.

Kerajaan juga akan memberi keutamaan kepada penyediaan perumahan untuk keluarga berpendapatan rendah dan miskin bagi membolehkan mereka menikmati perumahan yang lebih mampu dibeli dan berkualiti. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan dengan sokongan kerajaan-kerajaan negeri akan memastikan lebih banyak perumahan kos rendah dibina untuk dijual ataupun disewakan. Kerajaan Persekutuan akan membina sebanyak 35,000 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang akan dilancarkan tahun ini dan sebahagiannya dijangka siap pada akhir tahun 2000. Ini akan membantu menyelesaikan masalah setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mana terdapat sejumlah 42,000 isi rumah dalam tahun 1998. Di bawah Kajian Separuh Penggal ini, kerajaan telah menambah peruntukan bagi perumahan kepada RM3.5 bilion.

Kerajaan akan meneruskan usaha memperbaiki lagi status kesihatan rakyat. Usaha memerangi virus JE dan Nipah pada masa ini adalah satu pengajaran yang tidak boleh kita pandang ringan. Kerajaan telah memberi bantuan sedaya upaya, tetapi

tanggungjawab seterusnya perlu dipukul oleh semua rakyat Malaysia sejajar dengan konsep masyarakat penyayang. Dalam usaha mengembang dan memperbaiki taraf perkhidmatan kesihatan, pembinaan 20 hospital baru telah dimulakan di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Seterusnya, kegunaan IT di sektor kesihatan akan dikembangkan dan Sistem Maklumat Menyeluruh Hospital dilaksanakan untuk memudahkan pentadbiran dan pengurusan kesihatan. Misalnya, hospital baru Selayang akan dijadikan sebagai hospital pakar yang pertama berasaskan IT dalam sektor awam. Untuk menyediakan latihan kepada anggota kesihatan bersekutu atau allied health personnel, dengan izin, kerajaan akan membina pusat-pusat latihan di Selangor, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Peruntukan bagi sektor kesihatan akan ditambah kepada RM3.4 bilion.

Perkhidmatan sosial lain yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan juga akan diberi tumpuan terutamanya untuk memperbaiki perkhidmatan bandar, kemudahan sosial, kebersihan dan keindahan bandar serta sistem perparitan dan tebatan banjir. Usaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan sosial bagi meningkatkan kebajikan masyarakat juga akan diteruskan sejajar dengan objektif membentuk masyarakat penyayang. Tumpuan akan terus diberikan kepada golongan tertentu seperti golongan berpendapatan rendah, kaum wanita, kanak-kanak, warga tua dan yang kurang upaya. Kerajaan akan terus meningkatkan peranan dan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan sosio ekonomi negara di mana lebih banyak peluang pendidikan dan latihan akan disediakan bagi menggalakkan mereka menyertai secara berkesan dalam pasaran buruh. Peruntukan bagi subsektor ini akan ditambah daripada RM3.3 bilion kepada RM4 bilion.

Satu lagi cabaran yang dihadapi dalam keadaan ekonomi sekarang adalah pengurusan isu alam sekitar dan sumber semula jadi tanpa bertolak ansur dalam produktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Kita akan memastikan langkah-langkah yang diambil tidak akan menjejaskan usaha mencapai pembangunan mapan serta tidak membebankan negara. Pendekatan ekonomi akan diberi penekanan dalam menangani isu-isu alam sekitar.

Kerajaan juga akan meneruskan agenda bagi memupuk nilai positif dan etika kerja yang baik, menggalakkan corporate governance, dengan izin, serta sifat tanggungjawab sivik di kalangan masyarakat. Sistem nilai yang baik hanya boleh dibentuk melalui penekanan kepada agama, tradisi dan sivik terutamanya melalui sistem pendidikan. Nilai sejati masyarakat seperti taat setia, warganegara yang baik, menghormati hak warganegara, keadilan sosial dan sikap toleransi antara satu sama lain yang membentuk asas demokrasi yang efektif akan terus dipertingkatkan. Saya yakin melalui sistem nilai yang positif ini, pembentukan bangsa Malaysia akan dapat dipercepatkan.

Jentera Penyelarasan dan Pelaksanaan –

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar yang efektif yang bertujuan memulihkan ekonomi negara secara berkekalan memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang cekap di semua peringkat kerajaan. Oleh itu, kerajaan akan meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan agensi kerajaan untuk menyahut cabaran dengan efektif supaya projek-projek dapat dilaksanakan mengikut jadual tanpa kelewatan yang mana akan memberi kesan terhadap proses pemulihan dan pencapaian matlamat pembangunan nasional. Dalam hubungan ini, pertindihan kerja dan pembaziran akan dikurangkan, prosedur kerja diselaraskan dan halangan yang mengganggu pelaksanaan projek dihapuskan. Agensi-agensi kerajaan akan diminta melaksanakan projek-projek dengan berkesan, terutama bagi tempoh akhir rancangan ini.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan terus memainkan peranan sebagai badan perunding kepada Kabinet bagi menangani masalah ekonomi dan memulihkannya. Di peringkat negeri, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri akan melaksanakan keputusan yang dibuat oleh MTEN, memberi maklum balas mengenai kemajuan projek serta merangka dan melaksanakan projek-projek khusus bagi mencapai pemulihan ekonomi. Beberapa Jawatankuasa Kabinet telah diperkukuhkan untuk memantau dengan rapi pelaksanaan program dan dasar kerajaan.

Kerjasama erat di antara pelbagai peringkat kerajaan dengan pelbagai agensi adalah teras kepada pelaksanaan dasar, program dan projek secara berkesan.

Kerjasama sedemikian akan disokong dengan penyelarasan yang lebih baik di antara agensi berkaitan supaya pelaksanaan projek tidak tertangguh. Sehubungan ini, saluran komunikasi akan diperkukuhkan lagi dan teknologi maklumat digunakan sepenuhnya untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan penyelarasan bagi merealisasikan objektif pembangunan yang terkandung dalam Kajian Separuh Penggal ini.

Sektor swasta, yang menjadi rakan penting dalam pembangunan, akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi dengan kerjasama rapat dengan sektor awam selaras dengan konsep persyarikatan Malaysia. Ke arah ini, lebih banyak sesi dialog akan diadakan di peringkat kementerian, jabatan, negeri dan daerah. Maklum balas daripada sesi dialog ini akan membolehkan sektor awam meningkatkan kecekapan pengurusan dan kualiti perkhidmatan sejajar dengan permintaan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, Kajian Separuh Penggal ini dibuat dalam keadaan yang amat mencabar. Semasa saya membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini, asas-asas ekonomi negara adalah begitu kukuh dan bertenaga dan kita yakin dapat mengekalkan matlamat pertumbuhan sebanyak 8%. Walau bagaimanapun, hasrat kita untuk mencapai matlamat ini telah terjejas oleh faktor luaran, yang telah memberi kesan buruk ke atas sektor kewangan, pertumbuhan ekonomi sebenar serta taraf hidup rakyat. Walau bagaimanapun, Malaysia telah dapat mengelak daripada mengalami kesan yang terlalu buruk akibat krisis ini. Ini adalah kerana asas-asas ekonomi makro kita yang kukuh dan kejayaan kerajaan memperkenalkan dasar dan strategi yang cepat dan pragmatik dalam menangani krisis ini. Sejak pertengahan tahun 1998, dasar kita telah memberi fokus kepada langkah-langkah bagi menghalang penguncupan ekonomi dan menggerak semula pertumbuhan ekonomi terutamanya dengan melonggarkan dasar fiskal dan kewangan. Langkah-langkah ini adalah berkesan dan tanda-tanda awal pemulihan jelas kelihatan daripada petunjuk-petunjuk penggunaan dan pelaburan swasta serta eksport.

Prospek bagi tempoh akhir rancangan ini bergantung besar kepada keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah yang telah saya nyatakan tadi. Mengembali keyakinan pelabur dan perkembangan dalam ekonomi global juga penting. Sekiranya tidak berlaku bencana ekonomi, insya-Allah, pertumbuhan KDNK

sebenarnya dijangka mengalami arah aliran positif pada kadar 1% bagi tahun 1999, diikuti dengan kadar pertumbuhan 5% dalam tahun 2000. Senario optimistik ini adalah berasaskan perkembangan yang positif dalam permintaan agregat, jangkaan pertumbuhan pengeluaran sektor-sektor ekonomi, lebih dalam imbangan pembayaran dan tabungan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelaburan. Di samping itu, prospek ekonomi dunia juga dijangka menggalakkan dengan purata pertumbuhan sebanyak 2.3% bagi tempoh 1999-2000.

Tumpuan Kajian Separuh Penggal ini ialah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara dan mengembalikan ekonomi kepada pertumbuhan mapan supaya objektif pembangunan seimbang dan matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tercapai. Ini memerlukan antara lain pengukuhan asas-asas ekonomi makro dan sektor kewangan, serta mengembalikan keyakinan pelabur dan awam, memajukan sektor-sektor ekonomi yang berpotensi termasuk pembuatan, pertanian dan perkhidmatan, mengambil langkah-langkah bagi mencapai matlamat sosio ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Semua langkah untuk mencapai aspirasi negara ini hanya boleh dicapai jika setiap daripada kita memberi yang terbaik dalam memainkan peranan masing-masing. Ini juga merupakan peluang keemasan kepada kita untuk membuktikan kepada dunia, terutamanya kepada pengkritik dan skeptik bahawa kita sebagai satu kumpulan masyarakat yang bersatu padu, boleh melakukannya, berlandaskan semangat 'Malaysia Boleh'!

Keadaan dunia pada masa ini dan kebolehan kita menghadapi cabaran baru memberi kita keyakinan untuk bersikap optimistik mengenai prospek ekonomi Malaysia. Melihat prospek masa depan, saya yakin jalan ke arah pemulihan ekonomi negara adalah jelas berdasarkan kepada semua faktor yang ada. Dasar-dasar tidak konvensional yang dilaksanakan telah menunjukkan hasil yang menggalakkan tetapi ini memerlukan masa untuk membuahkan hasil sepenuhnya.

Saya yakin negara kita sekali lagi akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang sihat dengan kadar inflasi yang rendah dan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik, insya-Allah.

Kita berdoa kepada Allah s.w.t. supaya sentiasa memberikan kita kekuatan dan keazaman untuk menghadapi serta mengatasi masalah, berusaha sedaya upaya memulihkan ekonomi dan menjadikan negara lebih makmur serta memelihara maruah negara. Saya percaya, dengan izin, Allah s.w.t. kita akan kembali ke atas landasan pesat dalam membangunkan bangsa yang bersatu padu, progresif, makmur, berdikari dan dihormati oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. [*Tepuk*]

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Leo Moggie Anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

12.18 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) amatlah ironik kerana Dewan ini diminta supaya menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Usul ini ironik kerana isu hangat di negara kita hari ini tepat merupakan serangan hebat yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang dihadapi oleh keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran baik kita yang telah menjejaskan Wawasan 2020 Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dalam semua dimensi, sama ada dalam segi ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi atau budaya.

Minggu yang lepas, setelah saya mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja, saya bertolak ke Brussels untuk menghadiri pembicaraan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Inter-Parliamentary Union (IPU) mengenai pencabulan hak asasi manusia para Ahli Parlimen dan kes yang dirujuk adalah kes Lim Guan Eng yang telah dirampas kedudukannya sebagai Ahli

Parlimen setelah kedua-dua Yang di-Pertua Negeri Melaka serta Yang di-Pertuan Agong menolak petisyen pengampunan Guan Eng yang turut ditandatangani oleh lebih 300,000 orang rakyat Malaysia.

Minggu yang lepas juga merupakan satu minggu di mana reputasi antarabangsa Malaysia jatuh menjunam, di mana laporan-laporan serta editorial-editorial yang bersifat mengutuk muncul di ibu kota-ibu kota negara maju, di mana *London Times* dalam editorialsnya pada 15 April 1999 mengisytiharkan sistem kehakiman Malaysia kini, dengan izin, both blind and handcuffed.

Saya ingin meminda kenyataan mengenai sistem kehakiman Malaysia ini kepada 'blindfolded and handcuffed', sama seperti mana bekas Timbalan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh di 'blindfolded and handcuffed' semasa beliau diserang dengan ganas sekali oleh bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Nor pada malam pertama beliau ditahan pada 20 September di dalam pusat tertinggi pemerintahan polis di Bukit Aman.

Sama sebagaimana mata lebam Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah mencetuskan gelombang kejutan dan perasaan jijik di dalam dan di luar negeri, hukuman enam tahun penjara yang dijatuhkan ke atas beliau terhadap setiap satu tuduhan rasuah yang dihadapinya pada 14 April 1999 telah menjadi mata lebam yang lebih besar lagi dari mata lebam beliau kepada Malaysia di arena antarabangsa.

Semasa perbincangan beliau selama 78 hari bermula awal November tahun lepas, saya telah berkata bahawa bukannya hanya Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang dibicarakan, tetapi sistem kehakiman dan pentadbiran Malaysia juga turut dibicarakan. Tidak pernah berlakunya keadaan di mana kedaulatan undang-undang, kebebasan kehakiman serta institusi-institusi kerajaan seperti badan kehakiman, Kamar Peguam Negara serta pihak polis menghadapi perbincangan yang begitu dahsyat dalam 42 tahun sejarah Malaysia. Apatah lagi semua pihak telah gagal dalam memenangi keyakinan orang ramai.

Bukan sahaja institusi-institusi di atas yang diuji dan didapati bersalah, satu lagi institusi yang penting iaitu media massa, sama ada bercetak mahupun elektronik

juga turut terjejas. Sehari sebelum Yang Berhormat dari Permatang Pauh dijatuhkan hukuman oleh Hakim Mahkamah Tinggi pada 14 April 1999, *New Straits Times* melaporkan di muka depannya dengan tajuk utama dengan izin ‘*Foreign Media Predicts Anwar Will Be Found Guilty*’, yang berbunyi:

“Kuala Lumpur, Monday – With two days to go before the High Court passes judgment in the Dato’ Seri Anwar Ibrahim corruption case, the foreign press has again descended on the City in full force.

Reels of reports and visuals have been filed, mostly pre-empting Judge Datuk Augustine Paul’s verdict. Many of the report predict that Anwar will be found guilty and in the same breath, accuse the Malaysian judiciary of being unfair. The former Deputy Prime Minister, on the other hand, is being portrayed as a victim of political conspiracy. According to these despatches, the guilty verdict would provide a martyr for the opposition alliance which Parti Keadilan Nasional headed by Anwar’s wife, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail, was putting together.”

Bila diimbaz kembali, siapakah yang benar – *New Straits Times* ataupun akhbar-akhbar asing? Sekurang-kurangnya, media asing tidak meramalkan keputusan hukuman penjara sehingga enam tahun untuk setiap satu tuduhan itu. Perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, juga merupakan satu perbahasan ke atas satu pertiga tempoh 30 tahun Wawasan 2020 untuk Malaysia mengambil tempat sebagai negara maju.

Wawasan 2020 menggariskan sembilan cabaran strategik utama yang perlu diatasi oleh negara kita dari 1990 ke 2020 sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju. Adakah kita, sebagai contohnya, maju dengan ketara atau sebaliknya dalam tempoh sembilan tahun ini dalam empat cabaran. Cabaran pertama, cabaran-cabaran strategik utama yang bermatlamatkan:-

- (i) Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam

harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil dan didukung oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara;

- (ii) Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain;
- (iii) Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun;
- (iv) Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Sekiranya kita memang maju dalam sembilan tahun ini ke arah membina sebuah negara yang aman, mendapat hasil dalam usaha mencipta masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri dan memupuk serta memajukan masyarakat demokratik matang, maka kita tidak mungkin melihat keadaan sedih semalam di Parlimen, di mana Menteri Kewangan Kedua membuat tuduhan karut bahawa Ketua Pembangkang Parlimen dan mereka yang berpendapat berbeza dengan kerajaan dalam soal kawalan modal yang diperkenalkan September lepas, sama ada atas soal masa pelaksanaan yang dipilih mahupun jenis langkah-langkah yang diperkenalkan, semuanya anti-nasional dan pengkhianat bangsa yang mahu melihat huru-hara serta pertumpahan darah di negara ini demi menumbangkan kerajaan yang dipilih rakyat.

Saya tidak tahu sama ada tuduhan karut bahawa saya ingin melihat berlakunya huru-hara dan pertumpahan darah di negara ini, sebenarnya satu persiapan untuk

menahan saya buat kali ketiga di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan sekali lagi menjadi tetamu pihak kerajaan. Saya tidak akan merasa terperanjat sekiranya tuduhan karut sebegini diluahkan oleh segelintir pelampau dalam barisan pemerintahan. Tetapi apa yang mengejutkan adalah ianya dibangkitkan oleh Menteri Kewangan Kedua yang biasanya bersikap lembut dan berfikiran waras dan beliau membuat tuduhan palsu, tidak bertanggungjawab serta bahaya ini tanpa mengelip matanya sekali pun, dan ini hanya menggambarkan keadaan politik Malaysia yang sungguh tidak kena.

Tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, menyebabkan saya tertanya-tanya sama ada keupayaan berdusta dan membuat tuduhan karut terhadap pihak pembangkang kini menjadi syarat keteruswujudan serta kenaikan pangkat seorang Menteri di dalam kerajaan masa kini. Baru-baru ini sebagai menandakan sikap semakin tidak mengizinkan wujudnya suara yang bertentangan atau descend, semakin ramai pemimpin kerajaan telah mula dengan sewenang-wenangnya mempersoalkan tahap setia dan patriotisme rakyat Malaysia, sama ada yang berada dalam pihak pembangkang, NGO mahupun rakyat jelata yang tidak bersependapat dengan kerajaan. Contoh terbaru adalah sindiran mengenai kesetiaan saya yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, semasa soal jawab semalam apabila saya membangkitkan skandal berleluasanya politik wang, penipuan pilihan raya serta penyelewengan di dalam pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini.

Saya ingin menegaskan di sini secara terang bahawa para ahli Parlimen serta pemimpin pihak pembangkang tidaklah kurang patriotik, dan di kebanyakan keadaan lebih patriotik daripada para menteri serta pemimpin Barisan Nasional, sungguhpun

kita berada di spektrum politik yang bertentangan kerana tindakan kami sebenarnya berasaskan kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara sebagaimana yang dimaktubkan dalam cabaran strategik pertama Wawasan 2020.

Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional harus sedar bahawa wujudnya perbezaan yang jelas di antara kesetiaan dan dedikasi kepada negara dengan kesetiaan dan dedikasi kepada kerajaan yang sedia wujud. Para pemimpin pihak pembangkang yang cintakan negara dan rakyat yang mahu melihat sebuah negara Malaysia yang adil untuk rakyat Malaysia, bersedia membuat pengorbanan besar demi memperjuangkan kepercayaan mereka, termasuklah kehilangan kebebasan peribadi sama ada dalam bentuk penahanan tanpa bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mahupun dipenjarakan kerana menjadi mangsa pendakwaan pilih kasih serta pemangsaan kehakiman. Mereka ini pasti lebih patriotik dari ahli-ahli politik kerajaan yang berada di dalam politik sebagai mendapat pasport kedudukan, pengaruh, kekayaan, kontrak-kontrak serta pengagungan kedudukan diri.

Saya teringat satu dialog yang diadakan di antara pucuk kepimpinan DAP dengan pucuk pemimpin polis peringkat tertinggi di Bukit Aman pada 18 Jun tahun lalu. Hasil dari keprihatinan kami terhadap keadaan negara yang semakin condong kepada negara polis, berikutan dengan tindakan keras polis yang baru masa itu terhadap perjumpaan dan perhimpunan awam, di mana rakyat Malaysia diizinkan berkumpul untuk makan atau karaoke, tetapi tidak dibenarkan berucap yang seterusnya menyebabkan saya bertanya-tanya sama ada Wawasan 2020 kita telah bertukar

menjadi 'wawasan animal farm' – pasukan pencegah rusuhan telah dikerahkan untuk menghalang mesyuarat yang aman diadakan.

Delegasi DAP sendiri dari Timbalan Pengerusi Kebangsaan, Yang Berhormat Karpal Singh, Naib Pengerusi Kebangsaan – Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahmad Nor dan Dr. Oon Hong Geok, Timbalan Setiausaha Agong - Abdul Muluk, Setiausaha Organisasi Masa - Tan Kok Wai, Pengarah Pendidikan Politik - Teng Chang Khim dan Setiausaha Hal Ehwal Antarabangsa - Teresa Kok Suh Sim serta saya sendiri.

Ketua Polis Negara masa itu, Tan Sri Rahim Noor pula mengetuai pihak polis peringkat tertinggi yang menghadiri sesi dialog berkenan. Pada masa itu, pihak polis bukan sahaja mengharamkan perhimpunan awam DAP atas alasan bahawa mereka tidak sah di sisi undang-undang kerana perbincangan yang terlibat adalah mengenai ketidakadilan yang dihadapi oleh Timbalan Setiausaha Agong serta Ahli Parlimen Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, yang dijatuhkan hukuman penjara di bawah Akta Hasutan serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana mempertahankan kehormatan, maruah, hak wanita dan hak manusia seorang gadis 15 tahun yang juga menjadi mangsa rogol, malah forum mengenai isu-isu yang menjejaskan kehidupan harian rakyat seperti krisis kekurangan bekalan air juga dianggap sebagai sensitif dan diharamkan.

Masa itu satu perbincangan yang terus terang serta tegap yang mengambil masa 75 minit telah berlangsung diantara delegasi DAP dengan Tan Sri Rahim Noor, yang ditemani oleh pegawai-pegawai polis tertinggi masa itu seperti Pengarah CID, Datuk Yaacob Mohd. Amin, Pengarah Ketenteraman dan Keselamatan Awam, Datuk Ghazali Yaacob, Pengarah Special Branch, Said Awang serta Ketua Undang-undang dan Pendakwaan SAC I, Musa Hassan.

Para pemimpin DAP memulakan perbincangan dengan memberitahu pucuk pimpinan tertinggi polis itu bahawa sungguhpun kami memainkan peranan yang agak

berbeza di masyarakat ini, kami mempunyai satu peranan yang serupa – iaitu kami telah melaksanakan tugas masing-masing dan kadangkala melibatkan risiko kebebasan peribadi atas cinta kita terhadap negara dan rakyat, dan bahawa sungguhpun kita tidak bersetuju dengan pendirian pendapat masing-masing, kita haruslah menghormati sesama sendiri peranan dan integriti masing-masing.

Kami berkata bahawa rakyat Malaysia sungguh risau tentang kerajaan khasnya pihak polis, yang oleh kerana khuatirkan ‘jangkitan Indonesia’ berlaku di Malaysia berikutan dengan kejatuhan Suharto dan proses pembaharuan politik serta ekonomi di Indonesia, telah menyerap pengajaran yang silap dengan mengenakan sekatan keras ke atas kebebasan sivil dan kebebasan demokratik dan bukannya memulakan pembaharuan politik demi membina sebuah masyarakat madani yang bersemangat.

Sementara sah bahawa pihak berkuasa mengkaji tentang apa yang berlaku di Indonesia demi memastikan pengajaran yang betul diserap oleh Malaysia dari pergolakan jiran kita baru-baru ini, tetapi kita tidak harus tersilap baca.

Kami menekankan dua perkara, pertama, pihak berkuasa tidak harus bertindak bagaikan berpuluh-puluh ribu rakyat akan mengambil bahagian di dalam tunjuk perasaan dan memberontak di jalan raya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pasal apa nanti, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Kami ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia menuduh kerajaan yang bukan-bukan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sama ada dia faham atau tidak faham. Adakah polis

Tuan Lim Kit Siang: Kami menekankan dua perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat Yan boleh bangun minta laluan, tetapi sama ada dia beri atau tidak itu hak dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk tunjuk perasaan ini bersurai kalau mereka asyik bakar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh bangkitkan Peraturan Mesyuarat jika perlu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia penakut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa orang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: You takutlah, kalau you berani beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang itu tidak ada mertabat, maruah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan!

Tuan Lim Kit Siang: Kami menekankan dua perkara, pertama, pihak berkuasa tidak harus bertindak bagaikan berpuluh-puluh ribu rakyat akan bertindak mengambil bahagian di dalam tunjuk perasaan dan memberontak di jalan raya, kerana rakyat Malaysia sebenarnya lebih matang selepas empat dekad merdeka.

Kedua, pihak berkuasa harus mengenali aspirasi rakyat Malaysia dan mahukan pembaharuan politik yang merangkumi semua aspek, serta proses pendemokrasian yang lebih luas dan sedar bahawa tindakan menekan aspirasi ini bukan sahaja tidak membantu memupuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan bersemangat kuat dalam menghadapi krisis ekonomi paling buruk dalam sejarah negara ini, malah akan merosakkan usaha memulihkan keyakinan yang merupakan satu-satunya syarat membawa kepada pemulihan ekonomi paling pantas.

Saya telah menekankan bahawa rakyat Malaysia tidak mahu jenis protes dan tunjuk perasaan yang berlaku di Indonesia tetapi permintaan tuntutan mereka untuk keadilan, kebebasan, demokrasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang:dan pentadbiran baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan bangun lagi. Beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal apa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya telah menekankan bahawa rakyat Malaysia tidak mahu jenis protes dan tunjuk perasaan yang berlaku di Indonesia tetapi tuntutan mereka untuk keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran yang baik tidak harus dilengah-lengahkan dan harus ditangani.

Kami memberitahu pucuk pimpinan tertinggi polis bahawa rakyat Malaysia sebenarnya menikmati ruang demokratik yang sungguh terhad sekali sama ada dalam segi kebebasan berucap, berakhbar, berhimpun mahupun maklumat dan masa telah tiba untuk memperluaskan ruang-ruang demokratik ini supaya rakyat mempunyai suara yang lebih kuat dalam proses membuat keputusan mengenai bagaimana rakyat boleh bersatu padu untuk membantu negara memerangi krisis ekonomi kali ini dengan kesan kesukaran dan ketidakadilan yang paling minimum sekali kepada rakyat jelata.

Tan Sri Rahim Noor pula memulakan dialog berkenaan dengan perkara yang kurang ketara, dengan merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat dari Jelutong di Parlimen yang mendakwanya sebagai bertindak seperti samseng, melahirkan rasa khuatir beliau bahawa 'kimia' dan jangkitan Indonesia di Malaysia dan bahawa negara ini tidak mengizinkan berulangnya Peristiwa 13 Mei – yang mana saya bersetuju. Beliau berkata bahawa semasa peristiwa di Indonesia mencapai puncaknya dan penggulingan Suharto menjadi kenyataan, beliau masa itu berada di Amerika Syarikat dan berpendapat bahawa Indonesia tidak akan sampai ke tahap sebegitu sekiranya negara itu mempunyai akta seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti di Malaysia.

Tan Sri Rahim Noor cuba menyakinkan delegasi DAP bahawa tidak berlakunya pertukaran 'hati' atau 'change of heart' dalam pihak kepimpinan polis mengenai kebebasan sivil dan bahawa tidak berlakunya tindakan keras ke atas hak-hak rakyat yang sedia wujud termasuk kebebasan berucap dan berhimpun dan bahawa kebenaran mengadakan forum dan jamuan yang selama ini dikendalikan oleh OCPD kawasan masing-masing masih dikendalikan oleh mereka, dengan had rayuan 48 jam kepada Ketua Polis sekiranya permintaan kebenaran ditolak.

Beliau berkata bahawa beliau tidak suka menahan rakyat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menekankan bahawa beliau sering mengingati dalam semua tindakannya, beliau perlu menjawab terus kepada Allah. Bagaimana pun, beliau tidak akan teragak-agak melaksanakan tugasnya demi menjaga keamanan dan kemakmuran negara ini dan seterusnya membuat satu kenyataan yang tidak harus dibuatnya iaitu "I am doubly patriotic than you".

Masa itu saya teringat hendak mencabar Tan Sri Rahim Noor mengenai kenyataannya "I am doubly patriotic than you" itu, yang bukan hanya menghina dan menggambarkan sikap angkuhnya yang mencemarkan profesionalismanya tetapi juga kerana tidak siapa pun yang berhak mendakwa bahawa beliau lebih patriotik daripada saya atau sesiapa juga.

Bagaimanapun saya mengambil keputusan untuk tidak membenarkan isu sikap peribadi ini mengaburi perkara yang lebih penting iaitu untuk memastikan pucuk pimpinan polis tertinggi menarik balik arahan mereka untuk menekan hak sivil rakyat mengadakan perhimpunan awam.

Bagaimanapun kenyataan Tan Sri Rahim Noor bahawa "I am doubly patriotic than you" itu telah disimpan di hati saya selama ini dan peristiwa-peristiwa seterusnya menunjukkan bahawa bekas Ketua Polis Negara kita bukan sahaja tidak dua kali ganda lebih patriotik daripada saya tetapi sebaliknya jauh kurang patriotik daripada 21 juta rakyat Malaysia. Tidak ada mana-mana rakyat Malaysia lain yang telah melakukan kerosakan ke atas reputasi kebangsaan dan imej antarabangsa Malaysia seteruk Tan Sri Rahim Noor, berikutan dengan tindakan jenayah yang

diakuinya sendiri iaitu menyerang Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang tidak berdaya mempertahankan diri, ditutup matanya dan digari tangannya sehinggakan nyawanya terjejas dan imej Malaysia terhina.

Sebelum berlakunya krisis ekonomi, rakyat Malaysia yang mengembara ke luar negara akan dikenali oleh orang asing sebagai orang yang datang daripada sebuah negara yang memiliki bangunan paling tinggi di dunia tetapi selepas September tahun lepas, reaksi orang asing apabila diperkenalkan kepada seorang rakyat Malaysia adalah mengenalinya sebagai datang daripada sebuah negara di mana Ketua Polis Negeranya boleh menghadiahkan 'mata lebam' kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dalam kawasan dalaman pihak polis peringkat paling tinggi.

Saya difahami bahawa Tan Sri Rahim Noor akan atau telah didakwa di Mahkamah Sesyen hari ini kerana bertanggungjawab terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar Ibrahim semasa berada di bawah penjagaan polis bulan September lepas. Ini sebenarnya satu tindakan yang dilengah-lengahkan dan kelambatan mengambil tindakan ini menjejaskan sekali lagi rekod Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, khasnya memandangkan Tan Sri Rahim Noor telah mengakui bersalah di dalam perbicaraan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja lebih daripada tujuh minggu yang lepas pada 2 Mac.

Kes Rahim Noor harus menjadi pengajaran kepada semua khasnya mereka yang memegang jawatan tinggi, sama ada awam mahupun politik, sama ada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Polis Negara, Pengarah Penjara, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri mahupun setiausaha-setiausaha Parlimen supaya jangan menggunakan kedudukan jawatan mereka sebagai bukti kesetiaan dan patriotisme mereka.

Yang Berhormat Menteri Penerangan telah menyertai korus yang menyeru Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan ke atas satu satira politik terbaru yang ditulis oleh Sasterawan Negara, Profesor Shahnnon Ahmad dan bukannya bernama *SHIT* yang didakwa oleh golongan UMNO bahawa membuat serangan

tersembunyi ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta sekutunya di dalam kerajaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum lagi sempat membaca *SHIT*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak beri jalan ya?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak minta penjelasan fasal 'tahi' ini Tuan Yang di-Pertua, fasal 'tahi' ini saya hendak tahu penjelasan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: *SHIT, SHIT.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, *SHIT*. Your shit or his shit? So you are supporting the shit, right? Just to make that clear, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Sebelum Yang Berhormat diberi laluan jangan mencelah, takkanlah tidak mengerti peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: No, because dia ni stubborn, stubborn guy, Tuan Yang di-Pertua. A very stubborn guy.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum lagi sempat membaca *SHIT* tetapi adakah tidak patriotik bagi seseorang penulis Malaysia mengeluarkan karya fiksyen yang ditujukan khas untuk membongkarkan kesalahan yang dilakukan oleh sesetengah ahli politik dan organisasi-organisasi politik di negara ini, membetulkan kesalahan dan memaksa orang yang salah meminta pengampunan. Sekiranya Shahnnon Ahmad telah memfitnah sesiapa atau melakukan sebarang kesalahan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang di negara ini, maka dakwalah beliau di mahkamah.

Dalam tempoh lima bulan yang lepas, Jabatan Penerangan telah memaparkan satu laman yang bertajuk *Cetusan Rasa Untuk Malaysia* dan web site ialah **Error! Bookmark not defined.** untuk membolehkan rakyat Malaysia melahirkan pandangan mereka sama ada yang memuji atau mengkritik kerajaan. Hingga ke hari ini sekurang-

kurangnya 69,000 pelawat telah melawat ke laman berkenaan dan selain daripada 7% yang menyuarakan sokongan kepada kerajaan, yang selebihnya merupakan kritikan malah mengutuk Kerajaan Barisan Nasional atau pemimpin-pemimpinnya. Perdana Menteri merupakan sasaran utama cetusan rasa rakyat yang melibatkan satu pertiga daripada cetusan dan isu yang terlibat termasuklah pemerintahan kediktatoran, nepotisme, kronisme serta perilaku rasuah.

Adakah Menteri Penerangan dan kerajaan bersedia menerima hakikat bahawa cetusan rasa lebih kurang 69,000 orang di atas laman kerajaan ini merupakan cetusan rasa yang sah bagi rakyat Malaysia yang setia dan patriotik. Adakah kerajaan telah menganalisa sepenuhnya cetusan-cetusan itu dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menangani isu-isu serta aduan-aduan yang dibangkitkan, khasnya cetusan yang merujuk spesifiknya kepada menteri-menteri Barisan Nasional seperti Menteri Penerangan sendiri, Menteri Kewangan, Menteri Kerja Raya, Menteri Kesihatan, Menteri Perdagangan dan Industri Antarabangsa, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Menteri Pendidikan.

Saya berharap mulai sekarang kita jangan lagi dengar siapa-siapa di Dewan yang mulia ini yang mendakwa bahawa beliau mempunyai hak eksklusif atau prerogative untuk mendakwa dirinya lebih patriotik hanya kerana beliau seorang menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen atau seorang ahli Parlimen Barisan Nasional dan supaya tidak seorang pun yang akan cuba.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia ini cukup celaru, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Lim Kit Siang:....supaya tidak seorang pun akan cuba meragui, mempersoalkan atau menyindir kesetiaan dan patriotisme ahli-ahli yang lain.

Saya masih ingat lagi dalam tahun 70-an, seorang Menteri Kanan UMNO sungguh tidak suka dengan ucapan saya di Parlimen sehinggakan beliau berdiri dan berkata bahawa sekiranya saya tidak suka dengan dasar-dasar Barisan Nasional, maka saya bolehlah tinggalkan Malaysia. Jawapan segera saya masa itu adalah bahawa sekiranya menteri berkenaan tidak suka dengan apa yang diperkatakan oleh pihak pembangkang di Parlimen, maka beliau sendirilah yang boleh tinggalkan Malaysia!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, yang keberapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:Sebutkan.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hei, you diamlah. Taiping diam ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, dia orang kacau saya, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, dia bercakap saya ganggu Tuan Yang di-Pertua marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebutkan, jangan sebut yang lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap sesiapa ahli lain. Yang Berhormat dari Tanjong mengadakan sangkaan jahat kepada menteri-menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat tidak dikehendaki memberi ulasan ataupun hujah-hujah, saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, 36(6) Tuan Yang di-Pertua.
Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, 36(6) itu sangkaan jahat terhadap ahli yang lain tetapi nampaknya apa yang diucapkan Ahli Yang Berhormat Tanjong tadi itu tidak ditumpukan kepada mana-mana ahli yang spesifik. Tidak kena. Teruskan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebut nama menteri-menteri – Menteri Kesihatan, Menteri Pendidikan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Keputusan telah pun dibuat. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, dan jawapan segera saya kepada menteri masa itu yang mahu saya tinggalkan Malaysia kalau saya tidak suka dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional ialah kalau dia tidak suka apa yang dikatakan oleh pihak pembangkang di Parlimen, maka beliau sendiri yang boleh tinggalkan Malaysia. Menteri Kanan UMNO yang terkejut dengan jawapan saya masa itu oleh kerana beliau tidak pernah terfikir bahawa hak saya di Malaysia tidaklah kurang daripada haknya di negara ini. Malaysia bukannya negara yang dimiliki oleh menteri-menteri atau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tetapi merupakan milikan semua orang termasuklah mereka yang kini berada di pihak pembangkang dan saya berharap bahawa kita akan sering mengingati cabaran strategik pertama Wawasan 2020 iaitu mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama dengan menjadi negara yang aman dan berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum.

Sehubungan ini, saya mesti melahirkan rasa terkejut saya dengan prosiding Dewan Undangan Negeri Melaka pada hari semalam, di mana Kerajaan Negeri Melaka bukan sahaja telah memalukan dirinya serta pengundi-pengundinya dengan mereka satu lagi keadaan 'no quorum' buat kali ke-20 demi mensabotaj perbahasan

penangguhan yang dibentangkan oleh ADUN DAP dan kali ini melibatkan dua isu penting iaitu industri penternakan babi dan kaji semula kadar cukai pintu tetapi juga jawapan yang dibekalkan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin mengenai soal petisyen pengampunan Ahli Parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng yang ditolak oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Abu Zahar berkata bahawa petisyen Guan Eng telah ditolak kerana kesalahan beliau yang dijatuhkan hukuman di bawah Akta Hasutan amatlah serius. Katanya menghasut merupakan satu kesalahan yang serius dalam sebuah negeri dan negara yang berbilang kaum. Wujudnya contoh-contoh negara yang menghadapi banyak masalah kerana masalah hasutan. Semasa menjawab soalan tambahan ADUN Bandar Hilir Yang Berhormat Sim Tong Him, Abu Zahar berkata bahawa hasutan boleh mencetuskan pecah belah, merosakkan negara secara fizikal dan malah boleh membawa kepada pembunuhan beramai-ramai di sesetengah negara.

Abu Zahar berkata bahawa Yang di-Pertua Negeri telah mempengerusikan satu mesyuarat Jemaah Pengampunan Negeri pada 3 Mac lepas. Ahli-ahli jemaah yang lain termasuklah Ketua Menteri, wakil Peguam Negara ialah Datuk Heliliah Mohd Yusof, Tan Sri Aziz Tapa dan Datuk Ng Kim Fong. Seorang lagi ahli, Datuk Dr. K. Nagaratnam tidak hadir kerana berada di luar negara. Penjelasan Ketua Menteri Melaka sungguh keji atas dua sebab yang menunjukkan bahawa Jemaah Pengampunan Melaka telah gagal membuat pertimbangan mengikut undang-undang serta sewajarnya semasa mempertimbangkan kes Guan Eng.

Pertama sekali dengan mendakwa bahawa kesalahan hasutan Guan Eng adalah serius dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Ketua Menteri Melaka sebenarnya mengatakan bahawa tindakan Guan Eng merupakan menghasut, kebencian dan ketidaksenangan antara kaum yang akan membawa kepada konflik perkauman, ini

tidak benar sekali. Sebenarnya Guan Eng merupakan pemimpin politik pertama di Malaysia dalam 42 tahun sejarah negara ini yang telah cuba mempertahankan hak asasi seorang rakyat dari kaum yang lain dan agama yang lain sehinggakan beliau bersedia mengorbankan kebebasan peribadi, hilang kelayakan Ahli Parlimen dan hak menyertai politiknya.

Saya mencabar sesiapa sahaja di Dewan ini atau di luar Dewan supaya menamakan seorang lagi pemimpin politik Malaysia sama ada sebelum atau selepas Guan Eng yang turut mempertahankan hak asasi seorang warganegara kaum dan agama yang lain, rela mengorbankan segalanya.

Soal bahawa tindakan Guan Eng mempertahankan hak seorang gadis umur 15 tahun yang menjadi mangsa rogol di sisi undang-undang mungkin akan mencetuskan konflik perkauman tidak pernah dibangkitkan sekalipun di sepanjang perbicaraannya, dan adalah sungguh memeranjatkan bahawa ini digunakan sebagai alasan utama mengapa petisyen pengampunannya ditolak.

Kedua, Ketua Menteri Melaka juga mendakwa bahawa kesalahan di bawah Akta Hasutan adalah lebih serius dari kesalahan-kesalahan yang lain, sama ada rasuah - yang mana bekas Menteri Besar Selangor Datuk Harun Idris telah mendapat pengampunan sepenuhnya dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas beliau menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1981, malah lebih serius dari kes pembunuhan, di mana bekas Menteri Datuk Mokhtar Hashim juga mendapat pengampunan sepenuhnya setelah disabit kesalahan dan dihukum penjara atas tuduhan membunuh Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan. Alasan kedua ini juga tidak masuk akal.

Adakah satu persendaan keadilan yang ketara bahawa Peguam Negara atau wakilnya tidak menarik diri dari bicara Jemaah Pengampunan Melaka dalam kes Guan Eng sungguhpun tindakan pendakwaan pilih kasih Peguam Negara yang telah menyebabkan Guan Eng dijatuhkan hukuman penjara.

Guan Eng telah menerima surat pemberitahu dari Pejabat Ketua Menteri Melaka di Penjara Kajang pada 24 Mac memberitahu bahawa petisyen pengampunan beliau kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka.....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang, bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, peraturan mesyuarat. Yang ke berapa Yang Berhormat ?

Tuan Haji Noh bin Omar: 36(8), saya hendak minta penjelasan tafsiran daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang ini bertentangan dengan 36(8), kerana 36(8) menyatakan: "*Kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang-orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan.....*" dan seterusnya. Jadi, adakah ucapan Yang Berhormat Tanjong tadi bertentangan dengan 36(8) kerana itu jemaah pengampunan adalah kuasa yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Negeri.

Jadi, bolehkah dipersoalkan keputusan ini telah pun diputuskan oleh Jemaah Pengampunan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik, saya akan buat keputusan.....

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya menjelaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ikut peraturan

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya terangkan apa yang saya buat. Keputusan boleh dibuat tapi dengar dulu, boleh buat keputusan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Berilah Tuan Yang di-Pertua buat keputusan dulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagi Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, tak faham ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ini, Yang Berhormat boleh sentuh kemudian, biar saya buat keputusan saya dulu. Bersabit dengan apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang iaitu Peraturan Mesyuarat 36(8), saya rasa ini tepat pada tempatnya sebab sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong hendak menyentuh soal yang bersabit dengan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Negeri Melaka, Yang Berhormat dari Tanjong boleh mengemukakan satu usul tersendiri sepertimana yang tertera dalam peraturan mesyuarat yang berkenaan dan bukannya menyentuh hal ini dalam perbahasan ini. Saya rasa ini melanggar Peraturan Mesyuarat 36(8), Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Saya setuju dengan interpretasi itu tetapi saya tidak menyoalkan keputusan Yang di-Pertua Negeri, apa yang saya soalkan ialah keterangan yang dibuat oleh Ketua Menteri Melaka, atas sebab-sebab lembaga pengampunan buat keputusan untuk menasihatkan bahawa apa keputusan patut dibuat. Itulah apa yang dikatakan oleh Ketua Menteri Melaka dalam Dewan Undangan Negeri. Itulah satu public issue.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat meneliti Peraturan Mesyuarat 36(8) itu, ini kelakuan Yang di-Pertua Negeri ataupun mana-mana pihak yang tertera dalam peraturan mesyuarat ini tidak boleh disebutkan, bukan dipertikaikan, disebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Disebutkan sebab sekarang ini bukan saya menegah Yang Berhormat atas alasan Yang Berhormat mempertikaikannya, tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak boleh disebut.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak sebut pun. Apa yang saya sebut ialah keterangan Ketua Menteri Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, tapi menyentuh soal keputusan walaupun keputusan itu dihuraikan oleh Ketua Menteri.

Tuan Lim Kit Siang:penjelasan, keterangan Ketua Menteri Melaka, itulah apa saya timbulkan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tapi Yang Berhormat mengulas, mengulas apa yang dibuat oleh Ketua Menteri Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang, cukup jelas, ini kerja saya, saya sudah buat keputusan dan itu cukup jelas. Saya berharap Tanjong dapat akur apa yang diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak sebut, saya tak pertikai kelakuan Yang di-Pertua Negeri Melaka tetapi apa sebab-sebab yang ada dikemukakan oleh Ketua Menteri Melaka sahaja.

Guan Eng telah menerima surat pemberitahu dari Pejabat Ketua Menteri Melaka di Penjara Kajang pada 24 Mac memberitahunya bahawa petisyen pengampunannya kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka telah ditolak oleh Ketua Negeri Melaka pada 24 Mac berikutan dengan nasihat Jemaah Pengampunan Melaka pada 3 Mac 1999 untuk menolak petisyennya.

Semalam Ketua Menteri Melaka berkata di dalam Dewan Undangan Negeri bahawa Jemaah Pengampunan Negeri juga telah mengambil kira petisyen yang ditandatangani oleh lebih 300,000 rakyat Malaysia semasa menolak petisyen Guan Eng.

Adakah ini benar? Tiga alasan penting yang disebut dalam petisyen 300,000 rakyat Malaysia yang menyokong petisyen pengampunan Guan Eng adalah:

- (i) Lim Guan Eng tidak pernah berniat mengecam badan kehakiman atau pengurusan keadilan negara ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, dia minta laluan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, yang cakap tadi itu, yang ada beralasan itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat . Ya, Tanjong nak beri jalan?

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan, saya tidak ada nak lawan, saya hendak minta penjelasan sahaja. Yang Berhormat boleh cakap, itu ulasan ataupun jawapan Ketua Menteri?

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan teruskan, lepas itu boleh.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, saya hendak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar, jangan tawar-menawar di sini. Kalau Yang Berhormat tak beri jalan, sabar dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. (i) Guan Eng tidak pernah berniat mengecam badan kehakiman atau pengurusan keadilan negara ini, sebaliknya hasrat beliau hanyalah untuk melaksanakan tugas seorang Ahli Parlimen secara tekun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, ada peraturan mesyuaratnya.

Tuan Haji Noh bin Omar: 36(8) lagi. Saya hendak tanya, memang dia tak sentuh, dia tak sebut nama Tuan Yang di-Pertua tetapi dia mengulas adakah jawapan daripada Ketua Menteri sebut, apa Yang Berhormat cakap tadi, yang mengatakan Lim Guan Eng ini tidak pernah mengecam badan kehakiman. Itu pendapat Yang Berhormat, ini tidak boleh dibiarkan. Tidak boleh dibiarkan ini, dia mengambil kesempatan melalui ucapannya mengulas apa yang disebut oleh Ketua Menteri di mana Ketua Menteri menjalankan tugasnya daripada arahan Jemaah Pengampunan, ini sudah bertentangan dengan 36(8), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Tanjong diingatkan bahawa keputusan saya dikekalkan dan sekiranya Yang Berhormat menyentuh apa yang dibuat oleh Ketua Menteri ataupun orang-orang lain biasanya saya tidak menegah tapi Yang Berhormat kalaulah ambil kesempatan ini untuk mengulas keputusan yang dibuat oleh Pardon's Board ataupun Yang di-Pertua Negeri, saya menegahnya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak sebut, tidak mempertikaikan atau sebut kelakuan Yang di-Pertua Negeri tetapi sebab penjelasan yang dibuat oleh Ketua Menteri ialah satu public issue dan bukan satu isu yang dilarang daripada perbincangan sama ada peraturan mesyuarat atau di mana-mana undang-undang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong diminta sambung.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya. Tiga alasan penting yang disebut dalam petisyen 300,000 orang rakyat Malaysia yang menyokong petisyen pengampunan Lim Guan Eng adalah:

- (i) Lim Guan Eng tidak pernah berniat mengecam Badan Kehakiman atau pengurusan keadilan negara ini, sebaliknya hasrat beliau ingin untuk melaksanakan tugas seorang Ahli Parlimen secara tekun, hemat dan berani iaitu meyahut rayuan seorang nenek tua terdesak, Puan Pendek Ahmad untuk mempertahankan kehormatan dan hak asasi manusia dan hak seorang gadis berumur 15 tahun;
- (ii) Lim Guan Eng merupakan Ahli Parlimen contoh kerana beliau merupakan salah seorang Ahli Parlimen yang paling berdedikasi serta lantang bersuara di Parlimen demi memperjuangkan hak serta kepentingan rakyat jelata [*Disampuk*] untuk manfaat negara pada keseluruhannya;
- (iii) Lim Guan Eng juga merupakan seorang pemimpin Malaysia contoh,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Anak saya sendiri.

Tuan Lim Kit Siang:menjangkau batasan bangsa, agama, bahasa dan budaya sebagaimana yang diperlihatkan menerusi bantuan yang dihulurkan kepada gadis berumur 15 tahun kerana adalah sukar untuk mendapati pemimpin politik Malaysia lain yang bersedia untuk membantu rakyat Malaysia dari etnik atau kumpulan agama lain sehingga menjejaskan kerjaya politik dan peribadinya sendiri sebagaimana yang ditunjukkan dalam kes ini yang kini mengalami risiko kehilangan kerusi Parlimen dan kerjaya profesionalisme sebagai akauntan.

Gadis Melayu bawah umur yang mana kehormatan, maruah dan hak wanitanya cuba dipertahankan oleh Lim Guan Eng sehingga menyebabkan ia dipenjarakan serta neneknya Puan Pendek bt Ahmad juga telah menghantar petisyen mereka untuk pengampunan supaya Lim Guan Eng boleh mendapat keadilan. Majlis Peguam, Persatuan Hak-hak Asasi Manusia (HAK) dan berpuluh-puluh NGO telah turut menghantar petisyen mereka meminta supaya pengampunan diluluskan kepada Lim Guan Eng. Adakah semua petisyen itu turut dipertimbangkan oleh Jemaah Pengampunan Melaka.

Perkara 42(5) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa, “*Jemaah Pengampunan yang ditubuhkan bagi tiap-tiap satu Negeri hendaklah mengandungi Peguam Negara Persekutuan, Ketua Menteri Negeri itu dan tidak lebih daripada tiga orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja atau Gabenor tetapi Peguam Negara boleh dan dari semasa ke semasa dengan surat cara mewakilkan tugas-tugasnya sebagai seorang ahli Jemaah itu kepada seseorang lain dan Raja atau Gabenor boleh melantik seseorang untuk memenjarakan bagi sementara tugas-tugas seseorang ahli Jemaah yang dilantik olehnya yang tidak hadir atau tidak berupaya menjalankan tugasnya*”.

Perkara 42(9) yang menyatakan bahawa, “*Sebelum Jemaah Pengampunan memberi nasihatnya mengenai apa-apa perkara ia hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara ini*”.

Adakah Lim Guan Eng mendapat peluang yang adil dalam petisyen pengampunannya, memandangkan Peguam Negara yang melaksanakan pendakwaan pilih kasih dan menyebabkan ia dipenjarakan juga salah seorang ahli Jemaah Pengampunan Melaka sama ada secara terus atau menerusi wakilnya dan bahawa Jemaah Pengampunan hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai petisyen pengampunan
.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Point of order, dia kata. Sila sebutkan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(8), Tuan Yang di-Pertua, mempertikaikan Majlis Pengampunan iaitu mempertikaikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, tentang kes anak dia ini. [Disampuk] Sudah duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya hendak check dahulu, 38 berapa Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi pun dia mengusik, 36(8), Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan 38(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, tentang kelakuan dan sifat-sifatnya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, ini pasal dia mempertikaikan Majlis Pengampunan yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

36(8) ini Yang Berhormat, berkaitan dengan ketua negara dan raja-raja [*Disampuk*] bukan badan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu beza dan di sini peranan Peguam Negara

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, dia ini hendak bela anak dia, bukan hendak sangat point of order tetapi hendak bela akan dia macam anak dia ini baik sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Biarkan dia berucap Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dia takut anak dia duduk dalam penjara kemudian Permatang Pauh pun ada dalam penjara. Jadi dua-dua dia 'seriau' itu, sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tidak ada point of order, silakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia bimbang Permatang Pauh hambat Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Masalah ini adalah bahawa Jemaah Pengampunan hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai petisyen pengampunan. Semasa Mahkamah Tinggi Melaka mengenakan denda maksimum RM5,000 atas kesalahan hasutan dan denda

RM10,000 untuk kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kepada Lim Guan Eng, Peguam Negara turut merayu balas supaya hukuman penjara dijatuhkan.

Inilah sebab mengapa saya membangkitkan persoalan secara terbuka mengapa Peguam Negara tidak menarik diri daripada membicaraan petisyen pengampunan Lim Guan Eng supaya Jemaah Pengampunan yang membicarakan Lim Guan Eng bukan adil, malah dilihat sebagai adil.

Dalam kes ini adakah Peguam Negara menghantarkan satu pendapat bertulis kepada Jemaah Pengampunan Melaka mengenai petisyen pengampunan Lim Guan Eng yang sama seperti dua kali ganda, 'double jeopardy' menjejaskan kes Lim Guan Eng, memandangkan peranan dan pengaruh Peguam Negara di dalam Jemaah Pengampunan atas perkara berkenaan. Di samping itu, timbul juga unsur-unsur tidak adil dan berat sebelah dalam Jemaah Pengampunan Melaka yang menjejaskan kesahihan keputusannya untuk menolak petisyen pengampunan Lim Guan Eng, iaitu komposisi tiga ahli lain dalam jemaah berkenaan.

Tiga ahli lain dalam Jemaah Pengampunan Melaka yang mempertimbangkan kes Lim Guan Eng pada 3 Mac 1999, merupakan calon yang dilantik dari UMNO, MCA dan MIC Negeri Melaka yang mempunyai kepentingan parti terlibat dalam hasrat menjatuhkan Lim Guan Eng, memandangkan DAP telah menguasai kerusi Parlimen Kota Melaka untuk tempoh 30 tahun menerusi tujuh pilihan raya umum sejak 1969. Tiga orang ahli lain dalam Jemaah Pengampunan Melaka adalah Tan Sri Abdul Aziz Tapa, bekas menteri negeri Melaka, UMNO negeri Melaka dan bekas Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Jasin serta bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka dan Senator. Datuk Ng Kim Fong, bekas ADUN MCA Melaka kawasan Pulau Sebang, bekas Ahli Jawatankuasa MCA Negeri Melaka dan wakil Bahagian MCA Selandar dan Dato' Dr. Nadaratnam, Timbalan Pengerusi Negeri MIC Melaka,

Pengerusi Cawangan MIC Kota Melaka dan bekas anggota Majlis Perbandaran Melaka MIC. Sungguhpun Lim Guan Eng didakwa dan didapati bersalah mengikut Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, tidak ragu-ragu lagi bahawa beliau merupakan banduan politik, maka itu ia diterima oleh Amnesty International sebagai 'prisoner of consious'. Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan telah berkata secara terbuka, "*Lim Guan Eng memang patut menerima hukuman penjaranya*" dan sentimen yang sama juga dilahirkan oleh pucuk pemimpin tertinggi UMNO.

Dalam keadaan sebegini, bagaimanakah kita dapat harapkan bahawa calon lantikan politik UMNO dan MCA akan bertindak tanpa berat sebelah dan adil dalam mempertimbangkan kes Lim Guan Eng memandangkan parti mereka masing-masing mempunyai kepentingan diri untuk menjatuhkan Lim Guan Eng daripada kerusi Parlimennya. Motto bahawa "justice not just to be done but must seem to be done" juga harus dikenakan Jemaah Pengampunan Melaka dan calon lantikan politik UMNO dan MCA harus menarik diri daripada proses membuat keputusan mengenai petisyen pengampunan Ahli Parlimen DAP Kota Melaka selama tiga penggal serta Timbalan Setiausaha Agung DAP demi mengelakkan keraguan dan kesangsian mengenai keadilannya.

Mengikut Perlembagaan, Yang di-Pertua Negeri Melaka perlu bertindak atas nasihat Jemaah Pengampunan Melaka dan sekiranya keputusan Jemaah Pengampunan yang bermesyuarat pada 3 Mac 1999, menolak petisyen pengampunan Lim Guan Eng telah tercemar dan jelas berat sebelah, maka nasihat yang dikemukakan kepada Yang

di-Pertua Negeri Melaka juga tidak sah. Penolakan petisyen pengampunan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong terhadap hilang kelayakannya sebagai Ahli Parlimen juga penuh kontroversi.

Apabila Yang di-Pertua Negeri Melaka menolak petition pengampunan Lim Guan Eng pada 20 Mac 1999, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, berkata bahawa Lim Guan Eng telah kehilangan statusnya sebagai Ahli Parlimen dan bahawa rayuannya kepada Yang di-Pertua Agong mengenai pelucutan kehilangan kelayakannya sebagai Ahli Parlimen harus dikemukakan selepas penolakan petition pengampunan Yang di-Pertua Negeri Melaka dan bukan sebelumnya. Sekiranya inilah keadaan yang sebenar, maka amatlah tidak wajar Yang di-Pertua Agong dinasihatkan supaya menolak petition pelucutan kehilangan kelayakan Lim Guan Eng sebagai Ahli Parlimen yang dikemukakan pada 8 September 1998 iaitu pada masa yang sama petition pengampunan dikemukakan kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka kerana Lim Guan Eng seharusnya diminta supaya mengemukakan satu petition pengampunan baru dalam soal melucutkan status kehilangan kelayakannya sebagai Ahli Parlimen. Siapakah tiga lagi ahli yang berada di dalam Jemaah Pengampunan yang menentukan bahawa petition Lim Guan Eng harus ditolak oleh Yang di-Pertua Agong dan bilakah Jemaah Pengampunan mengadakan mesyuaratnya. Adakah semua ahli Jemaah Pengampunan menghadiri mesyuarat dan apakah pula alasan penolakannya.

Saya telah menghadiri Bicara Jawatankuasa Hak Asasi Manusia in IPU mengenai kes Lim Guan Eng di Parlimen Eropah, Brussels pada Isnin, 12 April 1999 jam 4.00 petang. Saya telah diberitahu bahawa ketua delegasi IPU Malaysia ke persidangan Brussels iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah bertemu dengan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia IPU dan telah membuat beberapa penjelasan mengenai kes Lim Guan Eng yang tidak benar dan palsu.

Lim Guan Eng dan Anwar telah menjadi perhatian utama Parlimen-Parlimen di seluruh dunia yang diwakili IPU kerana kedua-duanya merupakan contoh

pencabulan hak asasi manusia sebagai Ahli Parlimen berikutan persidangan IPU yang ke 101 di Brussels pada 10 April hingga 16 April 1999.

Pada akhir persidangan selama tujuh hari tersebut, Majlis Antara Parlimen atau Inter-Parliamentary Council telah meneliti laporan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Ahli Parlimen yang bersidang empat kali setahun untuk meneliti kes-kes Ahli-ahli Parlimen yang telah dilayan secara sewenang-sewenangnya semasa tempoh perkhidmatan mereka.

Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Ahli Parlimen berasa kesal apabila meneliti satu kes baru di Malaysia iaitu kes Yang Berhormat dari Pematang Pauh yang dijatuhkan hukuman penjara selama enam tahun. Tambahan lagi jawatankuasa tersebut yang terdiri daripada lima anggota, Francois Autain dari France – Presiden, Hilarion Etong, dari Cameroon – Naib Presiden, Francois Borel dari Switzerland, Juan Pablo Letelier dari Chile dan Mahinda Samarasinghe dari Sri Lanka telah mengambil perhatian yang serius terhadap kes Lim Guan Eng sebagai seorang Ahli Parlimen Malaysia.

Kenyataan akhbar IPU yang disiarkan selepas persidangan IPU di Brussels pada 16 April menyatakan bahawa, dengan izin, *“The Committee, which had been entrusted with carrying out an on-site mission in November 1998, had not been able to meet with Mr. Lim Guan Eng in prison. The Malaysian delegation had expressed regret in that connection, for which the Committee wished to thank it”*. Amatlah dikesali bahawa dalam penghujahan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kepada Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Ahli Parlimen di Brussels, Isnin lalu beliau telah memberi gambaran yang palsu tentang keadaan pemenjaraan Lim Guan Eng dan saya perlu membetulkan perkara itu.

Resolusi yang diluluskan oleh Majlis Antara Parlimen di Brussels atas kes Lim Guan Eng pada 16 April 1999 adalah seperti berikut, dengan izin,

“Noting that there are considerable discrepancies in the information supplied by Mr. Lim Guan Eng’s family, party and lawyers and the authorities regarding the conditions of Mr. Lim Guan Eng’s imprisonment and state of health:

- (i) whereas the authorities affirm that Mr. Lim Guan Eng's health does not give rise to any concern and that he has only lost 3 kilos during his detention, his family affirms that he is suffering from ailments which he never had before (severe backache and migraine and inflammation of the nose) and has lost 10 kilos, explaining the difference by the existence of two weighing machines in prison, one in the prison hospital and the other in the prison record office;
- (ii) whereas the authorities affirm that he receives preferential treatment and is kept in a single cell, his family states that in the Asingan Security Block where Mr. Lim Guan Eng is jailed. Twenty five cells are at present occupied of which only two accommodate more than one prisoner, all the others being kept in single cells like Mr. Lim Guan Eng.

“Considering also that Mr. Lim Guan Eng will remain deprived of his civil rights for five years, such period commencing on the date of his release from prison,

- (i) wishes to thank the Malaysian delegation and in particular the Deputy Home Minister for his expression of concern at the way in which the mission had taken place, and accepts the apology offered by the delegation;
- (ii) notes with deep concern that conflicting accounts of Mr. Lim Guan Eng's state of health and conditions of imprisonment given by Mr. Lim Guan Eng's party and family on the one hand, and by the Deputy Home Minister on the other, and can but be all the more concerned that the mission was prevented from gathering independent information on his conditions of imprisonment and state of health;
- (iii) reiterates its firm conviction that, in making the alleged statements deemed offensive Mr. Lim Guan Eng was merely exercising his right to freedom of speech and function of oversight of the executive, which would be meaningless if it did not include the

right to scrutinise the administration of justice; affirms that, in exercising their oversight function, Parliamentarians are essential actors in the promotion and protection of human rights; remains therefore deeply concerned at harassment of the judgement and the limit its set on freedom of speech and on the right and duty of the peoples's elected representatives to exercise their essential function of oversight of the Executive;

- (iv) is deeply saddened that Mr. Lim Guan Eng's petition for pardon for which the Inter-Parliamentary Union had expressed its strong support was turned down and that he has thus lost his Parliamentary mandate and his right to stand for election;
- (v) expresses the hope that his decision may be reconsidered and appeals to the Malaysian Parliament to make every effort to this end;
- (vi) requests the Secretary General to convey this decision to the Speaker of the House of Representatives and to the Chairman of the Malaysian IPU Group and all other competent authorities;
- (vii) requests the Committee on the Human Rights of Parliamentarians to continue examining the case and report to it at its next session (October 1999)". Ialah di Berlin.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen dan rakyat Malaysia juga harus diberitahu mengenai resolusi yang diluluskan oleh IPU di Brussels atas kes Anwar Ibrahim yang menyatakan bahawa IPU:

- “1. Is alarmed at Mr. Ibrahim's sentencing to six years' imprisonment and has every reason to fear, as elaborated on below, that Mr. Ibrahim may be prosecuted not on account of any criminal act but rather on political grounds;

2. Refers in particular to the foundation of the charges and, in this connection, wished to point out in particular the following disturbing facts among other things:

- (i) when the accusations of sexual misconduct were first made in August 1997 by the persons who are now acting as key witnesses, a police investigation ordered by the Prime Minister discarded them as groundless and unfounded, despite this, they were brought up again by the prosecution;

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat saya ingat kes Yang Berhormat Pematang Pauh ini sekarang dalam permohonan untuk appeal, Yang Berhormat jadi seperti mana...

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan kes tetapi latar belakang, kalau kes saya tinggalkan.

- (ii) the day following Mr. Ibrahim's dismissal from his posts, the police announced publicly that he was under criminal investigation for acts of sexual misconduct, tampering with evidence and other criminal acts. On 20 September 1998, he was arrested not under such criminal charges, which can be challenged in court, by under the Internal Security Act;
- (iii) just the day before his arrest, two persons were convicted of having allowed Mr. Ibrahim to sodomise them and

sentenced to imprisonment, both have meanwhile retracted their testimonies...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong Karang bangun, minta jalan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Boleh, tidak beri jalan, point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habis dahulu.

Tuan Haji Noh bin Omar: Mana boleh, tidak boleh habis, saya hendak tanya, hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, point of order, apa point of order?

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order pun boleh, no problem. 35(1),

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sebutkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: “Seseorang Ahli yang hendak bercakap, hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi.... Minta maaf, bukan 35(1), iaitu disebutkan “...menghadkan percakapannya kepada perkara berkaitan dengan apa yang dibahaskan.” Ini kes yang disebut tadi IPU punya resolusi, apa kena mengena dengan Mid-Term Review ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, usul yang dibawa oleh Perdana Menteri itu merangkumi bidang yang luas berkaitan dengan ekonomi

Tuan Lim Kit Siang: Cover the whole wide world. Ya ini satu resolusi di’pass’ oleh IPU, kita ada hantar wakil-wakil, Parlimen patut tahu. Apa guna kita ambil bahagian dalam IPU, kita tidak mahu tahu apa yang berlaku di sana, ada minta Parlimen ini ambil perhatian. Bukan sahaja ambil perhatian tetapi tindakan dan susulan. Kenapa kita tidak mahu tahu apa yang berlaku tetapi mahu pergi dapat free trip.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: dan,

- “(iii) Just the day before his arrest, two persons were convicted of having allowed Mr. Ibrahim to sodomise them and sentenced to imprisonment; both have meanwhile retracted their testimonies affirming they were coerced; there is an affidavit attesting that prosecutors in Mr. Ibrahim’s case attempted to pressure Mr. Nallakaruppan, who is charged under a penal norm which carries the death penalty, to implicate Mr. Ibrahim; instead of investigating such unlawful behavior, the lawyer who brought this matter before court was charged with contempt of court and an arrest warrant was issued against the lawyer who had made the affidavit;
3. Notes that the corruption charges were amended in such a way that the prosecution was no longer obliged to prove the sexual misconduct charges which had been the subject of hearings of witnesses and presentation of evidence for over two months; cannot but consider that this clearly shows the absence of any case for the prosecution;
 4. Points out with concern that the amendment of the charges and expunging from the file of evidence regarding the sexual misconduct charges prevented Mr. Ibrahim’s defense from presenting its arguments and evidence and thus from clearing him immediately of any such unfounded accusations;
 5. Finds this all the more disturbing since, as the Malaysian delegation pointed out, charges of sexual misconduct are highly damaging in Malaysia, particularly for politicians;
 6. Notes that the corrupt practice charges are intimately linked to the sexual misconduct charges insofar as Mr. Ibrahim is said to have directed two police officers to obtain denial statements from the persons accusing him of sexual misconduct; recalls that one of the police officers concerned had stated that the accusations brought against Mr. Ibrahim were groundless, and fails to understand how attempting to obtain a denial of false statements defaming a person can be a criminal offence; rather than believes that Mr. Ibrahim has a right to obtain redress for damage caused to his reputation and personal integrity by such groundless accusations;
 7. Expresses its indignation at the ill-treatment inflicted upon Mr. Ibrahim while in police custody, and urges the authorities to make public without further delay the findings of the Royal Commission of Inquiry and bring to justice those responsible; fears that if such

treatment can be inflicted upon a Deputy Prime Minister, this lends credence to the allegations of coercion of witnesses' statements;

8. Strongly urges the authorities to respect due process of law and Mr. Ibrahim's right to fair trial and to investigate fully and without any further delay all allegations of undue interference with the course of justice in his case;
9. Would appreciate receiving:
 - (i) a copy of the judgement handed down on Mr. Ibrahim;
 - (ii) fuller information on the possibility Mr. Ibrahim has of attending parliamentary sessions;
 - (iii) information on the outcome of or stage reached in the defamation proceedings Mr. Ibrahim launched against the Prime Minister;
 - (iv) information on the progress of his complaint of unlawful dismissal from his post of Deputy Prime Minister;
10. Requests the Secretary General to convey this decision to the competent Malaysian authorities, inviting them to provide their observations;
11. Requests the Committee on the Human Rights of Parliamentarians to continue examining the case and report to it at its next session (October 1999)."

Tuan Yang di-Pertua, terdapat bukti yang semakin banyak iaitu ada foto dan klip video yang menunjukkan bahawa semua keganasan yang berkaitan dengan protes aman terhadap hukuman penjara Yang Berhormat dari Permatang Pauh selama enam tahun Rabu lalu adalah berkaitan dengan ejen provocateur ejen polis dan saya menggesa supaya satu penyiasatan bebas diadakan untuk menyiasat hal ini.

Banyak laporan membangkitkan kemungkinan besar terdapat ejen-ejen yang menghasut keganasan demi pengambilan fotografi dan liputan televisyen semasa demonstrasi secara aman pada 14 April diadakan di luar mahkamah dan seterusnya rancangan berjaga malam.

Bukan semua cerita-cerita di Internet yang boleh dipercayai, begitu juga dengan media rasmi kita. Satu persoalan yang tidak putus-putus mengganggu fikiran ialah mengapa polis tidak mengesan provocateur-provocateur itu kerana semua perbuatan mereka mempunyai saksi-saksinya, ada klip-klip video dan laporan yang menunjukkan muka-muka yang dapat dicam dengan mudah dalam surat khabar.

Semasa demonstrasi terkini berikutan pemenjaraan Yang Berhormat dari Permatang Pauh, polis telah menahan beratus-ratus penunjuk perasaan tetapi tidak menahan orang-orang yang menyerang van dan kereta TV3 dan Bernama. Sebuah surat khabar telah menunjukkan satu foto di mana seorang orang muda menendang sebuah kereta polis di halaman depan surat khabarnya, muka penyerang itu kebetulan tidak dapat dicam. Mengapakah polis yang berada dalam kereta tidak keluar menangkapnya?

Memang aneh bahawa jurugambar surat khabar dan polis dapat memperolehi liputan keganasan yang cukup banyak, tetapi polis tidak dapat menangkap mereka. Adakah mereka tidak ditahan kerana polis tidak akan menahan orang sendiri? Adakah mereka telah dijanjikan kekebalan dengan tidak mematuhi undang-undang?

Terdapat catatan saksi yang menyakinkan iaitu kejadian seperti membakar tong sampah dan memusnahkan kereta TV3 telah dilakukan oleh profesional-profesional dan bukan penunjuk-penunjuk perasaan reformasi yang aman. Terdapat media massa yang mentertawakan tanggapan sebegitu tetapi oleh sebab terdapatnya still photograph dan klip video yang secukupnya, maka seorang ahli dari pihak media massa bolehlah turut dilantik di dalam tugas siasatan bebas itu untuk mengkaji secara mendalam punca keganasan yang berkaitan dengan protes aman Rabu lalu.

Tindakan dan kelakuan polis pada minggu lalu menunjukkan perlunya mewujudkan satu Ombudsman Police yang bebas daripada polis dan berfungsi menerima serta menyiasat aduan awam tentang salah laku polis yang serius seperti penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Jika terdapatnya Ombudsman Police maka aduan-aduan bahawa terdapatnya provocateur ejen polis yang bertanggungjawab ke atas keganasan yang berkaitan dengan bantahan terhadap kesalahan dan hukuman Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Rabu lalu akan dapat disiasat secara mendalam dari luar kuasa polis.

Kegagalan Pasukan Penyiasat Bebas Khas (Special Independent Investigation Team) menyiasat 'mata lebam' Yang Berhormat dari Permatang Pauh sehingga satu Suruhanjaya Penyiasatan Diraja perlu ditubuhkan untuk mencari pesalah yang sebenar,

merupakan alasan yang paling baik mengapa satu Ombudsman Police diperlukan dengan segera – jikalau pihak polis ingin memulihkan keyakinan orang awam terhadap kebebasan, integriti dan profesionalisme mereka.

Saya mengalu-alukan perlantikan Tan Sri Norian Mai sebagai Ketua Polis Diraja, dan saya telah meminta supaya perlantikan itu dilakukan dua bulan yang lalu, dan saya mendesak supaya Ketua Polis Negara baru ini menunjukkan kepimpinannya dan mengambil langkah-langkah yang berani untuk memulihkan keyakinan awam seperti menyokong penubuhan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja Kedua untuk menyiasat penyalahgunaan kuasa polis, misalnya kejadian tembak-menembak kebelakangan ini, termasuk:

- (i) kejadian pada 2 Oktober tahun lalu, yang mana polis menembak mati lima orang yang disyaki penculik, termasuk seorang wanita yang tengah hamil 8 bulan, N. Selvamalar, 31 tahun, di Taman Sungai Besi Indah, Kuala Lumpur selepas wang tebusan sebanyak RM3 juta dibayar supaya anak lelaki bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Taib yang berumur 11 tahun itu dibebaskan;
- (ii) kejadian tembak-menembak di Tumpat pada 3 Oktober tahun lepas, yang mana lapan orang lelaki termasuk seorang Ketua Pemuda cawangan MIC telah ditembak mati; dan
- (iii) polis menembak dan membunuh seorang juruwang Bank Simpanan Nasional, Mohd. Zailani Mohd. Salleh, 33 tahun pada 8 Januari 1999 yang salah dianggap sebagai perompak bank.

Dalam tempoh 10 tahun yang lalu, sebanyak 635 orang telah ditembak mati oleh polis.

Suruhanjaya Penyiasatan Diraja Kedua harus mengkaji semula 635 kes ini untuk memberi cadangan memastikan orang yang tidak berdosa tidak menjadi mangsa penembakan polis.

Semalam, saya telah menanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengapa Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia yang dicadangkan timbul dari kementeriannya, dan beliau menjawab bahawa ini adalah untuk menunaikan komitmen antarabangsa Malaysia mengenai soal hak asasi manusia.

Semasa perbahasan atas anggaran belanjawan Kementerian Luar Negeri tahun 1999 pada Disember yang lepas, saya telah bertanya mengapa Kerajaan Malaysia telah memilih untuk tidak menyertai mekanisme hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengkaji semula progres kemajuan melaksanakan Pengisytiharan dan Rancangan Bertindak Vienna, kerana Malaysia merupakan salah satu negara yang gagal memenuhi permintaan PBB untuk menyumbang kepada proses kaji semula ini.

Saya mendesak kerajaan berunding dengan masyarakat madani (civil society) dengan sepenuhnya atas penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia sama ada dari segi struktur, fungsi-fungsi atau komposisinya. Kerajaan harus menggaris dan membentangkan di Parlimen satu Rancangan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (Human Rights Action Plan) untuk menjadikan hak asasi manusia sebagai arus utama dan memperkuat institusi-institusi hak asasi manusia, demokrasi dan undang-undang Malaysia (the rule of law) yang semua ini mengalami tamparan kuat kebelakangan ini.

Penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia haruslah merupakan salah satu perkara dalam Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Malaysia yang menggariskan rangka kerja memperluaskan kapasiti hak asasi manusia di dalam negara ini, termasuk pengenalan undang-undang Hak Asasi Manusia dan pengenalan perubahan berorientasikan hak asasi manusia dalam perundangan negara, ratifikasi perjanjian hak asasi manusia seperti International Covenant of Civil and Political Rights and the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sungguh kecewa dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam, mengenai bencana epidemic Encephalitis viral yang telah membunuh 100 orang mengikut anggaran rasmi Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak dapat menjawab kepada pertanyaan mudah yang dikemukakan oleh saya semasa beliau menggulung ucapan Kementerian Kesihatan semalam.

Pertama sekali, sebab kepada perbezaan angka jumlah kematian yang disebabkan oleh Japanese Encephalitis (JE). Angka rasmi kerajaan yang dikemukakan

sebulan yang lepas adalah 18 kematian disahkan JE, tetapi sebagaimana yang dibangkitkan oleh saya semalam, pejabat Pasifik Western World Health Organisation (WHO) telah memberikan satu angka yang berlainan dalam satu kenyataan yang dikeluarkannya dari Manila.

Adalah dikatakan bahawa mengikut kajian ke atas kematian yang berlaku, antaranya 40 disebabkan oleh jenis virus Nipah, lapan oleh JE dan 17 yang terjejas oleh kedua-dua jangkitan dan bukan 18 kematian oleh JE yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan.

Wujud juga perbezaan di antara jumlah kematian yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan dan Center for Diseases Control and Prevention (CDC) di Atlanta. Sebagai contohnya, pada 8 April 1999, CNN memetik Dr. Pierre Rollin dari Cawangan Pathogens Khas CDC yang menyatakan bahawa jumlah kematian telah meningkat menjadi 116 di Malaysia, sementara angka yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan pada hari yang sama hanyalah 92, perbezaan besar 24 kematian.

Adalah tidak guna sekiranya Kementerian Kesihatan cuba menolak pertanyaan saya dengan mendakwa bahawa CNN mempunyai motifnya sendiri untuk mencemarkan nama Malaysia dan tidak boleh dipercayai, kerana apa yang rakyat ingin tahu adalah kebenaran, khususnya memandangkan salah seorang jurucakap CDC telah melahirkan perasaan hairannya mengenai perbezaan di dalam statistik memandangkan angka-angka CDC sebenarnya dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan sendiri.

Semalam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak dapat menjelaskan mengapa laman Kementerian Kesihatan mengenai wabak Encephalitis viral masih lagi merujuk kepada kes-kes sama ada yang disahkan atau yang disyaki sebagai JE/jenis Hendra. Sungguhpun kedua-dua virus JE dan virus Nipah merupakan dua jenis virus yang langsung berlainan sungguhpun kedua-duanya menyebabkan Encephalitis bahawa kedua-dua jenis ini sangat berbeza sama ada daripada morphology, genome structure, host pathogenicity dan sebagaimana yang dibangkitkan oleh moderator ProMED (Program for Monitoring Emerging Diseases) di Internet dua minggu yang lepas, dengan izin, "A diagnosis of 'JE/ Hendra-like' is unacceptable, that's a guess, not a diagnoses".

Mengapakah Kementerian Kesihatan masih membekalkan maklumat yang kabur di atas lamannya dan bukannya membekalkan maklumat berasingan untuk dua jenis virus yang berbeza ini?

Adalah dilaporkan bahawa untuk sesetengah kes Encephalitis, puncanya adalah sama ada JE atau virus Nipah masih tidak dapat dikenal pasti bahawa bukan JE dan bukan Nipah. Maka adakah ini bererti wujudnya virus Encephalitis yang ketiga?

Yang Berhormat Menteri cuba menggunakan helah yang difikirnya pandai dengan memetikkan kenyataan-kenyataan saya yang cuba dibuktikan bahawa saya pernah menegaskan bahawa wabak viral ini adalah JE kerana saya mendesak supaya ada fogging ubat nyamuk dan penyemburan udara dijalankan untuk menghapuskan nyamuk Culex.

Tidak perlu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan bergantung kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang untuk mendapatkan kenyataan-kenyataan saya tersebut. Beliau sebenarnya boleh mendapatkannya semua di atas web site saya.

Saya tidak akan menafikan bahawa saya pernah mengeluarkan kenyataan-kenyataan itu, kerana masa itu seluruh negara telah diperdayakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang memberi gambaran bahawa wabak virus itu adalah JE dan bukan virus yang lain.

Tragedinya adalah mengapakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan masih menceritakan JE dan Jawatankuasa Kabinet mengenai JE juga tidak menukar namanya dan Menteri-menteri melaung-laungkan di sana sini kononnya mereka telah menang dalam perang menentang JE sungguhpun virus pembunuh sebenarnya virus jenis Hendra Nipah.

Adakah ini kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak dapat mengakui bahawa beliau telah membuat satu kesilapan yang besar kerana menfokus segala tenaga dalam memerangi JE melibatkan vaccination JE yang meluas ke atas ke atas manusia dan babi-babi menyebabkan kematian yang sepatutnya tidak berlaku sekurang-kurangnya 80% kes yang terlibat. Saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Menteri telah menjadi malapetaka kesihatan awam kerana enggan mengakui bahawa fokus ke atas JE adalah silap kerana fokus seharusnya di atas virus

jenis Hendra yang dicadangkan oleh beliau Yang Berhormat Menteri supaya dinamakan virus Nipah.

Yang Berhormat Menteri semalam mengakui bahawa nama virus Nipah ialah cadangan beliau dan belum diiktiraf bukan sahaja di bidang antarabangsa tetapi tidak diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan oleh kerana dalam web site Kementerian Kesihatan pun tidak guna Nipah virus, barulah Yang Berhormat sendiri menggunakan Nipah virus. Dalam web site ini kes suspect JE/Hendra-like tak ada Nipah. Mungkin dia takutlah kalau tidak ada cepat-cepat menggunakan nama Nipah virus semua orang akan panggil dia CJM virus dan satu nama yang lebih tepat - CJM virus, 'Chua Jui Ming' virus.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan sungguh jahat, sungguh nakal apabila beliau cuba mendakwa bahawa saya tidak berkeyakinan terhadap profesional tempatan kerana saya sebenarnya telah berulang kali berkata bahawa saintis-saintis dan pakar-pakar perubatan tempatan merupakan antara yang terbaik di dunia. Dan masalah yang dihadapi mereka adalah campur tangan politik yang tidak membenarkan mereka menggunakan kepakaran mereka secara menyeluruh. Yang Berhormat Menteri Kesihatan membuat tuduhan terbuka yang sangat umum bahawa saya cuba memperdayakan rakyat dengan menggunakan statistik yang lama, tetapi beliau tidak dapat menunjuk satu pun contoh yang menyokong tuduhan yang tidak berasas ini.

Saya memang bersetuju sepenuhnya dengan virologist UNIMAS, Jane Cardosa yang berkata dalam majalah *Far Eastern Economic Review* mengenai wabak viral di Malaysia dengan izin "*The incident just illustrate that the government just wont listen to other peoples opinion. Professionals who are highly competent have no avenue of communication*". Awal-awal lagi pada pertengahan Januari Jane Cardosa telah cuba memberi amaran bahawa bukannya virus JE yang membawa kacau-bilau di negara ini. Sekiranya kerajaan memerhatikan bentuk kes-kes yang ganjil mengenai JE ini iaitu perbezaan umur orang tua dan bukannya orang muda, kes-kes penerima vaksin JE -kalau semua vaccination ini ialah berkesan, kekurangan kes-kes dalam anggota-anggota keluarga bukannya ciri-ciri penyakit yang dijangkiti nyamuk, babi yang sakit,

oleh kerana virus JE tidak akan menyebabkan babi sakit dan sebagainya, majoriti kematian akan dapat dielakkan.

Ini bukan kes yang pertama, di mana 100 orang sudah meninggal dunia. Dua tahun dahulu di Sarawak 42 orang terkorban. Yang Berhormat awal-awal umumkan Coxsackie B virus, tetapi oleh kerana salah diagnosis, salah labeling mungkin mengakibatkan pengorbanan-pengorbanan yang boleh dielakkan. Akhirnya didapati bahawa bukan Coxsackie virus. Sungguhpun ada satu kajian yang melibatkan UNIMAS, melibatkan CDC di Atlanta sampai sekarang belum pastikan apa punca viral outbreak di mana 31 orang mati di Sarawak dan di seluruh Malaysia 42 orang yang meninggal dunia. Ini adalah, laporan kajian CDC, oleh kerana mereka menolak bahawa ia Coxsackie B virus, mungkin EV - Enterovirus 71 dengan izin:

”Several lines of evidence suggest that EV 71 may be the causative agent responsible for the fatalities:

- (i) these deaths occurred during a large community outbreak of Hand Food and Mouth Disease (HFMD) caused by EV71, a virus that has caused several outbreaks of meningitis and encephalitis, often with fatalities in the past;
- (ii) there was an increase in the number of reported cases of M/E and AFP during the same time period when the fatalities occurred, suggesting that these illnesses, known to be associated with EV71, may represent the spectrum of illnesses associated with EV71 infection and the fatalities may represent the most severe form of disease;
- (iii) all fatalities occurred among children aged less than six years, the age group known to be at greatest risk for symptomatic enterovirus illness;
- (iv) the epidemiologic case-control study indicated that having signs and symptoms of Hand Food and Mouth Disease was a strong risk factor for death;

- (v) the histopathologic findings for the two fatal cases from whom brainstem was obtained were nearly identical to those observed in children who had died during a previously reported large outbreak of EV71-associated encephalitis in Bulgaria, and to the findings of Japanese researchers who inoculated monkeys with different strains of EV71 and examined neuropathologic changes;
- (vi) immunohistochemistry stains showed focal staining of neurons for enterovirus (EV71) and specific staining of mononuclear inflammatory cells for EV71;
- (vii) EV71 has been identified from specimens obtained from several fatal cases;**
- (viii) tests performed for other pathogens capable of causing similar illness (e.g. JE, dengue, yellow fever, rickettsia) have all been negative; and**
- (ix) EV71 was also identified in brainstem from two fatal cases that occurred Peninsular Malaysia and had clinical and histopathologic finding similar to the cases in Sarawak.**

However, in spite of the strong suggestive evidence, we cannot be certain that EV71 is the sole etiologic agent responsible for the fatalities. While the histopathologic findings have played a major role in identifying the underlying mechanism of death, post-mortem specimens were lacking for several fatal cases because of cultural constraints, and we cannot be certain that all case-children died with similar underlying pathology. Also, an unidentified infectious agent has been identified by the Enterovirus Laboratory, CDC, from clinical specimens of several fatal cases, and the UNIMAS laboratory has reportedly isolated adenoviruses from several tissue specimens. The role of these agents in the etiology of disease among the fatal cases is unclear at present and further studies are in progress. The serologic case-control study, which has been successfully completed may also provide useful information to resolve the remaining questions regarding the etiologic agent responsible for the fatalities.

Di sini satu kes klasik semacam JE diumumkan kematian disebabkan oleh JE, akhirnya bukan JE. Dalam negara masih cakap JE, Kabinet komited masih JE, tetapi di bidang perubatan di luar negara semua sebut mengenai Hendra-like virus. Mereka belum terima nama Nipah, tetapi Hendra-like. Mereka sudah tolak, tetapi di negara kita semua cakap JE, lawan JE, menang JE oleh kerana politik, bukan kepentingan

kesihatan orang ramai (public health). Semacam kes Cocksackie, oleh kerana Menteri Kesihatan kata itu Cocksackie - political decision making dan akhirnya menyebabkan kesusahan untuk cari punca yang sebenar. Lepas itu kata EV71, sekarang pun belum tahu apa jenis virus yang menyebabkan kematian beramai-ramai di Sarawak.

Di mana-mana negara ada satu kes disaster, bencana begitu besar yang menyebabkan kematian, tidak perlu kata 40 orang, 10 orang, 20 orang perlulah satu culture/budaya akauntabiliti, Menteri Kesihatan sudah siang-siang telah turun resign, letak jawatan tetapi di Malaysia ada bencana Cocksackie B virus 42 orang mati sekarang ada so-called JE dan sebenarnya primarily, 'CJM' virus, 100 orang sudah mati, kita masih simpan seorang Menteri Kesihatan yang tidak ada perasaan, tidak ada sense of accountability dan saya ingin berkata bahawa perkhidmatan paling baik Yang Berhormat Menteri Kesihatan kini boleh kepada masyarakat kita adalah meletakkan jawatan sebagai Menteri Kesihatan untuk memulakan satu budaya tanggungjawab, satu budaya akauntabiliti dan responsibiliti untuk semua menteri dan pemimpin-pemimpin politik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Senai.

3.22 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ingin saya ucapkan kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama membahaskan Usul Mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan laporan Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Negara kita pada 6 April 1999 lalu telah menunjukkan bahawa langkah awal pemulihan ekonomi oleh kerajaan telah memberi kesan positif. Malahan ekonomi negara dijangka akan mencatat pertumbuhan dalam lingkungan 1%.

Tuan Yang di-Pertua, senario ini merupakan satu kejayaan yang menunjukkan kepada kita bahawa tindakan kerajaan dalam kawalan modal secara terpilih adalah berkesan. Walau bagaimanapun, senario pertumbuhan yang diandaikan dalam

anggaran dan prospek perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ketika itu adalah jauh lebih tinggi daripada keadaan sekarang iaitu bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh andaian KNDK ialah 8% berbanding KDNK 1% seperti dalam Kertas Putih status ekonomi negara kita itu.

Pembangunan perumahan adalah amat penting bagi mempertingkatkan kualiti hidupan dan kesejahteraan rakyat. Di samping itu sektor perumahan dan harta binaan juga merupakan sumbangan KDNK yang agak tinggi kepada negara kita. Kerajaan kita telah berjaya dengan mempergiatkan pembinaan rumah kos rendah dalam masa kemerosotan ekonomi pada tahun-tahun 80-an untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang sedang negara kita hadapi ingin saya mencadangkan supaya industri perumahan sekali lagi digunakan sebagai pemangkin untuk mempergiatkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah haruslah diberi perhatian kerana permintaan sektor pasaran ini adalah tinggi. Mengikut kajian yang dibuat pada tahun 1998, menunjukkan bahawa penduduk setinggan adalah 1,044,000 ribu orang. Daripada itu, 917,160 adalah penduduk tempatan. Dengan projek pembangunan semula bandar sedang dan akan giat dilaksanakan di bandar raya yang pesat membangun dan bandar utama di Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Selangor, masalah kekurangan rumah memang telah menjadi satu isu yang perlu diatasi. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan bahawa bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerajaan menyediakan program rumah untuk disewa sebanyak 35,000 unit di dua belas kawasan. Ini adalah satu usaha kerajaan yang amat membanggakan kita semua.

Saya menyokong penuh langkah kerajaan ini, kerana pada masa sekarang tumpuan penduduk setinggan yang tinggi terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor iaitu seramai 168,000 orang setinggan di Wilayah Persekutuan, dan 129,030 orang terdapat di negeri Selangor. Selama ini program perumahan kos rendah yang dilaksanakan memang belum dapat menyelesaikan

masalah perumahan setingan kerana rumah kos rendah yang dibina adalah kurang berbanding dengan bilangan setingan.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang menyatakan bahawa 800,000 unit rumah yang diperlukan dalam tempoh ini haruslah dikaji semula. Kajian semula bukan hanya dari segi bilangan bahkan nisbah rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan sederhana haruslah dipertimbangkan kuasa bagi mereka. Kini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat lebih daripada 43,000 unit rumah yang meliputi jenis-jenis rumah kos rendah, kos sederhana rendah, rumah panjang dan rumah pangsa di bawah penyelenggaraan DBKL tetapi tidak dapat memenuhi keperluan orang ramai. Maka usaha kerajaan bagi menambah lagi bilangan rumah-rumah kos rendah bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah adalah amat dialu-alukan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini ingin saya memohon kepada kerajaan menyatakan sama ada kerajaan ataupun pihak DBKL bersedia memberi kelonggaran diantara syarat yang telah ditetapkan supaya mereka yang mencapai umur lebih dari 30 tahun bagi wanita dan 40 tahun bagi lelaki yang belum berkahwin layak diberi pertimbangan untuk menyewa rumah awam kepunyaan DBKL. Saya membangkitkan perkara ini kerana terdapat sebilangan besar pekerja wanita termasuk kakitangan DBKL dan agensi kerajaan yang lain yang belum berkahwin tidak diberi peluang menyewa ataupun membeli rumah yang berkenaan. Mereka ini terdiri daripada golongan pendapatan rendah tidak mampu menyewa atau membeli rumah kos rendah awam kerana masih belum berkahwin, maka mereka terpaksa menyewa rumah atau bilik dengan pihak individu di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Mereka ini sungguhpun belum kahwin tetapi kemungkinan ada tanggungan terhadap ibu bapa dan keluarga mereka. Ada pula menanggung keluarga yang ramai setelah kematian ibu atau bapa dan ingin membawa keluarga tinggal bersama bagi meringankan perbelanjaan yang ditanggung. Adakah wajar dari sudut kebajikan kita membiarkan golongan itu hidup tanpa rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dasar perumahan dalam pembinaan rumah kos rendah telah pun dilaksanakan dengan jayanya sejak tahun 1983. Memandangkan kejayaan tersebut industri pembinaan rumah di negara kita telah sampai ke satu tahap yang mana boleh dieexploit dijadikan industri strategik iaitu teknologi dan kemahiran ini boleh dieksportkan kepada negara-negara yang sedang membangun seperti Vietnam, Afrika Selatan, Kampuchea dan China. Dengan pendekatan ini sektor industri perumahan bukan hanya dilihat sebagai sektor pembinaan untuk pembangunan sosial sahaja. Sistem modular dalam industri perumahan juga adalah merupakan satu pertimbangan yang penting untuk membolehkan industri perumahan dimajukan secara berkesan. Ini adalah disebabkan sistem ini membolehkan pengeluaran komponen dalam pembinaan rumah dihasilkan secara cekap dan kawalan kualiti dapat dijamin, maka mekanisma pengeluaran perumahan akan dilaksanakan serupa dengan pengeluaran dengan kereta nasional. Oleh yang demikian Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketujuh juga boleh mempertimbangkan potensi teknologi perumahan kos rendah ataupun teknologi perumahan sebagai aset negara yang boleh dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada masalah pelajaran bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum dalam zaman Information Technology (IT) arena maklumat dan sumber manusia menjadi aset yang paling penting yang akan diambil kira oleh Syarikat Multinasional untuk melabur ke satu negara tersebut. Justeru itu kita perlu menyediakan satu persekitaran yang dapat menyokong multi budaya. Negara kita sedang pulih daripada kegawatan ekonomi, dengan itu saya yakin penyediaan sumber manusia dengan menguasai bahasa yang lebih banyak akan menjadi suatu kelebihan dan daya tarikan.

Walaupun rantau Asia Pasifik dilandai oleh krisis kewangan sejak satu setengah tahun yang lalu, pelabur-pelabur negara Barat masih yakin kebangkitan rantau ini dalam jangka masa panjang. Rantau Asia Pasifik mempunyai pasaran yang sangat luas kerana ia termasuk negara yang mempunyai banyak populasi iaitu negara China. Melihat ciri-ciri negara kita yang dapat menerima kebudayaan yang pelbagai,

saya yakin negara kita berupaya untuk menghadapi cabaran ini dengan menyediakan sumber manusia yang dilengkapi dengan lebih bahasa terutamanya mereka yang dapat menguasai bahasa Cina.

Maka abad ke-21 bahasa Cina sangat penting di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang perniagaan, ia akan menjadi bahasa perantaraan moden yang utama di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1996 Kementerian Pendidikan kita telah mula mengadakan kelas bahasa Cina di peringkat sekolah rendah kebangsaan. Kepentingan bahasa Cina tidak boleh dipertikaikan lagi, namun kesal dan dukacita rasanya untuk diakui pada hakikatnya bahawa penguasaan bahasa Cina di negara kita belum boleh dibanggakan khususnya di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan.

Bilangan pelajar yang mendaftarkan diri untuk mengambil kelas bahasa Cina di sekolah menengah dalam peperiksaan peringkat pusat semakin rendah. Bagi pelajar-pelajar yang mengambil kertas bahasa Cina pula, tahap penguasaan bahasa Cina juga semakin lemah, ini dapat dibuktikan melalui pencapaian mereka dalam peperiksaan peringkat Pusat seperti PMR dan SPM.

Jika kita renungkan banyak faktor yang menyebabkan ramai pelajar tidak mengambil berat tentang subjek bahasa Cina, satu faktor yang paling ketara adalah kelas bahasa Cina yang diadakan tidak dapat berjalan dengan lancar. Prosedur untuk memohon mengadakan kelas bahasa Cina agak rumit. Jabatan Pendidikan Negeri untuk meluluskan permohonan dan pengurusan kelas bahasa Cina juga berbeza, contohnya Jabatan Pendidikan Negeri Selangor berjaya memulakan kelas bahasa Cina pada bulan Januari tetapi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan hanya dapat memulakan kelas pada bulan Mac. Kelas ini pula tamat pada bulan Oktober, kesannya pelajar-pelajar hanya dapat mengikuti kelas selama tujuh bulan di mana cuti-cuti sekolah belum diambil kira, ketidakcekan ini menimbulkan ketidakadilan bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan tenaga pengajar merupakan masalah yang sangat serius terutamanya di sekolah menengah kebangsaan, kesannya banyak sekolah yang tidak dapat mengadakan kelas bahasa Cina, walaupun pihak pentadbiran sekolah berjaya mendapatkan kelulusan untuk mengadakan kelas bahasa Cina.

Sebenarnya, ini terjadi kerana bilangan yang diterima untuk melatih sebagai guru bahasa Cina tidak seimbang dengan pertambahan bilangan pelajar dan darjah persaraan guru yang pesat. Misalnya, kita sedia maklum bahawa bilangan pemohon yang diterima oleh Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan kumpulan bahasa Cina setiap sesi tidak akan melebihi 20 orang, jumlah ini memang tidak mencukupi untuk menyediakan tenaga pengajar bagi peringkat sekolah menengah.

Untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pengajar, pihak sekolah terpaksa mengupah guru-guru sekolah lain untuk memberi tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar sekolahnya disebabkan oleh faktor masa, hanya segelintir guru sahaja yang dapat menyesuaikan diri dengan masa sekolah tersebut.

Walau bagaimanapun, banyak kelas bahasa Cina terpaksa berlangsung pada waktu petang atau hujung minggu, ini menimbulkan banyak lagi masalah kepada sekolah-sekolah, contohnya kehadiran pelajar yang tidak memuaskan, ramai pelajar tidak mengambil berat dan menganggap kelas bahasa Cina tidak penting. Mereka tidak menumpukan perhatian semasa belajar, akibat kekurangan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran serta keadaan persekitaran yang tidak selesa.

Sebenarnya, berdasarkan hasil analisis terdapat juga guru yang tidak mahu mengajar bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan, ini terjadi kerana mereka tidak puas hati dengan gaji atau elaun yang diberikan iaitu antara RM20 dan RM25 sejam, ada pula yang mengatakan bahawa mereka tidak dapat menerima gaji atau elaun itu tepat pada waktunya. Gejala ini tidak harus dibiarkan berterusan. Maka masalah ini harus ditangani dengan segera.

Usaha-usaha penyelesaian harus melibatkan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Pihak kerajaan seharusnya berfungsi sebagai perintis untuk mengorak langkah untuk merenung masalah ini.

Kementerian Pendidikan harus menyediakan lebih banyak peluang untuk penuntut mengambil kursus bahasa Cina bagi tujuan lebih banyak tenaga pengajar. Pihak sekolah juga turut memainkan peranan penting untuk mengatasi masalah ini. Segala usaha yang diambil tidak akan berjaya jika pihak sekolah mengambil sikap tidak apa, pihak sekolah boleh menolong pelajar-pelajar menggunakan bahasa Cina melalui aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan tertentu.

Sekali lagi ditegaskan bahawa bahasa Cina semakin penting pada masa depan. Justeru itu, kita tidak boleh menafikan kepentingan penguasaan bahasa Cina yang tinggi membuka ruang yang lebih luas untuk mencapai kemajuan dalam bidang perniagaan dan sebagainya. Moga-moga masyarakat Malaysia yang progresif dapat dilahirkan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tambun. Ya, Yang Berhormat, kita tidak ada masa yang panjang ya, kerana dalam Aturan Urusan Mesyuarat kita, kita ada lagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 dan selepas itu kita mempunyai banyak rang undang-undang.

Jadi, dalam Usul ini kita hanya akan boleh memberi masa dalam tiga hari sahaja, barangkali kita minta Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab pada hari Rabu, dengan demikian saya terpaksa hendak meminta Ahli-ahli Yang Berhormat me'limit'kan masa masing-masing kepada 20 minit sahaja, saya haraplah.

Dan lagi dalam perkara ini kita membahaskan di atas Usul Kajian Separuh Penggal, jadi dimintalah jangan berucap di atas perkara-perkara yang spesifik berkenaan dengan kawasan masing-masing, kerana ia adalah satu Usul Kajian. Saya mintalah Ahli Yang Berhormat dari Tambun, bolehkah dalam masa 20 minit ya.

Pada hari ini barangkali tidak ada orang yang hendak berucap, tetapi nantilah pada hari Selasa ini, tentu ramai yang bangun, dengan demikian terpaksa saya mengehendkan masa daripada sekarang. Silakan Tambun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, beri 20 minit ataupun 30 minit?

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit!

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 20 minit ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila.

3.40 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana waktu yang diberikan sebanyak 20 minit, saya akan ringkaskan perkara-perkara yang ingin saya sentuh.

Pertama, saya ingin membuat komen secara umum ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Isu pertama berkenaan dengan perancangan dan strategi, berhubung dengan perkara ini saya berpendapat bahawa kita perlu menumpu kepada tiga faktor penting:

- (i) faktor penyelidikan;
- (ii) pembangunan secara selektif;
- (iii) dari segi kapasiti kemampuan, ini mesti dilihat dalam pembangunan kita.

Saya hendak sentuh secara ringkas, saya dapati pada masa lalu, kita memperkenalkan pengecualian cukai 10 tahun kepada SMI dan apabila saya dapatkan maklumat, pengecualian cukai ini dibuat secara yang tidak berasaskan kepada penyelidikan. Maksud saya, penyelidikan sepatutnya mempunyai maklumat secara terperinci, berapa banyakkah SMI yang ada di negara kita, kemudian kita kategorikan mengikut peringkat ekuiti dan total projek kos SMI tersebut dan barulah kita memperkenalkan insentif kerana dengan cara itu ia lebih spesifik lagi. Insentif 10 tahun akan memberi keuntungan kepada pihak mana dan ia akan menjadi satu perancangan yang lebih berkesan.

Jadi, saya mengambil contoh daripada sistem cukai tadi tetapi meliputi semua perkara, ini yang saya maksudkan mesti berasaskan penyelidikan dan bukan berasaskan kepada *ad hoc*. Saya nampak ada perancangan-perancangan yang tidak

dilakukan berasaskan kepada penyelidikan dan berasaskan statistik yang benar. Apa yang saya maksudkan dengan pembangunan secara selektif, ini berkaitan balik dengan pemikiran saya, yang saya beberapa kali bantahkan bahawa kita tidak mampu untuk melaksanakan segala-galanya.

Saya berpendapat kita perlu mengkategorikan mengikut sektor, manakah projek-projek yang kita kata sebagai high priority, kemudian peringkat kedua sebagai average priority dan lower priority. High priority ini adalah bidang yang kita boleh pergi ke peringkat antarabangsa, pelaburannya kita banyakkan dan low priority kita tidak perlu buat, tidak beri penekanan seumpamanya sektor pertanian kita mengimport daripada luar barang makanan untuk ternakan. Tidak semestinya kita buat di sini, walaupun pada masa sekarang kita import beberapa bilion, kita fikir dengan cara kita buat di sini, tidak perlu import tetapi dengan kita memajukan projek tersebut di negara kita, kosnya lebih tinggi lagi. Secara umumnya, kita akan menghadapi kerugian.

Apa yang kita hadapi sekarang, kejatuhan ekonomi ini adalah faktor yang sementara dan apabila ia membangun kembali, saya rasa mungkin kita tidak lagi akan menumpukan kepada bidang berkenaan, jadi lebih baik bidang-bidang yang low priority ini jangan kita laksanakan. Dari segi kapasiti kemampuan, saya dapati ada agensi kerajaan yang tidak mampu melaksanakan sesuatu projek, saya tidak mahu sentuh kerana mungkin akan terasa sensitif, pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai di dalam kementerian tersebut.

Begitu juga dalam sektor swasta, itu sebabnya dalam ucapan saya yang lalu saya mengesyorkan supaya mesti ada performance auditing. Jawab Menteri, kita ada lakukan tetapi dalam laporan saya tidak nampak ada Ketua Audit Negara mengeluarkan laporan tentang performance auditing. Kerana salah satu daripada perkara penting dalam performance auditing ini adalah untuk mengenal pasti sama ada satu-satu agensi yang menjalankan projek tersebut mempunyai kapasiti untuk melaksanakannya. Kalau tidak ada kapasiti, Tuan Yang di-Pertua, kita letak duit yang banyak hasilnya tidak banyak.

Jadi, ini hanya merugikan kewangan negara kita, yang tidak ada kapasiti jangan kita laksanakan. Begitulah juga dalam sektor swasta mungkin kita perlu tingkatkan kapasiti. Saya cakap soal kapasiti ini, saya sentuh balik sejarah negara kita – bidang bijih timah. Apabila kita sudah ada engineer dalam bidang bijih timah, tiba-tiba bijih timah sudah tidak laku kerana kita tidak ada kapasiti untuk go downstream. Satu produk yang diperlukan seluruh dunia pada masa itu tiba-tiba tidak berguna lagi kerana masyarakat antarabangsa telah membuat penemuan baru untuk mengganti bijih timah kerana kita tidak membina kekuatan kita dalam bidang itu, dengan itu kita tidak ada kapasiti.

Begitu juga yang saya sentuh baru ini soal getah, kita tidak ada kapasiti dalam down stream dan kelapa sawit akan datang, saya nyatakan kita terlampau tekan kepada up stream, banyakkann ladang, banyakkann production pada peringkat FFB dan CPO, akhirnya besok apabila pengeluaran kelapa sawit banyak di Indonesia, China dan merata tempat, kita tidak boleh lagi compete kerana competition dalam pasaran antarabangsa adalah di peringkat konsumer produk, bukan di peringkat CPO ataupun FFB. Jadi, itu yang saya ingin sentuh mengenai dengan kapasiti.

Saya ingin juga menyentuh tentang konsep pertumbuhan, saya bersetuju dalam keadaan sekarang, kita berasaskan pembangunan government driven, bukan market driven. Saya ada sentuh, saya kata government driven ini tidak ada sustainability, kalau tidak ada pinjaman daripada negara luar kita tidak dapat mempertahankan. Apa yang saya minta daripada kerajaan ialah cuba kita buat projection secara jujur, ikhlas, terperinci. Mungkin needs sekarang 70 government driven, 30 private driven, kemudian tahun depan macam mana dan akhirnya pada tahun bilakah kita hendak perolehi needs yang betul dengan market driven lebih banyak daripada government driven.

Berasaskan kepada projection ini kita kena perincikan supporting system dan seluruhnya, saya percaya kepada general system theory, yang mengatakan pembangunan akan berjaya kalau semua sektor dalam negara mencapai kesempurnaan pembangunan. Saya tidak percaya kita akan dapat kepada kesempurnaan kalau kita

tidak ada future projection untuk tahun akan datang, kalau katakanlah kita ada satu projection pada tahun ke sepuluh, macam mana hendak capai projection tersebut? Kita perlukan input, faktor-faktor lain, jadi, kita bekerja daripada situ untuk memperkukuhkan faktor-faktor ini, baru kita akan mencapai kejayaan tersebut.

Satu lagi tentang kecekapan sektor awam, saya berharaplah kita buat work flow, Tuan Yang di-Pertua, ini perkara biasa dibuat di mana tempat pun, pasal kita luluskan peruntukan di Parlimen, kemudian ia pergi ke kementerian dan kementerian ada agensi dalam kementerian, kemudian pergi ke peringkat negeri, peringkat negeri ada agensi, jadi daripada duit di atas, dia turun ke bawah, tentu ada tempat-tempat yang tidak ada efficiency.

Jadi, kita buat work flow, kita kaji work flow daripada dissilient point mana, ada inefficiency, kalau di peringkat negeri, katalah masalah tanah, kita kena settle masalah tanah, tidak boleh kita hendak membangun bila tiba masalah tanah berpanjangan tidak selesai. Kalau inefficiency ini di peringkat tanah, kita bertanggungjawab untuk selesaikan di peringkat itu. Jadi, saya harap perkara-perkara ini dapat dijalankan.

Tentang pembangunan usahawan bumiputera, ini yang saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti buat perancangan yang rapi, supporting system untuk membina usahawan bumiputera mesti efisien, kalau MARA jaga, MARA kena efisien, sedikit sahaja tidak efisien, kita tidak akan berjaya dan saya percaya dalam proses hendak membina usahawan bumiputera kita mesti berasaskan kepada sistem meritokrasi.

Bermakna, kalau kontraktor itu yang baik, pilih yang itu, kita tidak boleh pilih apa yang tidak baik kerana ini akan menggagalkan dan pada saya kegagalan adalah mengkhianati bumiputera. Itulah komen-komen umum saya, saya hendak pergi kepada beberapa perkara spesifik, mungkin tidak sempat semua.

Saya hendak sentuh satu perkara Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pada masa dahulu, masa sekarang dan masa akan datang saya tidak percaya negara kita akan jadi sebuah negara yang kompetitif di dunia ini kerana kita tidak ada satu critical factor

kita iaitu teknologi. Teknologi pada abad ke-18 berlaku industrial revolution. Hasil daripada industrial revolution dunia Barat menguasai perdagangan dunia.

Di abad 20 ini, bila kita masuk ke abad 20 masa itu ia berlaku pembangunan hardware technology, mechanization machinery. Tahun 1970, bila saintis menemui microprocessor, kita pergi kepada bidang komputer elektronik, Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil berpaling kepada Y.B. Balik Pulau]*

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau tidak adalah agaknya. Tidak boleh tanyalah.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tengok Batu Gajah itu bagus, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, kita pergi ke elektronik. Daripada hardware technology kepada software bermula 1970 dan sekarang ia pergi kepada infusion, kombinasi antara mechanization dan electronic dia kata 'mechatronic' sekarang ini.

Di mana kita, Tuan Yang di-Pertua? Pasal kalau kita tidak ada dalam bidang itu kita tidak mungkin akan dapat bersaing dan harapan kita untuk bersaing adalah sektor swasta yang bukan kerajaan sendiri terlibat. Adakah sektor swasta ready untuk menerima pelaburan yang besar dalam bidang ini dari segi mentality mereka. Jadi, saya berpendapat ada beberapa perkara yang harus kita lakukan.

Pertama, saya minta kerajaan buat satu survey. Biar kita survey betul-betul giant corporations kita SMI kita dari segi teknologi pada level apa? Adakah pada level yang minimum, makna minimum sekadar dia tahu ada teknologi tetapi tidak menerima teknologi kerana mungkin faktor kewangan, faktor skill dan sebagainya ataupun pada peringkat menengah, peringkat pertengahan ada teknologi sedikit ataupun pada peringkat yang tinggi. Pasal ini merupakan cara yang kritikal yang hendak menentukan masa hadapan kita. Jadi, kita perlu kepada mengetahui kedudukan sebenar level technology di negara kita. Kemudian, kita survey pula peranan Technological Park yang kita adakan dekat Stadium Komanwel Bukit Jalil - ada Technological Park. Di negeri-negeri saya tengok pada satu masa begitu ghairah nak tengok Technological Park sebab kawasan yang luas. Akhirnya, sekarang saya tengok ada satu bangunan, dua bangunan. Jadi, Technological Park ini penting untuk meningkatkan penggunaan teknologi di negara kita, tetapi dari segi itu apakah

peranan mereka telah terlaksana ataupun tidak termasuk agensi-agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan sendiri untuk tujuan peningkatan teknologi?

Ketiga, saya lihat peranan universiti. Timbalan Menteri Pendidikan kita ada, tengah picit kepala, pening kepala.

Peranan universiti, Tuan Yang di-Pertua, saya buat kajian di negara-negara luar, universiti memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan teknologi negara dari segi R&D umpamanya universiti menjadi research centre. Research ini penting bukan sekadar kita hendak memperkenalkan produk yang berkualiti, tetapi juga penting untuk memperkenalkan proses pengeluaran yang baru, yang lebih efficient, lebih precision lagi, kerana ini yang diperlukan pada masa yang akan datang. Jadi sehubungan dengan itu, dari segi universiti ini, saya ingin membuat beberapa pandangan saya

Ada sepuluh minit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit sahaja. Buat bukulah senang sahaja.

[Ketawa]

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tidak apa, saya cuba inilah, saya buang banyak ini. Saya pun tidak tahu. Saya tengok macam ini, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, universiti dengan sektor swasta ini kita kena wujud friendly - relationship. Research sekarang bukan dalam Pure Science, ia dalam Applied Science. Bila universiti mengadakan research untuk sektor swasta, syarikat-syarikat korporat ia mesti berasaskan kepada market driven (keperluan di pasaran). Kalau kita ambil syarikat seperti Sharp umpamanya, mempunyai pejabat di seluruh dunia, ia terletak di Afrika Selatan atau di tempat lain. Tujuan pejabat ini untuk mengenal pasti dari segi perubahan consumer taste di negara-negara tersebut. Berdasarkan maklumat ini dihantar kepada ibu pejabat, ibu pejabat hantar ke universiti untuk buat research bagi mengeluarkan produk itu, baru kita dapat mengeluarkan next generation product. Kita menjadi leader dalam bidang itu. Jadi itu yang saya nampak perlu, banyak faktor-faktor motivasi yang terpaksa kita lakukan dari segi insentif

kewangan, dari segi polisi guidelines untuk universiti dari segi geran, dari segi service mission. Sekarang service mission universiti untuk mengeluarkan pelajar-pelajar. Kadang-kadang kita tidak lihat dari segi kualiti, tetapi service mission mesti lebih daripada itu untuk dia melaksanakan kepentingan masyarakat, salah satu cara dengan mengeluarkan hasil-hasil penemuan daripada R&D supaya dapat menghasilkan produk-produk yang bagus.

Kemudian, dari segi rancangan kerajaan saya dapati dalam Kajian Separuh Penggal ini ada usaha untuk membangunkan sumber manusia. Yang ini saya hendak sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, zaman sekarang bukan zaman kita mengeluarkan generalist. Generalist bagus untuk kerja-kerja tertentu. Kalau di Jepun ia mengkategorikan kepada tiga jenis. Yang saya kata generalist sekarang kita perlu yang specialised. Specialised dikategorikan kepada tiga individu. Satu, sama ada dia competent dalam bidang katalah electrical engineering dan satu dalam mechanical engineering. Itu dipanggil kumpulan jenis B katakan. Kemudian jenis C, orang yang competent dalam bidang electrical engineering ataupun dalam bidang mechanical engineering dan ada sedikit kebolehan dalam bidang komputer. Kumpulan yang kita kumpulan D, ini yang paling dikehendaki di Jepun, orang yang competent dalam bidang mechanical ataupun dalam bidang electrical dan competent dalam bidang komputer. Jadi, manusia sudah macam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau macam kita keluarkan generalist kita hendak jadi industry leader kita tidak mungkin akan capai. Bermakna, semua faktor ataupun input dalam negara kita di segi universiti, dari segi kementerian-kementerian yang terlibat ini kena upgrade ke arah untuk melahirkan golongan begitu. Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berapa minit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit tentang cultural factor, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya rasa gembira sejak dua hari lalu. Saya baca dalam *The New Strait Times* tajuk berita muka hadapan, “We mean business - says Dato’ Mustapa”, Menteri Kewangan II, “Warning of more investigations into unethical stock market practices”. Ini saya sentuh semasa dalam perbahasan Belanjawan dan juga semasa perbahasan yang lalu mengenai Kertas Putih. Dalam masa perbahasan Kertas Putih saya tanya, dalam kehilangan wang begitu besar dalam sektor perbankan dengan sektor ekuiti melibatkan berpuluh billion tidakkah ada penjenayah kewangan? Ini saya cukup menyokong, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sendiri sebagai seorang individu, apabila kita tahu dia menipu ataupun dia menyeleweng tiba-tiba dapatlah pula gelaran Dato’, dapat duit yang banyak, harta dia berjuta-juta ringgit, rumah besar.....

Tuan Yang di-Pertua: Dihormati pula, ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya. Masuk televisyen pula, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam televisyen. Saya malas sebut nama, saya tengok dalam televisyen saya kata Allah, ini orangnya. Kemudian, jadi Presiden persatuan-persatuan, dihargai, dihormati di negara kita tetapi dia penipu. Kesannya, Tuan Yang di-Pertua, dia ada cultural effect. Di pejabat orang semua tahu dia tidak betul. Bila balik orang akan cerita kepada isteri, suami dan kemudian ia akan merebak. Bila ada orang yang menyeleweng di satu tempat, kemudian di tempat-tempat lain bilangan tidak banyak, tetapi cultural effect itu ada kesannya, masyarakat

semua tahu. Akhirnya, masyarakat kata apa sistem ini dan ia akan jadi 'counter productive' kepada usaha kita untuk membangunkan masyarakat cemerlang. Ini akan jadi halangan, orang jadi malas, saya kerja rajin saya tidak kaya; dia penipu, dia ada rumah besar.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya cukup menyokong usaha kerajaan, saya harap ini berterusan. Saya percaya ada individu yang tidak patuh kepada BAFIA dalam pemberian pinjaman, mesti diambil tindakan tegas kalau kita hendakkan negara kita jadi sebuah negara cemerlang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kerian Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengkaji Rancangan Malaysia Ketujuh separuh penggal kita mahu semua rakyat menikmati kemajuan menjelang tahun 2020 nanti – tidak terkecuali yang perlu menikmatinya ialah Orang Asli di Malaysia ini. Mengikut sejarah, Orang Asli Semenanjung Malaysia telah wujud sebelum penghijrahan awal orang-orang Melayu di Tanah Melayu ini. Sejak zaman-berzaman lagi mereka telah membentuk pelbagai suku kaum yang berbeza dan mendiami pelbagai kawasan di Semenanjung Malaysia. Bagi mengiktiraf hak-hak Orang Asli sebagai sebuah masyarakat yang turun-temurun telah menduduki, mengusahakan dan menjalankan segala aktiviti hidup, maka undang-undang Malaysia diperkenalkan iaitu Akta Perlindungan Orang Asli 134 pada tahun 1954. Akta itu ialah untuk menjamin hak mengikut adat resam, hak milik pribumi, hak menduduki, menggunakan dan menjalankan aktiviti tanah yang berkenaan. Pengiktirafan hak Orang Asli ke atas tanah yang mereka diami itu kekal sehingga hari ini dan saya difahamkan belum ada lagi akta lain yang memansuhkannya.

Walau bagaimanapun, sekitar tahun 70-an keadaan ini berubah apabila pembangunan semakin rancak dilaksanakan dan penggunaan tanah yang lebih luas. Tanah-tanah rizab Orang Asli telah mula menjadi sasaran dan tumpuan untuk dikomersialkan. Hak-hak Orang Asli terhadap tanah rizab mereka telah mula dinafikan. Akta Perlindungan Orang Asli 134 mula diceroboh. Sebenarnya rata-rata orang Asli ini tidak menentang arus pembangunan tetapi yang mereka mahu hak-hak mereka dihormati. Beberapa tempat menjadi contoh bagaimana tempat-tempat mereka diceroboh dan mereka tidak mendapat hak perlindungan yang sewajarnya.

Kampung Orang Asli Sungai Buah, Bangi, Selangor diambil alih sekitar tahun 70-an bagi pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penduduk Orang Asli Sungai Buah telah dipindahkan ke Bukit Tunggul. Penempatan di Bukit Tunggul ini juga tidak akan bertahan lama kerana kawasan tersebut akan dijadikan

padang golf dalam sedikit masa lagi. Tiada sebarang pampasan berbentuk wang atau pemberian hakmilik tanah yang kekal ditawarkan kepada penduduk.

Yang kedua, Kampung Orang Asli Bukit Tempoi, Dengkil, Selangor juga telah diambil alih bagi pembinaan Lebuhraya Nilai Utara ke KLIA. Penduduk tidak diberi sebarang pampasan. Pertukaran status tanah rizab Orang Asli tidak dimaklumkan dan tanpa persetujuan penduduk Orang Asli di kawasan yang terbabit diambil.

Kampung Orang Asli Busut, Sepang, Selangor telah diambil alih pada tahun 1994 bagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. 300 Orang Asli dipindahkan ke penempatan baru di Busut Baru. Penduduk kampung diberikan bayaran sara hidup sebanyak RM150 sebulan selama lima tahun. Mereka dijanjikan dengan rumah banglo dengan kemudahan prasarana yang lengkap dan tanah bergeran yang ditanami pokok kelapa sawit tetapi diberikan rumah papan sahaja. Rumah papan ini pula dibina di atas paya yang dikambus semula untuk dijadikan penempatan. Lama-kelamaan tanah ini pula mendap dan menyebabkan keadaan tidak selesa. Sekarang rumah-rumah tersebut bukan sahaja semakin mendap tetapi retak.

Kampung Orang Asli Sungai Lalang, Semenyih telah diambil alih untuk pembinaan empangan di Semenyih. Penduduk kampung telah berpindah sendiri ke kawasan yang berdekatan tanpa sebarang pampasan wang atau pemberian hakmilik tanah yang kekal.

Yang kelima, Kampung Orang Asli Bukit Lanjan, Damansara telah pun diambil alih sepenuhnya dalam awal 1998 bagi pembinaan lebuh raya dan juga pembinaan kawasan perumahan bandar yang baru. Pemaju bersama dengan Syarikat Litrak Gamuda dan Saujana Triangle Sdn. Bhd. Penduduknya dijanjikan rumah banglo, rumah teres, rumah pangsa kos rendah, wang simpanan ASB sebanyak RM45,000 serta wang pampasan bagi pokok tanaman dan usahawan mereka. Apa yang berlaku di Kampung Lanjan itu juga telah terjadi pencerobohan dan perobohan dua buah rumah Orang Asli dengan cara paksa dan amat kejam. Penduduk Orang Asli yang bersetuju dengan kadar pampasan tanah dan harta mereka telah diberikan wang pampasan bagi pokok tanaman dan usaha, wang simpanan RM45,000 dan sara hidup sebanyak RM500, itulah janjinya. Penduduk Orang Asli yang tidak bersetuju dengan kadar pampasan tanah dan harta hanya diberikan wang pampasan pokok tanaman dan usaha setelah berusaha selama hampir tiga tahun dengan mendapatkan peguam dan perbincangan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Tiada tawaran bagi pemberian rumah banglo, rumah teres, rumah pangsa kos rendah dan pampasan ASB sebanyak RM55,000. Sehingga kini mereka tidak mempunyai kediaman sendiri dan menumpang di rumah saudara-mara. Inilah pengorbanan yang mereka lakukan untuk pembangunan Bukit Lanjan yang tidak jauh daripada bangunan Parlimen ini.

Yang keenam, Kampung Orang Asli Geraci dan Pertak di Kuala Kubu Baru, Selangor akan diambil alih bagi pembinaan Empangan Sungai Selangor. Pemaju yang bertanggungjawab bagi membina empangan tersebut, Syarikat TSWA Gamuda adalah syarikat pemaju yang sama bagi Projek Lebuhraya Damansara-Puchong yang melintasi dan melibatkan Kampung Orang Asli Bukit Lanjan. Sekiranya tatacara pengurusan

kerjanya masih sama, maka pembohongan akan berlaku sekali lagi terhadap penduduk Orang Asli di kawasan tersebut.

Yang ketujuh, Kampung Orang Asli Jalan Pahang, Batu 10, Tapah, Cameron Highland akan diambil alih untuk dijadikan kawasan ternakan lembu dan kuda. Pampasan yang lumayan kononnya dijanjikan untuk Orang Asli.

Yang kelapan, Kampung Orang Asli Tapah Road, Perak iaitu daripada kawasan Banir hingga ke Bidor akan diambil alih bagi pembinaan universiti yang dirancang oleh parti MIC. Djangka universiti berkenaan dibina khas bagi pendidikan di bidang perubatan. Penduduk Orang Asli kononnya dijanjikan sebuah rumah atau wang pampasan.

Yang kesembilan, Kampung Orang Asli Sungai Pelanduk, Ulu Kinta, Perak akan diambil alih bagi pembinaan empangan oleh pihak Jabatan Bekalan Air Perak. Belum ada perbincangan tentang pampasan atau ganjaran yang bakal dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga yang kesepuluh kawasan penempatan Orang Asli Kuala Betis, Gua Musang. Kawasan ini juga semasa diambil dahulunya ada juga penentangan oleh orang-orang Asli tetapi melalui perbincangan, mereka diberi hakmilik dan sebagainya. Daripada sini kita lihat bahawa Orang-orang Asli ini mereka adalah peneroka kepada negeri-negeri ini tetapi kawasan mereka bila diambil, janji diberi bagitu hebat tetapi akhirnya mereka tidak dapat apa-apa. Kita harap kerajaan yang menjanjikan kerajaan yang bersifat kebajikan mestilah mengutamakan kebajikan Orang Asli ini. Saya telah bercakap hal Orang Asli ini dalam sidang Belanjawan yang lepas. Dalam masa jangka pendek, jangka panjang kalau boleh kita tidak mahu lagi ada sebutan Orang Asli. Menjelang tahun 2020 tidak ada lagi Orang Asli, orang itu telah dimasukkan dalam masyarakat kita, semua Orang Asli ini kita anggap orang Islam supaya mereka menjadi masyarakat Islam dan seterusnya mereka ini menjadi bumiputera seperti orang Melayu.

Kerja-kerja integrasi ini mesti dibuat oleh pihak kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, ya Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan apa yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Orang Asli. Sebagaimana yang kita tahu Orang Asli ini menduduki kawasan-kawasan tanah yang digazetkan kepada mereka dan rata-ratanya bidang kuasa untuk menguruskan tanah ini adalah di bawah kerajaan negeri. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah Kerajaan Kelantan yang diterajui oleh PAS menyelesaikan masalah berkaitan dengan kedudukan gazet tanah dan hakmilik tanah bagi Orang-orang Asli ini. Apakah di Kelantan tidak berlaku permasalahan begini dan apa cadangan Yang Berhormat kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ada permasalahan di Kelantan tetapi Kerajaan Kelantan mula memberi hakmilik kepada Orang-orang Asli sekarang ini. Ini yang kita cuba usahakan dan saya sebut tadi bahawa masalah itu ada tetapi janganlah mereka ini kerana Orang Asli mereka tidak ada union, tidak ada kekuatan politik, maka kita tidak pedulikan sangat kepada mereka. Yang kita mahu ialah walaupun hak-hak tanah di bawah kerajaan negeri tetapi Kerajaan Pusat selalu bermesyuarat dengan kerajaan negeri hal-hal tanah dan sebagainya supaya menjelang tahun 2020 tidak ada lagi Orang Asli sebab mereka itu telah dicampur-aduk dan Orang Asli itu kita anggap mereka itu semua orang Islam. Inilah yang perlu kita buat dan orang Asli ada di kawasan Grik.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang ingin saya sentuh berkenaan dengan Orang Asli.

Seterusnya untuk kemajuan di sebelah Pantai Timur, kemajuan di sebelah Pantai Timur baru-baru ini keluar berita bahawa lapangan terbang antarabangsa akan dibina, diperbesarkan Lapangan Terbang Terengganu.

Saya bukanlah cemburu tetapi di sudut faktor ekonomi, mana lebih baik lapangan terbang antarabangsa dibuat di Kota Bharu, Pengkalan Chepa dibandingkan dengan Kuala Terengganu sebab kita lihat di sudut penduduk ahli-ahli perniagaan dan sebagainya lebih ramai di Kota Bharu. Kemudian lapangan terbang antarabangsa yang paling dekat dengan Kota Bharu ialah Haadyai. Kalau kita lihat penduduk-penduduk di Narathiwat, penduduk di Golok, penduduk di Sungai Padi, Weng, penduduk di sini lebih kurang 3 atau 4 juta orang. Mereka hendak ke Haadyai lebih kurang 4 hingga 5 jam daripada Sungai Padi atau daripada Narathiwat mengambil masa 3½ jam.

Kalau lapangan terbang Kota Bharu dijadikan lapangan terbang antarabangsa, penduduk Golok, Sungai Padi, Narathiwat, mereka boleh datang ke Kota Bharu dalam masa 1½ jam ataupun 2 jam sahaja. Destinasi untuk sambungan antarabangsa, kalau Haadyai ke Bangkok perlu masa 1½ jam penerbangan, sedangkan Kota Bharu ke KLIA mengambil masa 50 minit.

Oleh itu, untuk menarik penumpang-penumpang daripada Selatan Thai untuk menggunakan lapangan terbang antarabangsa, lebih baik ia dibina di Kota Bharu, bukan di Kuala Terengganu. Tetapi kalau cadangan hendak bina di Kuala Terengganu, apa boleh buat, tetapi di sudut kepentingan ekonomi, kalau kepentingan politik diambil kira dahulu memanglah, itu kena dibina di Kuala Terengganulah sebab Kelantan diperintah oleh PAS. Tetapi kita tidak fikir orang yang terlibat dalam EPU dan sebagainya, bincang masalah PAS-UMNO. Mereka fikir di sudut kepentingan jangka panjang, sebab itu kalau kepentingan jangka panjang untuk pelancongan, ekonomi dan sebagainya, lebih baik lapangan terbang antarabangsa dibuat di Kota Bharu dan ianya baik untuk transit jikalau kita misalnya dari Kuala Lumpur-Kota Bharu-Bandar Ho Chin Minh, Kuala Lumpur- Kota Bharu-Kampuchea, ianya dekat perjalanannya. Ini yang perlu kita lihat di sudut ekonomi dan menarik pelancong, menarik pengguna-

pengguna kapal terbang daripada Selatan Thai untuk pergi ke Haadyai terlalu jauh, biarlah mereka datang ke Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga untuk mempercepatkan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ada disebut akan dibina jalan raya daripada Cameron Highlands ke Gua Musang. Sekarang saya lihat daripada Cameron Highlands ke Bukit Raja telah pun siap, cuma daripada Bukit Raja ke Gua Musang belum lagi dimulakan. Oleh kerana ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita harap perkara ini perlu disegerakan untuk kepentingan pembangunan di daerah Gua Musang dan juga antara Cameron Highlands dan juga pembangunan Orang-orang Asli yang tinggal di sekitar itu, perkara itu amat perlu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dikemukakan oleh Perdana Menteri tadi menggambarkan bahawa sektor penswastaan akan terus digalakkan. Bila sektor penswastaan terus digalakkan maka pengguna akan terpaksa membayar segala-galanya pada masa akan datang seperti sekarang penggunaan jalan raya, hospital, pelajaran dan lain-lain lagi.

Berbagai jenis bayaran baru mungkin akan kita terpaksa bayar pada masa yang akan datang, apa yang kita mahu ialah kebajikan kepada rakyat juga perlu ditambah seiring dengan bebanan yang kita kenakan kepada pengguna. Berkali-kali kita sebut, bahawa apa salahnya kerajaan di penghujung Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kita cuba mula beri imbuhan kepada orang-orang cacat.

Orang-orang cacat kita berilah elaun khas kepada mereka, paling kurang RM300 sebulan, yang buta, pekak, bisu, kaki satu dan sebagainya, tanda penghargaan kemajuan Malaysia, kita beri elaun khas kepada mereka. Begitu juga penderma hati baru-baru ini, sepatutnya kerajaan memberi elaun khas seumur hidup kepadanya sebab hendak cari seorang penderma hati ini bukanlah senang dan pengorbanan yang dibuat oleh pemuda itu amat disanjung, kerajaan dan kita semua mesti memberi penghargaan. Langkah awalnya pihak kerajaan, pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat beri elaun khas seumur hidup kepadanya supaya akan

ada lagi orang yang sanggup menderma organnya untuk memberi ataupun berusaha, berikhtiar untuk memberi hidup kepada orang lain.

Kita nampak sektor untuk memberi kebajikan kepada orang-orang Asia ini agak lemah kalau dibandingkan dengan negara Barat. Memang negara Barat di bebaskan dengan berbagai jenis cukai yang cukup banyak tetapi berbagai jenis kemudahan yang diberi khasnya kepada orang-orang cacat, misalnya pelajar kita yang belajar di England membuat master, anaknya cacat, bukan setakat mendapat imbuhan dan sebagainya bahkan guru yang mengajar budak cacat itu bukan setakat tunggu dalam bas, masuk dalam rumah, mandikan budak itu dan bawa ke dalam bas pergi ke sekolah mendidik budak itu. Kemudian iklan pula di dalam surat khabar mana-mana orang Inggeris yang boleh bercakap Bahasa Malaysia supaya daftarkan diri untuk bimbing seorang budak itu, dibayar elaun khas pula oleh majlis bandaran dan sebagainya.

Perkara-perkara begini dalam suasana kita agak berkurangan mengambil berat masalah kebajikan ini. Kita harap, di samping kita mencipta kemajuan di Malaysia ini pada masa yang akan datang, hak-hak ataupun ihsan kepada orang-orang cacat, orang-orang yang tidak berupaya itu, kita tingkatkan dari masa ke semasa. Tidaklah guna kita lihat kekayaan mereka yang tinggal di Damansara, di Bukit Antarabangsa dengan segala kemewahan, karaoke dengan hidup mewahnya, cakap pun dah tak kena sebab orang-orang Melayu sekarang ini yang kaya mendadak cakap tak terus, bila dia sebut Mercedes- 'Merc', ini semua jenis bahasa-bahasa baru. Dia breakfast di 'Grand Con'- Grand Continental pun dah tak tahu sebut dah, ini semua bahasa baru, minum dipagi 'Pan Pac'. Pergi London naik 'Thai Inter', nak sebut Thai International pun dah tak reti, ini bahasa-bahasa korporat, barangkali di akhirat pun dia kata saya nak duduk 'nar', barangkali dia rasa nak duduk di neraka, dia panggil 'nar' sahaja.

Tuang Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan kepada Kubang Kerian, di mana Ahli Yang Berhormat belajar bahasa-bahasa itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bahasa-bahasa itu saya belajar daripada korporat-korporat barulah yang duduk di kantin kadang-kadang itu. Baju I ini, 'ori'-

original pun tak reti nak sebut-‘ori’. Ini hasil daripada Dasar Ekonomi Baru, munculnya korporat-korporat baru seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau kita mencipta orang middle-class begitu ramai tapi pada masa yang sama kita alpakan, lalaikan hal kebajikan, maka kita nak bandingkan dengan negara Barat dalam hal-hal kebajikan itu kita tertinggal jauh. Sebab itu kita mulakan, saya kata kita mulakan kerajaan ini mulai belanjawan tahun hadapan. Belanjawan tahun hadapan kita mula berikan kepada orang-orang cacat imbuhan khas, sendikit dulu pun tak apa, itu tanda negara ini berterima kasih dan bersyukur di samping itu kita melihat orang-orang cacat ini sebagai melihat dalam bentuk yang penuh ihsan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga saya mengalu-alukan tentang Rancangan Malaysia Ketujuh, Kajian Separuh Penggal iaitu kerajaan sedar betapa sektor pertanian ini perlu dipulihkan. Memanglah di zaman 8% perkembangan ekonomi, walaupun pada waktu itu ada Majlis Perundingan Ekonomi Negara, cadangan-cadangan diberi supaya kerajaan melihat dengan serius masalah menyediakan makanan yang cukup kepada masyarakat, food security atau makanan untuk keselamatan negara tapi pandangan-pandangan itu tinggal sepi begitu sahaja sehinggalah ekonomi jatuh 1997 barulah kesedaran itu timbul kepada kerajaan khususnya untuk melihat perkara ini secara serius. Memang kita lihat di Seberang Perai, Alor Setar, bendang-bendang di kambus begitu mudah untuk digantikan, dibuat perumahan ataupun kawasan-kawasan industri sedangkan kita tahu kawasan-kawasan lain masih ada untuk dibuat perumahan ataupun dibuat industri.

Begitulah juga kita lihat tempat-tempat pertanian ini musnah hasil daripada pembangunan, parit terkambus, sungai terkambus yang menyebabkan pengairan tidak boleh berlaku di sawah dan di beberapa tempat, food sufficient ini adalah cukup penting dan sekarang kita perlu mengambil berat semula. Barulah kita sedar bahawa tanpa makanan yang cukup negara kita ini boleh dipermainkan oleh kuasa-kuasa antarabangsa.

Jadi, untuk galakan ini saya alu-alukan galakan tabung dan disediakan juga galakan pinjaman dan juga geran-geran kepada mereka yang hendak usahakan pertanian. Kita harap mereka yang graduan tidak lama lagi mereka terus menceburkan diri dalam bidang pertanian setelah dijanjikan bahawa mereka boleh dapat untung dan boleh mendapat pendapatan daripada bidang yang mereka ceburi. Kita harap kerajaan jangan lalai lagi apabila ekonomi berkembang nanti kadar 7% - 8%, jangan lupa pula kepada pertanian sebab pengajaran ini cukup sekali, jangan sampai 3, 4 kali. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

4.20 ptg.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin melahirkan rasa kesal saya, khususnya kepada parti DAP dan juga pembangkang-pembangkang yang lain kerana kita lihat dalam bidang perundangan negara kita pada hari ini, pihak-pihak pembangkang cuba mengambil kesempatan dan 'menangguk di air keruh'. Tadi kita dengar panjang lebar Ketua Pembangkang cuba mempertahankan anaknya Lim Guan Eng dan juga jadi jurucakap pihak-pihak luar, seolah-olah negara kita tidak ada keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang susah kita hendak cakap. Kalau kita tangkap bawa ke ISA, dia kata negara kita zalim, tidak ada keadilan. Bila kita dakwa pihak-pihak tertentu di dalam mahkamah terbuka mengikut proses-proses perundangan di negara kita daripada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan sehinggalah kepada Jemaah Pengampunan, masih lagi mengatakan kita tidak adil. Jadi, kalau kita sudah mengikut lunas undang-undang yang betul pun dituduh tidak adil, bawah ISA pun, lagi dia kata tidak adil, saya tidak tahulah bagaimana yang adil bagi mereka. Sudah tentu bagi mereka yang adil ialah jika mereka menang, jadi ini

keadilan bagi mereka. Kalau jaguh-jaguhnya ataupun orang yang dibela itu menang di dalam perbicaraan di mahkamah, bagi mereka baru adil.

Baru-baru ini kita pertikaikan lagi keputusan pilihan raya di negeri Sabah, pun dia kata tidak adil, ada penipuan. Kalau berlaku ketidakadilan ataupun ada penipuan, takkanlah Ketua Menteri Sabah boleh kalah, Ketua Menteri pun kalah. Menteri-menteri tertentu pun kalah, pembangkang menang 17. Jadi, bagi dia yang adil kalau dia menang hari itu, dia kata baru adil. Jadi, pembangkang ini nampaknya masih lagi menyanyi lagu yang lama, kalau sesuatu yang tidak memberi faedah kepada mereka, mereka tetap mengatakan kerajaan tidak adil. Jadi, DAP ini kita pun kasihan juga dengan dia, penyokong DAP dalam Parlimen ini sudah kurang seorang, sudah lompat sebelah BEBAS. Satu sudah digugurkan. Di Selangor pun sudah kurang, dahulu ada tiga pembangkang DAP, hari ini tinggal dua, satu lagi sudah masuk BEBAS.

Jadi, ini yang hari ini pemimpin DAP tengah panas punggung, pecat-memecat berlaku dalam parti DAP. Saya rasa DAP lagi tidak adil, berapa ramai dipecatnya, sehingga wakil-wakil rakyatnya pun sudah tidak sanggup lagi hendak duduk sebagai pembangkang di bawah tiket DAP, mereka lebih suka duduk sebagai pembangkang BEBAS. Jadi, saya rasa DAP ini dia kena tengok masalah parti dia sendiri daripada dia menjadi jurucakap dan membela nasib seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun menambahkan peruntukannya dengan begitu banyak, lebih-lebih lagi di dalam bidang pembangunan, di mana dalam pembangunan telah ditambah sebanyak RM22 bilion daripada RM67.5 bilion kepada RM8.95 bilion. Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah pelaksanaannya, apakah pelaksanaan pembangunan ini sebagaimana yang telah pun diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi di antaranya, "*Pelaksanaan dasar yang efektif yang bertujuan memulihkan ekonomi negara secara berkekalan memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang cekap di semua peringkat kerajaan*".

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pelaksanaan-pelaksanaan pembangunan daripada tahun lepas, saya ambil contoh, dalam jawapan daripada Menteri Kewangan

yang saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Khamis yang lepas, 8 April. Bagi perbelanjaan pengurusan tidak ada masalah, 99.1% semua boleh belanja tetapi bagi perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM21,108 juta pada tahun lepas, hanya dibelanjakan sebanyak RM18,103 juta. Ini bermakna bahawa sebanyak RM3,005 juta telah tidak dibelanjakan. Dengan ini, shortfall ataupun kurang belanja perbelanjaan pembangunan ialah RM14.2%. Kemudian, tahun ini sudah bulan April, sudah masuk bulan yang keempat, dalam tahun ini pula kita telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, pada bulan Januari cuma RM3.8 juta yang dibelanjakan, bulan Februari RM290 juta, bulan Mac hanya RM639.1 juta. Jadi, daripada bulan Januari hingga bulan Mac kita cuma membelanjakan RM932,98 juta daripada RM18 bilion yang telah diperuntukkan, tidak sampai pun RM1,000 juta yang baru kita belanjakan. Sepatutnya sudah bulan April ini sekurang-kurangnya kita sudah belanja kurang-kurang RM5,000 juta. Ini RM1,000 juta pun belum lagi kita belanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini yang membimbangkan kita. Kita sebagai wakil-wakil rakyat, apabila kita telah mengetahui sesuatu peruntukan telah diluluskan dalam kawasan kita, selalunya kita akan buat pengumuman. Bila kita buat pengumuman, setahun tidak dilaksanakan lagi, dua tahun tidak dilaksanakan lagi, mulalah orang tuduh kita wakil rakyat temberang, wakil rakyat pembohong, sedangkan peruntukan memang ada tetapi pelaksanaannya begitu mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh mengenai tabung-tabung, pun serupa juga, di kampung kita beritahu pelbagai tabung yang kerajaan sediakan, kerajaan bukan sahaja membela korporat-korporat yang besar tetapi daripada PPRT, IKS kemudian belia dan sebagainya, semuanya ada dana-dana. Kalau saya tidak silap ada 38 dana kita sediakan tetapi persoalannya bagaimanakah dana ini dibelanjakan dan sampai kepada rakyat. Sebagai contoh, Tabung Pemulihan IKS walaupun baru ditubuhkan tahun lepas, peruntukan yang disediakan RM750 juta tetapi sehingga kini hanya baru RM50 juta sahaja dibelanjakan. Untuk Tabung Usahawan Baru, jumlah tabungan RM1.25 bilion, kita baru belanja RM1.103 bilion.....

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Nanti sekejap, saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Untuk Tabung Makanan pula peruntukan sebanyak RM700 juta tetapi kita baru belanjakan RM534 juta. Hari ini dalam Mid-Term Review kita tambah daripada RM100 juta kepada RM1 bilion. Jadi, inilah peruntukan yang kadang-kadang kita sudah beritahu rakyat bahawa betapa bersungguh-sungguhnya kerajaan kita ingin membela nasib rakyat tetapi yang menjadi masalah kepada kita ialah dari segi pelaksanaannya, sejauh manakah projek-projek yang telah ada peruntukan ini sampai kepada rakyat dan dapat dilaksanakan.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih, Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, pada peringkat pelaksanaan, contohnya dalam mengagih-agihkan Tabung Usahawan Belia, Tabung IKS dan sebagainya, mungkin 'red tape', dengan izin, yang menghalang pemohon-pemohon yang mendapat pinjaman yang boleh menolong mereka, adakah ini benar?

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya rasa salah satu puncanya ialah 'red tape' yang saya hendak sentuh selepas ini. Saya akan sentuh mengenai 'red tape' dan juga birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh, di dalam kawasan saya, dalam Parlimen saya, Klinik Bidan Sungai Tinggi Kanan Baruh, sudah dua tahun hendak dibuat tetapi sampai sekarang ini pokok kelapa pun tidak ditebang lagi, tanah sudah ada. Pusat Kegiatan Masyarakat – ini peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PLB), bulan Ogos tahun lalu duit sudah diluluskan, sekarang sudah bulan April, sudah lapan bulan satu pokok pun tidak tumbang lagi, kita bercakap sudah setahun lepas. Ini dekat pilihan raya, orang kata Ahli Parlimen ini pembohong ke, kita bercakap di kampung berapi-api sebab kita tahu peruntutannya ada tetapi

pelaksanaannya yang menyebabkan kita menjadi cemuh kepada rakyat. Kunci air sebagai contoh, kunci air Taliair Enam, saya bercakap dalam Dewan ini sudah tiga tahun. Saya tengok sekarang ini papan sudah ditender, projek tidak mula lagi. Belum lagi saya hendak sebut projek-projek yang terbengkalai ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa kerajaan kena serius walaupun pada hari ini di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, pelbagai usaha sedang diambil untuk mempercepatkan projek-projek ini melalui pemantauan daripada ICU dan pelbagai tindakan yang telah diambil. Namun saya kira, kalau cara itu juga mungkinlah hasrat kita, hasrat Perdana Menteri tidak tercapai kerana kalau setakat memantau sahaja tidak cukup. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya ditubuh satu kementerian baru 'Kementerian Perkhidmatan Awam'. Jangan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, biar ada seorang menteri dan juga ada timbalan menteri di bawah 'Kementerian Perkhidmatan Awam' ini memastikan pegawai-pegawai kerajaan ini menjalankan tugasnya dengan betul. Projek-projek yang telah diluluskan dilaksanakan dengan baik kerana kalau diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya rasa perkara-perkara seperti ini sukar untuk kita atasi. Jadi, kalau ada kementerian sendiri, maka mudah bagi kerajaan untuk monitor segala peruntukan ataupun projek pembangunan yang telah kita luluskan.

Begitu juga saya ingin

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai kelembapan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya dan di dalam kawasan-kawasan Parlimen. Selain daripada masalah kelembapan perjalanan jentera kerajaan yang menyebabkan kadang-kadang itu projek lambat berjalan, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya adalah pihak yang menyatakan bahawa terdapat kadang-kadang projek yang telah diluluskan dan telah ditenderkan namun pelaksanaannya gagal adalah disebabkan oleh silap percaturan dan pengurusannya tidak cekap. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya pun hendak pergi perkara yang kedua, birokrasi dalam tender. Kita tidak nafikan, apa yang Yang Berhormat cakapkan itu betul, kadang-kadang tender kita kena buat, bila sebut tender ini kadang-kadang enam bulan projek belum dilaksanakan. Dalam kita adakan tender itu pun boleh projek terbengkalai. Ini kadang-kadang jawatankuasa tender bukannya pilih harga yang layak dibuat tetapi harga yang paling rendah. Bila pilih harga yang paling rendah, dalam musin kegawatan seperti ini kontraktor semasa masuk tender dia tidak kira, rendah pun rendahlah, asalkan dia dapat kerja. Bila kerja sudah dapat, projek tidak boleh dibuat, jadi, projek terbengkalai. Bila projek terbengkalai sudah kena retender semula. Jadi, kalau boleh proses tender ini dikaji semula. Birokrasi dan juga red tape kalau boleh dikurangkan. Walaupun dalam jawapan Menteri Kewangan telah dikurangkan proses tender ini tetapi saya hendak cadangkan, mungkin orang akan ketawa cadangan saya, jangan tender banyak-banyak biar cara giliran. Senaraikan nama-nama kontraktor-kontraktor ini, bila ada projek tetapi kena transparent, jangan ada hanky-panky, mesti dibuat dengan telus, dibuat cara cabutan, di daerah ada buat. Di daerah kalau hujung tahun, Tuan Yang di-Pertua, kita buat macam itu, dia masuk sahaja, kita cabut nombor, kemudian harga boleh dibincang asalkan jangan lebih daripada harga yang telah ditetapkan. Ini mungkin boleh mempercepatkan kerja-kerja dan boleh jadi memberi kepada peluang lebih ramai lagi kontraktor-kontraktor mendapat kerja. Kalau kita buat tender sekalipun seperti yang saya nyatakan tadi, ada juga kontraktor yang tidak dapat menyiapkan kerja-kerja apabila mereka masuk tender.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin mencadangkan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Rompin bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya ada lima minit lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja, sebab saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat dari Tanjong Karang bahawa, saya minta penjelasan dari Tanjong Karang. Amat penting sekali projek itu dilaksanakan dan antara proses yang diperlukan untuk melaksanakan suatu projek ialah memilih pemborong untuk melaksanakannya. Pada pandangan Yang Berhormat tadi supaya syarikat kerja-kerja tertentu tidak ditender. Saya hendak bertanya juga, kerja-kerja yang ditender, keluhan yang kita dengar di kawasan kita ialah mereka yang dapat tender itu di luar daerah tersebut dan kadang-kadang kontraktor yang lari dari projek

yang tidak siap itu ialah kontraktor dari kawasan yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi kerja-kerja pada tahap tertentu panggil tender hanya bagi syarikat-syarikat yang bermastautin di daerah itu supaya limpahan daripada pelaksanaan projek itu turun ke kawasan daerah di mana projek itu telah diluluskan. Kadang-kadang orang di kawasan tersebut mengadu, kita dengar ada projek tetapi kontraktor, pembekal dan yang memberi pasir datang dari luar. Apa pandangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang tentang perkara ini?

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya rasa mengenai masalah Yang Berhormat ini sama dengan masalah saya. Kalau dulu Tuan Yang di-Pertua, tugas wakil rakyat ini, kita cuba cari projek, mohon sana mohon sini, kita rancangan buat projek. Tetapi hari ini tugas kita sudah bertambah bukan sahaja setakat mendapatkan projek, kawan-kawan kontraktor yang kita bina dan bela ini, sekarang sudah ada kelas 'B', 'C' dan sebagainya mereka pula minta tolong supaya memastikan bahawa pembangunan yang berlaku dalam kampung kita itu dinikmati kembali oleh orang-orang tempatan. Mereka tidak mahu seperti kata pepatah pembangunan lalu di depan mata .

Jadi, saya amat bersetuju dan saya memang hendak mencadangkan supaya diberi peluang kepada kontraktor tempatan. Saya lihat kalau dasar ini dapat dilaksanakan, kerja-kerja itu lebih baik sebenarnya. Sebab mereka merasakan satu perasaan ingin menolong kampung dan tempat sendiri dan kalau mereka membuat kerja sambil lewa atau tidak betul, kita boleh tahu. Kita tahu di mana rumahnya, pejabatnya, kita boleh jumpa dan lebih-lebih lagi kalau dia orang ada berkepentingan dalam sesuatu tempat, dia akan menjaga prestasi mereka. Dan di tempat saya apabila kerja-kerja dibagi kepada kontraktor tempatan, mereka tidak berkira sangat, contoh kerja-kerja mengtar jalan tidak termasuk depan surau, hjl depan balai raya - patut tidak tar tetapi oleh kerana ia anak tempatan dia buat juga, dia boleh beri tar depan balai raya, depan sekolah, depan mana kita minta dia boleh buat, ini kelebihan kontraktor tempatan. Jadi ini harus juga diambil kira dan saya kira kalau ini dapat dilaksanakan, mudah-mudahan projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, saya juga ingin mencadangkan supaya perancangan ini dibuat dengan teliti. Kalau boleh peruntukan ini diberi kepada

kementerian-kementerian ataupun projek-projek yang telah siap sedia untuk dilancarkan. Kalau kata nak beli kapal terbang, ini yang saya tengok, yang banyak ini Kementerian Pertahanan. Saya ini kalau jawapan daripada Menteri Kewangan, yang paling tidak banyak belanja ialah Kementerian Pertahanan, sebanyak 30% -RM1.7 ribu juta tidak dibelanjakan. Kalau kata hendak beli kapal terbang, sebagai contoh pastikan, jual beli sudah siap dan semua sudah siap barulah dimasukkan peruntukannya. Kalau hendak buat jalan sebagai contoh, pastikan dokumen tender sudah siap sedia, masalah tanah sudah selesai, jadi bila Dewan telah uluskan pada bulan Disember, bulan Januari sudah boleh take-off. Ini kalau lulus hanya ditulis dalam paper, under-ground, di bawah masih lagi kelam kabut, tendernya masih tidak tahu, ini menyebabkan projek kita lambat.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi JKR mesti dikaji semula. Kadang-kadang, kasihan tengok JKR, dia punya projek sendiri, dia kena buat, lain-lain kementerian umpamanya Kementerian Pendidikan, kalau hendak buat sekolah, kena tunggu JKR, Jabatan Agama Islam misal kata di peringkat negeri. Pendek kata, apa sahaja projek yang hendak dibuat di dalam kawasan kita semuanya JKR kena laksanakan. JKR ini pula, bila kita tanya, JKR punya peruntukan - no problem, on the spot dia boleh buat tetapi dia kata kalau Kementerian Pendidikan punya atau lain-lain kementerian, dia orang tidak boleh buat apa, selagi perkara-perkara teknikal tidak diselesaikan oleh kementerian-kementerian berkenaan maka mereka tidak akan boleh jalankan kerja. Jadi, hendak salahkan JKR pun tidak boleh. Oleh itu mungkin, sudah sampai masanya dikaji. Kalau boleh jangan letak beban ini kepada JKR. Kalau boleh tiap-tiap kementerian buat projek masing-masing. Mungkin ini lebih cepat kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan Haji Noh bin Omar: ...dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyentuh mengenai sektor swasta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung. 20 minit sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini dua point, okay, last. Sektor swasta, yang menjadi rakan penting dalam pembangunan akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi dengan kerjasama rapat dengan sektor swasta selaras dengan konsep persyarikatan Malaysia. Jadi saya hendak sentuh konsep swasta. Saya hendak ambil satu contoh bagaimana pihak swasta ini juga boleh melambatkan pembangunan negara. Di kawasan saya ada satu projek perumahan namanya projek perumahan ini ialah Taman Masdi. Nama syarikat yang mengendalikannya ialah Nazati Sdn. Bhd. Ini saya minta kalau ada wakil kementerian tolong tengok kes ini, Tuan Yang di-Pertua. Kes ini sudah 17 tahun terbengkalai. Dari tahun 1982, dibuat sehingga hari ini tidak siap. Hendak salahkan kerajaan, kerajaan telah menyediakan. Saya sudah pergi ke Kementerian Kewangan, TPPT telah pun memperuntukkan RM1.5 juta.

Kemudian, kata kes ini ada kes mahkamah. Saya pergi dengan officer saya ini, dah selesai peringkat kerajaan. Sekarang ini dilantik pula Price Water House. Price Water House dua kali, tiga kali saya telefon, bercakap dengan pegawainya, saya tanya bila hendak laksana, dia kata, “Tidak lama lagi Yang Berhormat”. Daripada dulu, tahun lepas dia kata “paling lewat bulan 12, kita akan buat perkara ini”, sebab mereka melantik Price Water House sebagai receiver sebab Nazatis Sdn. Bhd. ini telah digulung, maka diserahkan kepada receiver iaitu Price Water House.

Bagi saya kerajaan sudah cuci tangan, tidak boleh disalahkan kerajaan, kena salahkan Price Water House, mengapa lambat dilaksanakan proses tersebut. Duit telah ada, semuanya telah selesai tetapi akibatnya oleh kerana swasta ini lambat, Price Water House ini lambat memulakan projek, yang mereka salahkan kerajaan. Saya sebagai ahli Parlimen dan juga pihak kerajaan disalahkan, seolah-olah tidak mengambil berat tentang projek terbengkalai, yang sudah hampir 17 tahun.

Jadi, kita bercakap, kerajaan bercakap, semua kita hebahkan berjuta ringgit kita sediakan untuk membolehkan projek-projek terbengkalai tetapi dari segi pelaksanaannya di peringkat kerajaan telah selesai dan di peringkat swasta pula melambatkan projek ini. Jadi, saya harap kes Taman Masdi yang digulung iaitu syarikat yang membuatnya iaitu Nazatis Sdn. Bhd. telah digulung, telah dilantik

receiver, Price Water House, saya harap pihak kementerian akan dapat memberikan jawapan dalam Dewan ini, bilakah projek ini akan dimulakan kerana ini hanya tinggal sedikit, lebih kurang 20% sahaja lagi hendak siap projek ini tetapi terbengkalai di tengah jalan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan masa yang lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

4.43 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan laporan Kajian Separuh Penggal dan mengucapkan tahniah kepada beliau kerana berbuat demikian. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil keputusan untuk menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM22 bilion sehinggakan peruntukan pembangunan untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan menjadi hampir-hampir RM90 bilion.

Saya percaya bahawa dalam kedudukan ekonomi sekarang ini maka kerajaan hendaklah terpaksa membelanja dengan melebihi hasil dan melaksanakan dasar perbelanjaan defisit kerana sektor swasta kita berada dalam keadaan yang amat “letih” sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam para yang kedua belas lagi iaitu daripada satu ucapan yang mengandungi 60 lebih para. Dalam para yang ke-12 lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan tentang satu daripada cabaran yang dihadapi oleh negara sekarang ini ialah meningkatkan tahap produktiviti negara dan saya ingin mengambil sedikit masa yang ada ini untuk khusus kepada soal produktiviti dan juga soal pembangunan sumber manusia.

Masalahnya ialah dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas, pembangunan ataupun pertumbuhan ekonomi negara banyak dijana oleh pertambahan input sahaja iaitu seperti yang dikatakan adalah “input driven” kita mendapat output ataupun

pertumbuhan kerana kita memasukkan modal yang banyak dan juga memasukkan buruh yang banyak dan tahap pelaburan tinggi dan kita punya buruh pun banyak. Tetapi pada masa yang sama produktiviti yang diukur oleh sumbangan Total Sector Productivity (TSP) pada KDNK ini sebenarnya dalam tempoh tiga, empat tahun sebelum kita mengalami masalah ekonomi ini, sebenarnya telah menurun.

Kita melihat bahawa TSP setakat kajian separuh penggal ini berbanding dengan pencapaian sumbangan TSP kepada KDNK dalam RMK-6 sebenarnya adalah lebih rendah. Jadi ini adalah satu masalah dan saya kira masalah ini ialah ketidakmampuan kita untuk mengadun buruh dan modal dengan secara yang cekap iaitu kita tidak mempunyai kemahiran yang cukup tinggi untuk mengadun kedua-dua ini untuk meningkatkan produktiviti ataupun kita tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk pengetahuan teknikal, pengetahuan pengurusan untuk mengadun dua input ini dengan cara yang lebih cekap untuk meningkatkan produktiviti.

Jadi, punca menjadi benda ini selain daripada tahap pelaburan yang terlalu tinggi ialah tahap human capital, maknanya pembangunan sumber manusia kita tidak berada pada tahap yang commensurate, dengan izin, dengan tahap pelaburan yang kita buat. Oleh sebab itu penekanan haruslah diberi kepada usaha untuk meningkatkan lagi human capital level ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu kita terpaksa lihat kepada soal pendidikan dan juga pada soal latihan. Saya lihat bahawa dalam kajian separuh penggal ini kita telah memperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan hampir-hampir RM16 bilion kepada usaha pendidikan dan juga latihan. Ini pada angka perkapita telah menghampiri RM1,600 - RM1,700 tiap-tiap orang rakyat untuk sepanjang tempoh ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara perbandingannya saya telah melihat angka yang ada dibuat kajian oleh orang lain, sebenarnya angka ini masih lagi tidak cukup tinggi. Negara jiran seperti Singapura dan juga negara-negara yang lebih maju daripada kita seperti Hong Kong dan juga Korea membelanjakan perbelanjaan awam untuk tujuan pendidikan dan latihan perkapitanya adalah lima kali ganda lebih banyak daripada kita.

Oleh yang demikian mereka mempunyai human capital level yang lebih tinggi daripada kita.

Oleh yang demikian mereka mempunyai produktiviti yang lebih tinggi daripada kita. Jadi, walaupun telah ditambahkan peruntukan pembangunan ini untuk keseluruhannya dan juga untuk pendidikan tetapi kita perlu sebagai sebuah negara memikirkan bagaimana untuk tambah lagi perbelanjaan untuk kedua-dua tujuan ini. Kita hendaklah capai misalnya, 3% perbelanjaan tahunan kita, pengurusan dan juga pembangunan untuk tujuan pendidikan dan latihan ini hendaklah mencapai tidak kurang daripada 3% daripada KDNK, barulah kita akan berada sama satu liga dengan negara-negara seperti Singapura dan juga Hong Kong ataupun Korea Selatan ini, tidak lagi kita bandingkan dengan negara-negara yang lebih maju daripada itu seperti Jepun dan negara-negara OECD.

Jadi, kita bukan bertujuan semata-mata untuk bersaing dengan negara-negara macam Singapura dan Korea ini tetapi kita sebenarnya hendak pergi jauh daripada itu. Jadi, saya letak satu threshold pada 3%. 3% daripada GDP kenalah diperuntukkan untuk tujuan latihan dan juga untuk tujuan pendidikan, barulah kita boleh meningkatkan tahap modal manusia dalam negara ini dan apabila tahap modal manusia itu naik dari segi kemahirannya, kepakarannya, ilmunya dan sebagainya barulah kita boleh mengadakan buruh dan modal ini dengan cara yang lebih cekap dan sekali gus meningkatkan produktiviti negara dan sekali gus meningkatkan sumbangan TFP pada pertumbuhan KDNK.

Saya ada beberapa perkara, kita lihat bahawa kerajaan adalah serius dalam hal ini sehingga menubuhkan satu kementerian yang khusus iaitu Kementerian Sumber Manusia untuk tujuan latihan yang dipisahkan fungsi pendidikan kepada pendidikan dan latihan kepada kepada Kementerian Sumber Manusia, dan kita ada Tabung Pembangunan Sumber Manusia, kita ada Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dan sebagai usaha untuk merancang tentang latihan ini.

Jadi, saya hendak komen sedikit tentang latihan ini sebab saya rasa satu usaha yang lebih padu, yang lebih jitu dan lebih berkesan hendaklah dijalankan oleh latihan ini. Kita tengok dalam Laporan Separuh Penggal ini, kita ada penubuhan British

Malaysia Institute, kita ada Japan Malaysian Technology Institute sebagai sebahagian daripada usaha latihan ini. Saya datang dari satu kawasan yang mana saya ada hampir 40,000 orang pekerja kilang dalam kawasan saya, tetapi saya nampak setelah hampir tiga dekad berlakunya proses perindustrian pembangunan perindustrian dalam kawasan saya ini. Usaha latihan semula dan usaha peningkatan kemahiran yang dijalankan oleh kilang-kilang itu sendiri mahupun oleh agensi-agensi kerajaan adalah tidak mencukupi kerana sebahagian besar daripada pekerja-pekerja itu, daripada hampir 40,000 orang, mungkin tiga suku adalah pekerja-pekerja pada peringkat operator yang naik bas biru, yang kerja tiga syif, ada yang kerja tujuh hingga tiga, tiga hingga sebelas, sebelas hingga tujuh, hingga tidak jadi orang.

Setelah hampir sepuluh tahun berkhidmat seperti itu, tahap kemahiran mereka, tahap kepakaran mereka adalah pada tahap yang sama. Di Pulau Pinang misalnya kita ada Penang Skill Development Centre yang dikelolakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bersama dengan kilang-kilang itu, tetapi secara ikhlasnya kita tidak nampak proses latihan dan juga peningkatan kemahiran ini berlaku dengan baik. Kita ada juga institut-institut latihan perindustrian yang ditubuhkan hampir di setiap negeri, tetapi tidak berapa hendak berjalan juga usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat orang itu kerja kilang, tiga syif, dua minggu dia kerja tiga hingga sebelas, dua minggu lagi dia kerja sebelas hingga tujuh, dua minggu lagi dia kerja tujuh hingga tiga petang, masuk dalam satu kitaran macam itu. Jadi, kalau tidak ada satu usaha yang benar-benar berkesan sampai sepuluh tahun pun dia jadi macam itu. Dia tidak akan meningkat dia punya kemahiran. Apabila negara mencapai satu tahap kematangan yang menyebabkan kemahiran yang rendah seperti itu tidak lagi diperlukan, maka orang-orang ini akan menjadi sama ada under-employed atau tersisih langsung (structurally-unemployed).

Jadi, inilah perkara-perkara yang saya ingat, kerajaan hendaklah memberi satu penekanan yang cukup tentang usaha latihan, usaha peningkatan kemahiran dan usaha latihan semula ini secara yang berterusan. Memang benar sudah ada MLKV, MMLVK, HLDF, politeknik, ILP dan sebagainya, tetapi perkara ini hendaklah

diperkukuhkan lagi. Memang sudah ada satu kementerian, tetapi kena letak untuk jadinya lebih baik. Oleh sebab Yang Berhormat Pengerusi MARA pun ada, saya pun hendak cadangkan juga supaya pusat-pusat Giat MARA ini pun ditukar konsepnya untuk menghala kepada pembekalan dan juga latihan yang membekalkan kemahiran yang lebih sesuai dengan tuntutan di masa-masa yang akan datang kerana kita

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang pusat Giat MARA juga mula memulakan kursus melatih technician computer? Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, kita hendak tolong Pengerusi MARA tetapi dengan maksud saya, oleh kerana MARA mempunyai sasaran yang tertentu dan sekarang ini MARA ada mempunyai advance skill, training dan sebagainya. Tetapi maksud saya, kita hendaklah pergi kepada selain daripada IT dan sebagainya, kita pergi kepada kemahiran-kemahiran yang khusus dan oleh sebab Giat MARA ini diambil daripada kemasukan pada tahap yang tertentu, maka ia hendaklah diberi yang asas dahulu. Kadang-kadang yang menjadi masalah ialah kita lihat baru-baru ini keputusan SPM, hampir 300,000 orang calon yang mengambil SPM, kita mendapat keputusan yang begitu baik, ramai orang mendapat pangkat satu dan sebagainya. Tetapi pada masa yang sama setiap tahun bila orang ambil peperiksaan SPM ini, saya ingat attraction rate dia yang dapat SAP ini, saya ingat kalau 30% harus hampir kira-kira 90,000 orang. Setiap tahun kita lihat dalam angka yang dibentangkan di sini, 300,00 orang masuk dalam pasaran buruh.

Jadi, yang saya susah hati kalau tidak ada usaha latihan peningkatan kemahiran yang bertingkat-tingkat untuk mereka yang sudah bekerja, untuk latihan semula, untuk mereka yang tidak dapat masuki mana-mana pusat pengajian dan latihan, yang gugur daripada sistem daripada sistem ini. Jadi, kita kena buat macam ini, saya rasa Giat MARA boleh memainkan peranan untuk menangani masalah drop-outs ini yang dapat SAP dan sebagainya.

Perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan-institusi pengajian tinggi. Kita nampak sejak kita meluluskan Akta

Pendidikan pada tahun 1995 dan digazetkan dalam tahun 1996 sebab satu ledakan dalam pembangunan pengajian tinggi ini dan kita lihat dalam angka-angka di sini. Tetapi, saya cuba hendak memperingatkan bahawa pendidikan tinggi ini bukan seperti satu industri pengeluaran klasikal yang biasa, kerana untuk menjayakan usaha pendidikan tinggi ini memerlukan satu tempoh gestation period yang agak tinggi kerana kita perlu, dalam banyak cerita yang saya baca dalam buku ini, ia cerita bagaimana kita hendak tambahkan tempat untuk lebih ramai pelajar masuk, bagaimana kita hendak membuka pintu melalui IPTS untuk membanyakkan lagi peluang-peluang pendidikan accessibility access kepada education dan bagaimana kita mungkin hendak membangunkan IPTS ini untuk menarik pelajar dari luar negeri. Maknanya, kita banyak bercakap mengenai pertambahan pembekalan kemudahan dan peluang-peluang melanjutkan pelajaran. Tetapi kita terlupa satu benda, kita tidak akan boleh buat benda ini kalau kita tidak mempunyai cukup bilangan dan juga kepakaran dari segi tenaga pengajar.

Jadi, sekarang ini kita lihat pertumbuhan pelajar di IPT sama ada IPTA atau IPTS begitu meningkat dengan tingginya sehinggakan saya ingat nisbah pelajar dengan pensyarah ini menjadi satu nisbah yang terlalu tinggi. Kita lihat bahawa kuliah-kuliah di universiti-universiti tempatan sekarang menjadi terlalu besar, 200-300 pelajar dalam satu kuliah untuk satu pensyarah, dia tidak boleh mengajar dengan cara yang berkesan. Jadi, apa yang saya hendak katakan ialah satu usaha yang regulars untuk meningkatkan proses latihan kakitangan akademik haruslah diadakan. Jika kita hanya tekankan kepada pembinaan bangunan dan juga pertambahan enrolment setiap tahun, dan setiap tahun kita memang boleh tambah enrolment hingga 3,000-4,000 bagi satu universiti, tetapi untuk menghasilkan satu orang kakitangan akademik yang paling junior sekali pun memerlukan tujuh tahun ataupun sepuluh tahun.

Jadi, kalau kita tidak buat usaha ini maka apa yang kita hadapi ialah masalah kualiti pendidikan di institut pengajian tinggi akan menjadi rendah. Perkara ini juga tidak dicerminkan misalnya dalam Laporan Separuh Penggal ini, dalam muka surat 116, 117 ini, bila dia cerita tentang enrolment dan graduan di IPTA, ia asingkan

misalnya untuk ijazah pertama dengan diploma dan sijil. Tetapi tidak langsung diberi angka di sini apakah pengeluaran institut pengajian tinggi dalam negara kita ini untuk mengeluarkan ijazah-ijazah lanjutan pada peringkat sarjana, peringkat kedoktoran dan juga peringkat post-doctoral.

Kalau kita tidak boleh hendak keluarkan di IPT, bilangan mereka yang mempunyai kelulusan di peringkat sarjana dan peringkat atas dengan banyak, maka ia mempunyai kesan yang cukup tinggi kerana; pertama, ia menjejaskan kualiti pendidikan tinggi dalam negara kita kerana pembekalan kakitangan akademik ini tidak cukup.

Yang keduanya, kita tidak akan boleh membentuk satu critical mass dari segi knowledge workers ini yang cukup kerana kita memerlukan bilangan kapakaran, bilangan orang yang mempunyai kepakaran khusus tentang satu-satu benda yang cukup banyak baru dia boleh menghasilkan ataupun mencetuskan inovasi-inovasi yang tertentu. Jadi, perkara ini saya mintalah supaya kita beri perhatian tetapi perkara ini juga dia macam satu kitaran macam cat and mouse punya cerita, kerana kalau kita tambah enrolment pelajar peringkat Ijazah Pertama membebaskan pensyarah pada pengajaran lebih kepada penyelidikan, jadi dia tidak akan boleh hendak keluarkan banyak pelajar sarjana dan juga kedoktoran kerana dia punya masa banyak habis kepada hendak mengajar.

Jadi, ini merupakan masalah dan saya harap perhatian kepada soal ini hendaklah diberi oleh Kementerian Pendidikan dan juga oleh universiti-universiti dalam negara kita ini untuk mengatasi masalah ini. Kerana masalah ini mempunyai implikasi dari segi keseluruhan human capital level kita tetapi khususnya kepada kualiti pendidikan tinggi dalam negara dan juga keduanya dari segi kemampuan kita melahirkan saintis-saintis di masa-masa yang akan datang. Kalau tidak kita tidak akan bolehlah hasilkan 'nobel laureate' ataupun memang kita tidak boleh hendak buat.

Yang keduanya, saya nampak dari segi enrolment di IPTA ini pada peringkat Ijazah Pertama masih lagi lebih separuh adalah dalam bidang sastra, dan 27% dalam bidang sains dan juga 20% dalam bidang teknikal. Jadi ini pun ia punya kemiringan, ia

punya distribution ini kenalah diperbetulkan lagi. Kerana kalau kita hendak pergi kepada knowledge base ekonomi di masa-masa yang akan datang output pengeluaran IPTA yang bersifat sebegini rupa tidak akan membekalkan negara dengan kemahiran-kemahiran yang kita perlukan dan untuk tujuan itu kita kena fikir bagaimana untuk memperbanyakkan kemasukan dalam bidang-bidang ini tetapi perkara itu bermula pada peringkat sekolah lagi. Dan satu kelemahan yang saya dapati di peringkat sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah ialah kaunseling, kaunseling untuk pelajar dari segi kerjaya adalah tidak berapa baik dan walaupun di sekolah menengah sekarang ini sudah ada kaunselor sebagai guru yang menjadi kaunselor secara rasmi tetapi usaha untuk membekalkan pelajar daripada sekolah rendah lagi hingga ke sekolah menengah tentang apa dia peluang-peluang kerjaya dalam bidang-bidang yang tertentu hendaklah diperhebatkan lagi. Kalau tidak usaha kaunseling ini daripada awal lagi maka kita akan menghadapi masalah yang sama di masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu perkara yang terakhir yang saya terpaksa kata ialah dalam konsep 'cluster concept' yang digunakan oleh IMP Kedua. Saya minta supaya 'cluster concept' ini demi kita menggunakan pengkhususan sebagai asas mewujudkan daya saing kita dalam ekonomi antarabangsa supaya kita guna 'cluster concept' ini bukan sahaja berdasarkan kepada jenis industri tetapi kepada geographical region dia juga. Misalnya kalau MSC hendak dijadikan sebagai satu geographical location untuk kita khususkan dalam bidang IT, jadi dalam bidang-bidang yang lain juga kita kena wujudkan geographical 'cluster concept' yang sedemikian rupa.

Dalam kawasan saya di Pulau Pinang misalnya di Bayan Lepas mempunyai cluster 200 hingga 300 buah kilang elektronik. Jadi sepatutnya disokong oleh institusi latihan dan institusi pendidikan dan juga semua jenis support, services dan program untuk menjadikan cluster geography itu satu cluster kecemerlangan dalam bidang itu. Jadi kita gabungkan pembangunan industri, kita gabungkan pembangunan

sumber manusia, kita gabungkan pembangunan dari segi latihan dan sebagainya, R&D dalam satu geographical location. Jadi kalau kita buat berceramok Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan boleh mencapai matlamat yang kita hendak. Jadi kalau kita buat concept yang saya katakan tadi itu maka kita boleh mencapai ekonomi skop yang baik yang boleh membantu kita untuk membekalkan competitive advantage kepada syarikat-syarikat dalam negara. Oleh sebab masa tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bintulu.

5.08 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak silap saya terdapat tidak kurang 44 etnik suku kaum dan kumpulan budaya yang dikenali dan diketahui di Malaysia. Setiap suku kaum itu dikenal dengan sistem, budaya, bahasa dan kepercayaan yang unik. Dari jumlah itu hanya empat kaum terbesar berada di Semenanjung. Golongan itu ialah Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Bakinya 40 etnik dan golongan budaya setiap 20 berada di Sabah dan Sarawak. Adalah malang bahawa sehingga kini selepas 36 tahun sejak Pembentukan Malaysia, penduduk bumiputera Sabah dan Sarawak tidak menikmati pembangunan yang sama, yang sedang berlaku di Semenanjung Malaysia. Memang benar kerajaan menerusi rancangan dan dasar negara cuba meningkatkan integrasi dan pembangunan nasional. Satu darinya berkemampuan menggalakkan secara efektif tanpa keraguan Dasar Ekonomi Baru. Kini Dasar Pembangunan Nasional yang diharap boleh mencetuskan satu hubungan tulen antara pelbagai masyarakat kaum yang tidak lagi dibahagikan oleh garis kemiskinan dan ekonomi.

Walaupun ruang kejayaan Dasar Ekonomi Baru boleh diukur dari penyertaan kaum dalam kegiatan politik dan pembangunan sosio-ekonomi tetapi tahap kejayaan di kalangan pelbagai kumpulan kaum di Sabah dan Sarawak sangat sukar dipastikan. Walaupun bukan sesuatu yang realistik untuk beranggapan bahawa setiap satu kumpulan kaum diwakili dan disetiap peringkat kedudukan dan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan setidak-tidaknya mestilah ada tolak-ansur antara mereka. Pada masa ini peluang-peluang penglibatan pelbagai kaum masih kurang

memuaskan. Sebagai contoh berapa ramai penduduk Sabah dan Sarawak telah diberi peluang dilantik sebagai ketua jabatan, ketua setiausaha kementerian kerajaan persekutuan. Antara sembilan IPTA tidak seorang pun datang dari Timur Malaysia dilantik sebagai ketua. Yang terdekat ialah lantikan seorang rakyat Timur Malaysia mengetuai universiti awam sebagai Timbalan Naib Chanselor Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan.

Rakyat dari Timur Malaysia masih belum diterima setaraf dalam banyak pertimbangan menyebabkan jawatan tertinggi kerajaan. Gaya penyertaan kaum yang tidak seimbang ini pasti tidak mencerminkan dengan baik susunan kongsi kuasa yang Malaysia banyak bersuara selama ini. Di peringkat negeri dan di Sarawak, imej kuasa dengan hanya menonjolkan pelbagai masyarakat kaum dalam kabinet negeri, tidak menceminkan peringkat bawah kerajaan, seperti dalam perkhidmatan awam negeri, badan-badan berkanun negeri, perbadanan-perbadanan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ia lebih condong dikuasai oleh satu kumpulan kaum dari anggota utama komponen parti yang memerintah kerajaan negeri.

Ini amat jelas dalam kekurangan pembangunan masyarakat Dayak meskipun bilangan mereka ramai, contohnya kebanyakan kaum Iban terperangkap dalam kegiatan pertanian pulangan rendah, pekerja-pekerja bergaji rendah dan kurang peluang pendidikan dan perniagaan, malah mereka yang sangat berusaha dan kuat bekerja seperti penduduk rumah panjang di tepi pantai Serupai di pinggir Barat kawasan Parlimen saya seperti rumah Ruyung, rumah Manyit, rumah Bilong dan lain-lain yang mana lebih dari 1½ abad penduduk Iban ini telah menanam pokok kelapa dan lain-lain hasil pertanian dan beberapa ribu ekar seperti pisang dan jagung. Tetapi harapan mereka untuk mendapatkan sebatang jalan menghubungkan Lebuhraya Pan Borneo masih belum menjadi kenyataan. Apakah yang boleh dibuat, tanpa jalan raya mereka terpaksa memberani diri membelah ombak Laut China Selatan dan mengangkut semua hasil tani berupa ribuan biji kelapa setiap tahun. Satu demi satu dengan mengguna perahu panjang ditarik oleh enjin sangkut ke Bintulu.

Tahun ini sahaja tiga nyawa terkorban lemas di laut semasa menaiki bot yang karam ketika menuju ke Bintulu dalam perjalanan yang memakan masa satu jam. Beberapa minggu lalu saya berpeluang menaiki bot untuk pergi ke kawasan tersebut,

laut bergelora, belakang saya masih terasa sakit selama seminggu baru pulih. Apatah lagi wanita mengandung yang menunggu saat hendak bersalin di hospital Bintulu, bagaimana sukarnya mereka menghadapi saat-saat begini.

Sudah bertahun-tahun lamanya cadangan demi cadangan dibuat supaya dibina sebatang jalan raya menghubungkan Serupai dan Kuala Tatau, dan kemudian ke Jambatan Tatau yang merintanggi Lebuhraya Pan Borneo, panjangnya jalan itu hanya lebih kurang 60 km. Dari segi ekonomi ia sangat bernilai kerana tidak sahaja boleh menjimatkan kos mengangkut kelapa dan hasil tanah tetapi juga memberi kemudahan kepada sepuluh buah rumah panjang, sebuah kampung yang didiami orang-orang Melayu, dua buah sekolah rendah dan kegunaan lain di sana.

Sehingga hari ini setelah setengah abad berlalu bekalan air bersih, elektrik dan talian telefon untuk kawasan ini dan lain-lain rumah panjang seluruh kawasan sepanjang bahagian hilir Sungai Tatau masih belum diperuntukkan lagi. Siapa boleh dipersalahkan kerana janji manis dan kehilangan kepercayaan kerana mendapati buah-buah kemerdekaan masih terasa pahit, meskipun selepas 36 tahun Malaysia dibentuk. Kemudian terdapat banyak rumah panjang yang hilang pegangan tanah pesaka kepada syarikat peladang. Contohnya tanah termuda Rumah Mamat di Jambatan Suai di Batu 56 Jalan Bintulu-Miri.

Terdapat kira-kira lebih 100 pintu rumah panjang yang menduduki tanah sejak tahun 1939. Di atas tanah termuda itu mereka bercucuk tanam lada hitam. Luasnya beribu-ribu ekar, yang sebenarnya rumah panjang ini terkenal dengan tanaman lada hitam yang mendatangkan hasil lumayan sejak bertahun-tahun. Dalam bulan Januari tahun ini mereka membuat siasatan di Pejabat Tanah dan Ukur di Miri dan hanya mendapati lebih kurang 2,000 hektar tanah mereka telah dipindah milik. Ini dibuat tanpa disedari oleh penduduk-penduduk Rumah Mamat dan mereka tidak pernah diajak berunding sebelum ini.

Mereka juga mendapati bahawa sebenarnya tanah termuda telah dipecahkan kepada ribuan hektar kepada nama siapa tidak ketahui setakat ini, yang pasti ia bukan atas nama penduduk-penduduk Rumah Mamat. Penduduk-penduduk Rumah Mamat

telah menulis kepada pihak pemilik tanah baru dan membuat bantahan keras dan enggan menyertai mana-mana pembangunan tanah yang dicadangkan. Mereka mahu tanah mereka yang dikeluarkan dari senarai hak milik atau surat pajakan sementara kerana mereka mampu membangunkan sendiri tanah masing-masing.

Banyak perkara yang boleh penduduk-penduduk rumah panjang berbuat ke atas tanah mereka di samping penanaman padi huma, pokok buah-buahan, lada hitam dan lain-lain. Mereka juga boleh menanam pokok kelapa sawit, pokok hutan komersial dengan sedikit subsidi dan penyeliaan Jabatan Pertanian. Semua ini mereka sering lakukan ke atas tanah mereka seimbang dengan alam semula jadi, seimbang di antara bercucuk tanam dan hutan. Ini cara pertanian dikenali agro-forestry.

Pada akhirnya yang mereka takut lakukan ialah menyerahkan tanah mereka kepada pihak lain untuk diurus manakala mereka menjadi buruh-buruh dalam ladang sendiri. Ada masanya mereka ditendang keluar atas alasan mereka tidak produktif. Di mana mereka akan bekerja kelak dan bagaimana mereka hendak mencari penghidupan? Saya mesti memberi amaran sekarang bahawa kemiskinan seumpama ini pada akhirnya akan melemahkan stabiliti negara seperti mana yang berlaku di Indonesia. Rumah Mamat ialah satu contoh typical pencerobohan tanah termuda kaum Iban di bahagian Bintulu dan kaum Iban hilang hak ke atas tanah mereka dan harapan untuk berjaya di bawah Dasar Ekonomi Baru hilang begitu sahaja.

Semakin banyak tanah di Sarawak hari ini telah diambil oleh syarikat-syarikat gergasi perladangan berpengkalan di Semenanjung untuk menanam kelapa sawit di Sarawak. Ini tidak berbeza dari hari-hari penjajahan syarikat-syarikat Inggeris seperti Guthrie, Harissons, dan Crossfield dan lain-lain syarikat yang mengambil tanah dan membuat tanaman getah. Satu lagi contoh seperti Syarikat Borneo Pulp dan Paper di Tatau, Sarawak yang mana 1.32 juta ekar tanah Sarawak telah diberi kepada syarikat untuk menanam pokok bagi kilang pulpa dan kertas yang dibuka di tepi sungai tidak jauh dari pekan Tatau. Tanah-tanah di situ ialah tanah pesaka milik sebilangan rumah panjang di antara Sungai Mukah dan Kemena. Ini meliputi 1.32 juta ekar tanah dipajak selama 60 tahun kepada syarikat, dan ini bermakna tidak seorang pun boleh

berbuat apa-apa kepada tanah-tanah tersebut kecuali syarikat selama 60 tahun. Saya memahami syarikat dijangka menanam 26,000 hektar pokok setiap tahun tetapi hari ini, syarikat hanya menanam 1,500 hektar setiap tahun. Dengan kelajuan ini bermakna syarikat akan mengambil masa selama 400 tahun untuk menanam di atas 1.32 juta hektar tanah.

Syarikat menduduki tanah hanya untuk menuntut tanah sahaja, menduduki tanah seperti ini tidak membawa apa-apa keuntungan bagi syarikat dan rakyat Sarawak, ini keuntungan wang hilang kepada rakyat rakyat. Cuba fikir jika tanah digunakan untuk menanam tumbuhan produktif seperti kelapa sawit dan katakan dengan keuntungan bersih RM300 sehektar untuk kawasan seluas 1.32 juta ekar. Jumlah menjadi RM396 juta setahun sebagai hasil untung bersih. Tetapi sekarang mereka tidak membuat wang satu sen pun.

Saya mencadangkan bahawa kerajaan mengambil balik tanah dan memberikan tanah pesaka kaum Iban kembali kepada penduduk-penduduk rumah panjang dan mengajak mereka menyertai penanaman baik pokok balak, kelapa sawit dan malah menggunakan sebahagian tanah untuk bercucuk tanam dan membina kehidupan. Bagi tanah kerajaan pula, saya tidak nampak mengapa tanah itu tidak boleh diambil balik dan dikeluarkan semula lot kecil untuk dibahagikan kepada penduduk lain bagi mencucuk tanam seperti kelapa sawit, pokok balak yang boleh memberikan pulangan segera kerana ia mengambil masa 400 tahun untuk membesarkan pokok balak dan kita mempunyai ramai usahawan-usahawan muda tempatan di bidang IKS yang mana selepas menyudahkan kerja pembalakan mereka hilang pekerjaan.

Syarat-syarat membahagikan faedah dari pertumbuhan ekonomi dengan tujuan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia telah pun dijelaskan oleh Dasar Ekonomi Baru. Jika pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru menurut keputusan dan peraturan yang ada sekurang-kurang apa yang berlaku ialah sesetengah bentuk faedah

ekonomi akan pasti memberi manfaat kepada kaum Iban dan lain-lain kaum dan kumpulan masyarakat. Tetapi disebabkan tiada usaha untuk mentakrifkan bagaimana bahagian dan ciri Dayak Iban, Dayak Bidayuh dan Dayak Orang Ulu dalam matlamat 30% Dasar Ekonomi Baru dan dalam ketiadaan apa-apa garis panduan, begitu mudah satu atau lebih kumpulan kaum atau budaya diketepikan dengan hanya memperuntukkan bahagian bumiputera daripada ekonomi pada satu, dua kelompok kaum bumiputera.

Acapkali ini dilakukan menerusi budibicara golongan elit politik sendiri. Kerajaan juga patut berhenti dari memberi projek pembangunan pada kroni. Contohnya pembinaan kondominium di Pantai Tanjong Batu, Bintulu yang mana tanah pantai utama telah diberikan untuk pembangunan sebuah kompleks peranginan laut, hari ini selepas dekat lapan tahun berlalu, projek membina sebuah kondominium sebelas tingkat masih belum siap, ia menjadi objek yang menyakitkan mata di Bintulu. Mengapa melantik pemaju yang tidak berkebolehan?

Apa yang saya ingin menyatakan di sini bahawa adalah tidak sihat memberikan kontrak terutama memberi kontrak kepada mereka yang tidak ada kebolehan, kemampuan membina dan menyiapkan projek. Ia tidak sahaja buruk kepada projek dan pelaksanaan kontrak, tetapi juga mewujudkan risiko, kadangkala bahaya kepada orang awam. Tawaran projek dan kontrak mestilah diagih dengan adil kerana mengagihkan risiko projek kepada banyak lagi kontraktor memang baik.

Saya mencadangkan supaya kita mempertingkatkan kecekapan Lembaga Tender terutama Lembaga Tender Persekutuan ditukar balik menjadi tender terbuka demi kepentingan membangun sebuah sistem yang sihat dan bebas dari amalan-amalan kroni, nepotisme dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka bangkitkan ialah mengenai para pelajar Tingkatan VI, saya faham bahawa mereka yang merancang

untuk belajar jurusan sains perubatan tidak perlu mengambil subjek Fizik dan mereka yang merancang untuk mengambil jurusan kejuruteraan tidak perlu mengambil Biologi.

Saya boleh memahami bahawa Jabatan Pendidikan cuba mengkhususkan bidang pengajian bagi para pelajar Tingkatan VI supaya mereka tidak perlu mengambil subjek yang tidak diperlukan dalam skop pengajian mereka. Akan tetapi tidakkah terlalu awal bagi pelajar-pelajar dalam usia muda ini membuat keputusan apa yang mereka patut belajar bagi menentukan kerja mereka di kemudian hari. Bagaimana pula jika mereka mendapati bahawa pilihan pertama yang dibuat tidak sebagaimana yang mereka inginkan, sudah pasti mereka tidak boleh berbalik semula kerana mereka tidak mengambil subjek teras. Dan apa pula jika pada akhir pengajian mereka dalam Tingkatan VI, semua kekosongan dalam sekolah perubatan telah penuh, apakah yang boleh dibuatnya jika seorang pelajar dipaksa mempelajari sains kejuruteraan. Begitu juga sebaliknya bagi pelajar kejuruteraan, apa akan jadi jika mereka dipaksa mengikuti bidang perubatan.

Saya ingin kepastian pihak kementerian, adakah boleh pihak kementerian memberi pilihan untuk mereka supaya mereka yang hendak mengambil kedua-dua subjek Fizik dan Biologi boleh dibenarkan berbuat demikian supaya di akhir Tingkatan VI para pelajar masih boleh memilih sendiri sama ada hendak belajar jurusan perubatan atau kejuruteraan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai pengecualian cukai pendapatan bagi tahun taksiran 1999 yang mana banyak syarikat dan pihak juruaudit berada dalam keadaan samar-samar berkaitan dengan pengecualian. Ini terjadi kerana tahun kewangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya, satu minit sahaja. Ini terjadi kerana tahun kewangan antara syarikat dengan syarikat yang lain berbeza, ia boleh jadi mana-mana tahun lalu ke mana-mana bulan dalam tahun ini. Sebagai contoh, saya sebutkan di sini, tempoh antara bulan April 1998 hingga Mei 1999 merupakan tahun kewangan bagi sesetengah syarikat, dengan ini bagaimana pengecualian ini diberikan, adakah pengecualian untuk lima bulan pertama tahun 1999 dan baki bulan-bulan 1999 di bawa untuk pengecualian tahun depan ataupun pengecualian berdasarkan tahun kewangan iaitu beberapa bulan untuk tahun 1998 dan sebahagiannya untuk tahun 1999.

Ini penting kerana syarikat-syarikat perlu diberikan notis awal supaya para pengurus boleh merancang dan mengemaskinikan akaun mereka lebih awal. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Parit Sulong.

5.26 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangkit untuk menyokong Usul yang telah pun dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana di dalam ucapan tadi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa peruntukan yang paling besar akan diberikan kepada pendidikan dan sektor latihan. Dalam konteks ini, saya juga bersyukur kerana kerajaan mula memberi perhatian yang amat serius terhadap peningkatan kualiti dan akses yang lebih kepada masyarakat Malaysia untuk mendapat pendidikan vokasional dan teknikal dengan peruntukan awal sebanyak RM500 juta.

Sebagaimana yang telah pun saya huraikan di dalam ucapan Menjunjung Kasih Kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, saya ingin tahu siapakah badan yang akan mengendalikan dana sebanyak RM500 juta di bawah Tabung Pinjaman Latihan Vokasional itu.

Yang keduanya, saya memohon semoga dengan tujuan kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal ini, saya minta Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan dan juga Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan supaya mengkaji semua segala struktur latihan dan modul latihan vokasional dan teknikal yang wujud di negara ini sekarang supaya seluruh modul ini dapat diselaraskan dan diujarkan ataupun, dengan izin, di'align'kan dengan kehendak nasional (national demand).

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin merayu supaya peringkat sektor swasta juga diberi dorongan yang lebih, sebagaimana yang telah pun ditegaskan pada hari ini bahawa kerajaan akan mendorong penyertaan sektor swasta di dalam membekalkan latihan dan pendidikan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun tegaskan baru-baru ini bahawa sektor swasta agak kurang terdorong untuk menceburi bidang education provider ini di bidang teknikal, oleh kerana modalnya adalah tinggi. Sebagai contoh, untuk mewujudkan sebuah institut latihan vokasional untuk lebih kurang 800 pelajar, memerlukan asas modal lebih kurang RM70 juta ataupun RM80 juta. Itu paling asas.

Jadi, kalau sekiranya kerajaan mahu menggalakkan penyertaan sektor swasta dengan lebih pesat, dengan lebih intensif, maka kerajaan harus mewujudkan insentif-insentif yang akan mendorong sektor swasta membabitkan diri di dalam bidang latihan kemahiran. Sekarang ini kita dapati bahawa penyertaan sektor swasta di dalam pembekalan pendidikan (education providing) atau sebagai education providers, untuk kursus-kursus professional atau kursus-kursus kolar putih memang amat menggalakkan. Daripada statistik yang diperolehi dari Kementerian Pendidikan, sekarang ini terdapat lebih kurang 560 IPTS yang membekalkan pendidikan kepada anak-anak Malaysia ataupun anak-anak remaja dari luar negara. Pokoknya adalah berapa banyak di antara yang telah pun dilesenkan oleh Kementerian Pendidikan yang menceburkan diri dalam bidang latihan vokasional ataupun teknikal. Daripada jumlah yang ada di tangan saya terlalu kecil, amat negligible.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya memohon menerusi strategi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini harus digubal satu follow-up, satu susulan kepada cara bagaimanakah kita mahu meningkatkan penyertaan swasta di dalam membekalkan pendidikan dan latihan vokasional supaya jumlah tenaga manusia terlatih, skilled dan semi-skilled yang diperlukan oleh industri di dalam negara khususnya industri multimedia dapat memenuhi kehendak itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk, Yang Berhormat boleh sambung hari Selasa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 27 April 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.